



MAJALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

# QIADAH



FOKUS

KELANTAN MENEROKA  
REVOLUSI INDUSTRI 4.0

VARIASI

PELAN TRANSFORMASI  
KELANTAN DIGITAL

DESTINASI

DIGITAL CITY,  
KB MALL



*Kelantan*  
MEMACU ERA DIGITAL



ISSN 2289-5438



9 772289541000

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

# UNTUK DIJUAL

## RUMAH MAMPU MILIK KELANTAN (RMMK) MERANTI, PASIR MAS

### Lokasi

700 Meter daripada Klinik Kesihatan Meranti, Pasir Mas

Berselbarisan projek 59 unit Rumah Mampu Milik

Jenis	Harga Jualan	Unit
Rumah Teres 1 Tingkat	RM85K	16
Rumah Teres 1 Tingkat	RM130K	43
Rumah Kedai 1 Tingkat	RM210K - RM340K	6

No. lesen Permaju: 13797-2/09-2021/0871(P)  
No. Permit Ikon & Jeolani: 13797-2/09-2021/0871(L)



**DISKAUN  
RM10K**  
UNTUK PEMBELI PERTAMA

1 Km Dari  
Pekan Melor

- 3 Bilik Tidur
- 2 Bilik Air

**2 UNIT SEMI-D  
MELOR**

SEMI-D A (LOT11231)  
Harga Jualan - RM299,000  
Luas Tanah - 3552kp  
Luas Bangunan - 1200kp

SEMI-D B (LOT11230)  
Harga Jualan - RM290,000  
Luas Tanah - 3498kp  
Luas Bangunan - 1200kp

**PROJEK AKAN DATANG**  
✓ 4 UNIT SEMI-D  
✓ 16 UNIT TERES SATU TINGKAT



Hubungi:

**09-747 7227 / 019-217 4649**

PMBK Development Sdn Bhd

# Perumahan Kami, Impian Anda



## BANGLO MEWAH MESRA SYARIAH

HARGA BERMULA

**RM428,500**



PELAN LOKASI  
WADI IMAN PMBK II  
PASIR GINDA



KOORDINAT LOKASI  
5.831522148058898, 102.1221069689494

### Spesifikasi Kediaman

- Struktur Kangka Konkrit Tukang
- Bumbung Jubin Konkrit/Kerangka Keluli Bangunan
- Binding Batu Merah
- Luas Rumah 1,763kp
- Luas Tanah 5,405kp

### Kemudahan Kami

- Banglo Berkapasiiti 4 Bilik Tidur+4bilik Air Salz Rumah Dan Tanah Yang Luas
- Lokasi Dekat Dengan Bandar Tanah Merah
- Sistem Perparitan Yang Komprehensif
- Jalan Bertar
- Perumahan Lengkap Dengan Lampu Jalan
- Sistem Pungutan Sampah Berpusat
- Suasana Pensekitaran Yang Nyaman Dan Tenang
- Rekabentuk Cantik, Moden Dan Kontemporari
- Rumah Yang Seluk Oleh Binaan Bata Merah



### Tawaran Kami

- > Percuma Yuran Guaman (tanpa disbursement)
- > Percuma Perjanjian Jual Beli
- > Deposit Serendah RM500 Sahaja
- > Hadiiah Misteri Untuk Pembeli Terawal

Hubungi Segera!

**011-25469440  
013-9810054**

# AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL QIADAH EDISI KE-23

## KETUA EDITOR

Hj. Abdul Rashid Mohd Yusoff  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## TIMBALAN KETUA EDITOR

Wan Mohd Husni Wan Osman  
Ketua Pegawai Operasi  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## SETIAUSAHA JAWATANKUASA

### EDITORIAL

Zamakhshari Muhamad  
Pengurus Kanan Pemasaran &  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## JAWATANKUASA EDITORIAL

Dr. Wan Nik Wan Yusoff  
Pengarah Pusat Kajian Strategik

Mohd Asri Mat Daud  
Setiausaha Politik  
Menteri Besar Kelantan

Mohd Khairul Padli Baduldin  
Setiausaha Akhbar  
Menteri Besar Kelantan

Haji Mahadi Mokhtar  
Pengurus Kanan Pembangunan Korporat  
Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings  
Sdn. Bhd.

Mohd Haikal Rozaini  
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Muhammad Najid Abdullah  
Penolong Pengurus Modal Insan  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Abdul Fatah Jaafar  
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.

Hak cipta majalah korporat PMBK (Qiadah) dan kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, dan susunannya serta bahan-bahannya adalah hak milik PMBK. Tiada mana-mana bahagian majalah ini boleh diubah, disalin, diedar, disiar, dipamerkan, diterbitkan semula, dilesenkan, dipindah, disimpan, dijual atau mencipta karya terbitan daripada mana-mana maklumat atau bahagian majalah, serta diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada PMBK.

## PENYELARAS EDITORIAL

Sharlah Derahman  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## PEMBANTU PENYELARAS EDITORIAL

Siti Norazami Mohamed Anuar  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## PENGARANG

Norzana Razaly (Zanazanzaly)

## PENULIS BERSAMA

A. Ubaidillah Alias  
Dr. Wan Adi Wan Yusoff  
Nasruddin Mahmud Muhalidin  
Norhasliza Said  
Zainah Din  
Haji Firman Hajma  
Wan Nor Alnon Wan Abdullah  
Marzuki Mohd Nor El-Fereghati  
Nuramallina Lizam  
Rosnani Ripin  
Tun Gemawan  
Nik Faiziah Nik Hussin  
Elynn Mohd  
Sharlah Derahman  
Muhammad Najid Abdullah  
Noorleyne Hamzah  
Mohd Haikal Rozaini  
Siti Norazami Mohamed Anuar

## PEREKA PETAK & GRAFIK

Mohd Haikal Rozaini  
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Sharlah Derahman  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## Mustaqim Isa

Pembantu Tadbir Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## JURUGAMBAR

Ahmad Na'ime Muhammad  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## JURUGAMBAR BERSAMA

Unit Komunikasi Menteri Besar  
(UKMB)  
Unit Multimedia & Dokumentasi  
U-BeS

Unit Komunikasi Korporat MAIK  
Mohd Haikal Rozaini  
Sharlah Derahman  
Mustaqim Isa

## PENGIKLANAN, PEMASARAN & PROMOSI

Jabatan Pemasaran  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## DITERBITKAN OLEH

Perbadanan Menteri Besar  
Kelantan.  
Tingkat 6, Bangunan PMBK,  
Jalan Kuala Kral, 15150  
Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09-747 4082  
Faks: 09-747 7815  
Portal: www.pmbk.gov.my

## DICETAK OLEH

Dinamik Restu Solutions Sdn. Bhd.  
PT361, Tingkat Bawah, Belakang Tesco  
Kota Bharu,  
15050 Kota Bharu  
Kelantan.  
Tel: 013-9587478





# KELANTAN PAY

Platform Sistem Pembayaran Bagi Perkhidmatan Kerajaan Dan Pelbagai Jenis Bil



# اپلیکاسی ڈیبایرن ایلیکٹرونیک APLIKASI PEMBAYARAN ELEKTRONIK



BIL AIR




ZAKAT MAIK



CUKAI BANDAR,  
KOMPAUN & SEWA



PTPTN



GET IT ON  
Google Play

Available on the  
App Store



BIL  
PEMBENTUNGAN



BIL ASTRO



POSTPAID



KOMPAUN PARKIR

Maklumat lanjut, hubungi :  
KELANTAN ICT GATEWAY SDN. BHD.



019-985 7072  
017-914 0036




09-741 4370



[www.kelantanpay.gov.my](http://www.kelantanpay.gov.my)



[kelantanpay](#)





LAMAN HADAPAN:  
**KELANTAN  
MEMACU ERA  
DIGITAL**

# QIADAH

Kecanggihan media baharu dalam memaparkan nilai interaktif pelbagai sumber menjadikan masyarakat mudah terdedah kepada pelbagai informasi. Kerajaan negeri Kelantan mengambil pendekatan kuasa di hujung jari dalam usaha untuk membangunkan dan memperkasa kandungan serta penyiaran digital berpaksikan Membangun Bersama Islam. *Kredit gambar: Ben Ebrahim*

<p><b>PERISTIWA</b></p> <p><b>8</b> TIGA DEKAD PENTADBIRAN MBI</p>	<p><b>FOCUS</b></p> <p><b>12</b> KELANTAN MENEROKAI REVOLUSI INDUSTRI 4.0</p>	<p><b>FOCUS</b></p> <p><b>17</b> SMARTER DIGITAL TOWNSHIP</p>	<p><b>VARIASI</b></p> <p><b>22</b> PELAN TRANSFORMASI KELANTAN DIGITAL</p>
<p><b>VARIASI</b></p> <p><b>26</b> KEMAHIRAN DIGITAL USAHAWAN KELANTAN</p>	<p><b>VARIASI</b></p> <p><b>30</b> e-SUKAN</p>	<p><b>VARIASI</b></p> <p><b>34</b> WANITA KELANTAN MANFAATKAN e-DAGANG</p>	<p><b>VARIASI</b></p> <p><b>38</b> PENGARUH TEKNOLOGI DIGITAL</p>
<p><b>VARIASI</b></p> <p><b>41</b> TEKNOLOGI ALAM SEKITAR</p>	<p><b>VARIASI</b></p> <p><b>44</b> PENGUASAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT</p>	<p><b>VARIASI</b></p> <p><b>48</b> MODENISASI PUASI SECARA MASA</p>	<p><b>PEMIMPIN</b></p> <p><b>52</b> YB TUAN MOHD SARIPUDIN</p>





MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN  
**TIGA DEKAD PENTADBIRAN  
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM  
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
DAN AMANAT MENTERI BESAR KEPADA PENJAWAT AWAM



Ucapan perasmian berserta amanat disampaikan oleh Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan.



Gimik pelancaran tiga dekad pentadbiran Membangun Bersama Islam.

مجلس يع دحاصيري اوله فتجارت-فجوات عوام نگري اين تله داداكن قد 25 اوكتوبر 2020 برسماءن 8 ربيع الأول 1442 دديوان جاموان اوتام، كومليك من كوت دار النعيم.

داتوه بنتارا كانن مترى بسر كلتن ملاهير كن فثير گاهن كند باري سن فتجوات عوام نگري كلتن اتس سوكو غن فانو دالم مقسالنكن داسر مبعاون برسام إسلام متفتح تيگ ديک فنتبیران دنگري كلتن.

Majlis yang dihadiri oleh penjawat-penjawat awam negeri ini telah diadakan pada 25 Oktober 2020 bersamaan 8 Rabiul Awal 1442 di Dewan Jamuan Utama, Kompleks Kota Darulnaim.

Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan melahirkan penghargaan kepada barisan penjawat awam negeri Kelantan atas sokongan padu dalam melaksanakan dasar Membangun Bersama Islam sepanjang tiga dekad pentadbiran di negeri Kelantan. ■



**YAB DATO' BENTARA KANAN  
USTAZ DATO' HJ. AHMAD HJ. YAKOB**

S.J.M.K., D.J.M.K (Kelantan), J.P., S.M.K.

MENTERI BESAR KELANTAN merangkap  
PENGURUSI PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

# PELAN INDUK PEMACU ICT — KELANTAN —

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Pencipta dan Pemilik seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan baginda SAW, ahli keluarganya, para sahabatnya serta mereka yang berjuang di atas jalan yang sama.

Pada awal tahun ini, saya telah membentangkan Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan 2019-2023 (PIPM 2019-2023) di dalam ucap tama tahun 2020. Ia merupakan agenda pembangunan sosioekonomi negeri secara inklusif melibatkan pihak berkepentingan termasuk kerajaan negeri, swasta, akademia dan rakyat secara amnya.

Kita akan memperkasa dan memperkuuh pembangunan ICT di Kelantan agar menjadi negeri digital selaras dengan prinsip-prinsip Islam untuk kemakmuran rakyat termasuklah agenda mewujudkan Lembah Silikon Mini yang dirancang sejak tahun 2019 lagi. Perkara ini telah dibincangkan dalam Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke Hadapan 2016-2025 (KMK 2016-2025) dan kini ia diperkemaskan lagi dalam PIPM 2019-2023.

## EKONOMI DIGITAL



Teknologi ICT dan Industri 4.0

### INDUSTRI BANDAR PINTAR

Perkhidmatan



### Teknologi Platform

Menerusi PIPM 2019-2023, kita komited memfokus kepada pelaksanaan secara bersepadu aspek Ekonomi, Sosial, Alam Sekitar, Tadbir Urus dan Inovasi. Kita mahu menjadikan negeri Kelantan sebagai negeri yang lebih berdaya saing, kualiti kehidupan rakyat yang tinggi, pemeliharaan alam sekitar yang mampan, tadbir urus yang efisien dan suasana yang berinovasi.

Kita telah merancang proses pengauditan integriti keselamatan menara, struktur sistem pemancar telekomunikasi di seluruh negeri Kelantan. Proses ini bakal membantu memberi impak positif terhadap infrastruktur ICT di Kelantan sekali gus memastikan ketahanan dan tahap keselamatan setiap menara sedia ada kerana terdapat sebahagian menara yang sudah mencecah usia puluhan tahun.

Proses Audit Menara ini sangat penting bagi mengawal secara sistematik pembangunan infrastruktur telekomunikasi. Setiap pengguna menara akan dipantau serta perlu mendapat kebenaran yang sah untuk beroperasi bagi memastikan Isu-Isu Integriti dan keselamatan terjamin. Langkah ini juga dijangka akan memberi pulangan kepada pihak kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Akhir kata, semoga visi dan misi ini akan tercapai dan mampu memberi manfaat kepada seluruh rakyat di negeri Kelantan. Mudah-mudahan segala usaha murni ini diterima Allah SWT sebagai amal soleh dan menjadi saham di akhirat nanti. ■

**HJ. ABDUL RASHID MOHD YUSOFF**

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

## KEHIDUPAN DALAM ERA DIGITAL **DOGMA DUNIAWI & DEDUKSI UKHRAWI**

*Alhamdulillah. Segala pujian hanya layak buat Allah SWT. Selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabat dan umat Islam seluruhnya.*

Mengangkat kehidupan duniawi dengan segala kemudahan teknologi dan kemodenan serta mengaitkannya dengan kesudahan hidup di dunia iaitu akhirat adalah termasuk dalam peringatan ayat di atas. Manusia dengan keluasan ilmu dan kudrat leluasa Allah mengikut kadar rezeki dan takdir hidup masing-masing boleh menikmatinya selagi bernyawa.

Era digital telah mengubah kehidupan manusia daripada interaksi fizikal kepada maya. Ia pastinya memendekkan tempoh sesuatu proses dan memudahkan urusan harian melalui interaksi mesin berpaksikan asas digital terutama capaian Internet.

Global Digital Report 2019 misalnya telah meletakkan Malaysia pada tahap 80 peratus dengan pengguna menghabiskan purata lapan jam lima minit sehari dalam talian digital. Malaysia juga berada pada kedudukan teratas Asia Tenggara penggunaan media sosial mudah alih dalam kalangan rakyat.

Data sebegini menunjukkan kita sedang menikmati kemudahan yang membantu menyelesaikan urusan harian dengan cepat dan mudah. Semuanya berada di hujung jari dan kita berada di langit terbuka.



Pandemik Covid-19 hadir dengan norma baharu yang mengehadkan pergerakan dan pertemuan fizikal antara satu sama lain. Norma baharu ini seolah bertepatan dengan teknologi digital yang sedang rancak berkembang. Penggunaan transaksi jual beli dalam talian, malahan jalinan sosial yang lain menggunakan teknologi ini dilihat mampu mengurangkan risiko penularan.

Semua inilah yang saya maksudkan sebagai dogma duniawi yang sedang dirancakkan penggunaannya dalam era digital. Kemudahan dan kesenangan dalam urusan hidup sehari-hari adalah anugerah buat generasi hari ini. PMBK juga tidak terkecuali dalam melestarikan urusan sehari-hari menggunakan teknologi digital dalam kerja-kerja harian bagi mempercepatkan proses dan mengurangkan birokrasi.

Atas justifikasi kemudahan, dunia era digital dilihat sebagai norma baharu yang penting tetapi ia pastinya akan terkesan dengan beberapa sisi negatif yang tidak seharusnya dikesampingkan. Sisi tersirat sebegini seharusnya diperhalusi dan Qiadah kali ini akan mengangkat sebahagian perkara penting dalam memberikan gambaran secara deduksi.

Sebagai rakyat negeri yang mengangkat prinsip Membangun Bersama Islam, era digital yang sedang kita nikmati hari ini tidak seharusnya melalaikan kita kepada kehidupan akhirat. Semudah mana pun kehidupan sehari-hari yang sedang kita nikmati, tidaklah boleh menjadikan kita alpa kepada tujuan sebenar kehidupan iaitu dunia sebagai jambatan menuju akhirat.

Bagi pihak PMBK, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua sidang editorial yang bertungkus lumus menyiapkan bahan untuk didokumentasikan dalam Qiadah edisi kali ini. Saya mengharapkan agar segala input yang diberikan akan dapat memberikan suatu rumusan kepada para pembaca untuk lebih mengetahui berkaitan semua sisi penting dalam melayari era digital hari ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penulis dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak atas jerih upaya yang ditunjukkan dalam penghasilan bahan bacaan untuk rakyat Kelantan khasnya ini. Hanya Allah Jua yang layak membalaunya. ■



## KELANTAN MENEROKA REVOLUSI INDUSTRI 4.0 INFRASTRUKTUR TADBIR URUS NEGERI DIKEMAS KINI

Oleh: Norhasliza Said

Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) adalah zaman perubahan era revolusi masa kini. Era revolusi bermula dengan penggunaan mesin berkuasa wap. Beralih kepada revolusi penggunaan tenaga elektrik dan revolusi industri ketiga memfokus penggunaan teknologi maklumat (IT). Pembangunan IR 4.0 adalah kecerdasan buatan (artificial Intelligence atau AI) yang memacu hubungan antara manusia, peralatan fizikal dan dunia digital.

Teras lainnya, Teknologi Pemprosesan Awan dalam penyimpanan dan pemprosesan data, Internet of Things (IoT) yang menghubungkan diria pintar kepada peralatan dengan sambungan Internet serta Analisis Data Besar yang menggunakan data dikumpul untuk penyediaan perkhidmatan dan melakukan unjuran tepat.

### Pembangunan Infrastruktur

Menyahut cabaran modenisasi dan kepesatan pembangunan kemajuan sains dan teknologi, kerajaan negeri Kelantan berinisiatif meneroka era IR 4.0 dengan persediaan rapi.

Langkah pertama, kerajaan negeri memberi tumpuan

 **Pembangunan mampan berupaya membuka peluang pasaran dan ekonomi baharu digital, hijau dan berkitaran, melibatkan industri baharu strategik, seperti bioplastik, bandar pintar dengan sokongan aplikasi Industri 4.0”**

Petikan Ucaptama Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan ketika penyampaian Amanat Tahun Baharu 2020.

dan penekanan kepada pembangunan infrastruktur ICT demi memastikan kelangsungan kemajuan pembangunan digital di Kelantan. Projek CSR Infra Quest Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui kerjasama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan syarikat penyedia telekomunikasi telah memperluas kawasan liputan telekomunikasi.

Kesannya, rakyat Kelantan telah pun menikmati kemudahan perkhidmatan wi-fi percuma di bandar Kota Bharu. Inisiatif ini menjadikan rakyat celik Internet dan IT. Mereka mampu bergerak seiring ke hadapan dan menikmati kemudahan daripada teknologi terkini dan tidak ditinggalkan arus pembangunan digital ekonomi dan sosial.

Kerajaan Kelantan juga telah memasang wi-fi di 45 Dewan Undangan Negeri (DUN), 30 buah masjid utama jajahan dan 22 buah sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

### Penambahbaikan dan pengukuhan capaian

Dalam konteks tadbir urus kerajaan negeri, penambahbaikan dan pengukuhan sistem penyampaian maklumat

# REVOLUSI INDUSTRI



Revolusi industri bermula. Mekanisme industri pembuatan dengan pengenalan kuasa wap dan air.

Revolusi 1



Industri pemasangan, pembuatan dan pengeluaran besar-besaran menggunakan kuasa elektrik.

Revolusi 2



Pengeluaran secara automatik menggunakan elektronik, kawalan logik yang dapat diprogramkan (programmable logic control, PLC), sistem teknologi maklumat dan robotik.

Revolusi 3



Membuat keputusan autonomi melalui sistem fizikal siber menggunakan pembelajaran mesin melalui teknologi dalam talian.

Revolusi 4

digital kerajaan dilaksanakan melalui peningkatan capaian Kelantan Net. Pada tahun 2019, Internet berkelajuan tinggi telah dinaik taraf daripada 100 mb kepada 1 gb oleh Symphonet Sdn. Bhd.

Kemudahan peningkatan keupayaan komunikasi digital juga dilebarkan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK), Pejabat Tanah dan Jajahan serta Majlis Daerah seluruh Kelantan dengan meningkatkan kelajuan Internet sehingga 50 mbps.

Demi kecemerlangan perkhidmatan yang disasarkan kepada rakyat Kelantan keseluruhannya, kerajaan negeri menyokong penuh usaha pembangunan digital melalui Inisiatif yang dirancang dan dilakukan oleh jabatan dan agensi dibawahnya seperti:

## 1. Bayaran tanpa tunai

Aplikasi Sistem Pengurusan Hasil Tanah (SPHT) giat dibangunkan dan ditambah baik. Bayaran hasil tanah boleh dibuat melalui portal pembayaran dalam talian bagi memudahkan urusan rakyat dengan agensi kerajaan negeri dilakukan.

## 2. Program latihan kecekapan

Program Digital Government Competency and Capacity Readiness (DGCCR) berlangsung pada 22 September 2019 bertempat di Kompleks Kota Darulnaiman anjuran Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar Jabatan Perkhidmatan Awam (BPPD, JPA) dirangka khas untuk meningkatkan kompetensi dan keupayaan penjawat awam dalam menyampaikan perkhidmatan awam yang lebih cepat dan cekap.

## 3. Pertandingan Inovasi

Bahagian Pengurusan Korporat SUK juga telah menganjurkan Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Kelantan (AISAK) 2019 sebagai rangsangan untuk menggalakkan penciptaan inovasi kreatif bagi menambah baik perkhidmatan awam di jabatan kerajaan. Dalam pertandingan tersebut, "Pelan Kelulusan Satu Hari" ciptaan pasukan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) menjuarai kategori Pihak Berkuaan Tempatan (PBT).

Projek ini memfokuskan kecekapan perkhidmatan PBT yang dapat memberi manfaat kepada orang awam khususnya penduduk jajahan Kota Bharu untuk mendapat makluman kelulusan pelan bangunan dalam tempoh satu hari sahaja berbanding sebelum ini selama 38 hari. Kelulusan Pelan Bangunan pula merujuk permit kelulusan mendirikan bangunan di kawasan PBT yang diwajibkan bagi mematuhi syarat Majlis.

Idea asal pelan tersebut dicetuskan oleh Yang Dipertua MPKB-BRI untuk menggerakkan pihak jabatan Kawalan Bangunan dalam menggembungkan tenaga secara berkumpulan bagi merealisasikan kecemerlangan kecekapan perkhidmatan kepada penduduk setempat. Kejayaan ini akan memberi lebih kebaikan kepada rakyat Kelantan keseluruhannya jika contoh pelaksanaannya diperluaskan kepada semua PBT di semua daerah dan diadaptasi mengikut kesesuaian masing-masing.

Dari segi ekonomi, program ini menggalakkan pembangunan di kawasan MPKB-BRI dan secara

langsung membantu menaikkan kutipan cukai oleh Majlis. Ini memberi situasi "menang-menang" antara rakyat dan juga PBT dalam memberi dan menerima perkhidmatan yang disediakan. Rakyat dan pelabur akan lebih berminat untuk melakukan pembangunan di negeri ini disebabkan perkhidmatan yang ditawarkan adalah kelulusan segera dan mesra.

#### 4. Aplikasi teknologi pintar

Proses Kelulusan Bahan Secara e-Sistem bergelar "Tickmats" diperkenalkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat Jabatan Kerja Raya (JKR) Kelantan. "Tick" dirujuk sebagai pilih atau tanda dan "mat" merujuk bahan (material).

Sebelum projek Tickmats dihasilkan pemantauan dan kelulusan bahan masih lagi menggunakan borang manual yang menimbulkan isu dalam proses mengesan borang kelulusan bahan. Pihak terlibat menghadapi masalah mengesan pemantauan untuk mendapatkan keputusan bahan yang diluluskan atau tidak diluluskan yang mana setiap projek selalunya melibatkan tiga pihak iaitu kontraktor atau pemohon, perunding JKR atau pengesyur luar (designer) dan wakil pegawai penguasa.

Mendapatkan kelulusan adalah fasa penting bagi mengelakkan risiko penggunaan bahan yang tidak lulus piawaian. Ketiga-tiga pihak di atas akan mengambil masa untuk meluluskan permohonan berdasarkan kepakaran dalam bahagian masing-masing, barulah kerja tapak boleh dimulakan.

#### Aplikasi IoT dan teknologi

Sistem Tickmats mengutamakan aplikasi IoT dan teknologi. Borang kelulusan bahan yang telah digitalkan boleh diakses melalui telefon pintar. Setiap fasa bagi mendapatkan kelulusan dibuat melalui telefon pintar dan maklum balas kelulusan daripada setiap fasa juga boleh dirujuk melalui gajet tersebut.



Contohnya, bahan yang dipilih akan dihantar kepada pegawai tapak bina untuk disyorkan dan diluluskan serta dihantar maklum balas tanda pilih atau tanda material sebelum ia disahkan untuk digunakan dalam kerja tapak.

Telefon pintar akan memberi isyarat melalui telefon pintar lain pada setiap peringkat dan memberitahu sekiranya bahan tertentu itu lulus, gagal ataupun masih perlu diteliti. Melalui sistem ini, proses aliran kelulusan boleh dipantau dan dikesan sekranya terdapat sekatan pihak tertentu yang menyebabkan kelewatan memberikan maklum balas kelulusan sesuatu projek.

Kes kelewatan atau tidak mendapat maklum balas langsung dalam mendapatkan kelulusan projek dapat dibendung dan ini banyak membantu pihak terlibat untuk menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.

Kepincangan berlaku apabila kelulusan sesuatu projek sebelum ini melangka jauh melebihi ketetapan masa 14 hari. Selain daripada itu, sistem ini membantu untuk mengawal kualiti bahan yang digunakan untuk sesuatu projek dan memudahkan proses bayaran balik kepada kontraktor di samping memelihara integriti pelbagai pihak yang terlibat.

#### Menikmati pemodenan teknologi

Pada tahun 2018, rakyat Kelantan tanpa sedar sudah pun menikmati arus pemodenan teknologi apabila JKR (Kejuruteraan Elektrik) cawangan Kelantan menjuarai AISAK 2018 melalui projek Analisa Trafik Pintar, Sistem Analisa Pintar dan Pengecaman Trafik (STAR).



Sistem ini dapat membantu dalam mengatasi masalah operasi sistem lampu trafik secara konvensional. Pemantauan sistem lampu trafik boleh dilakukan dengan lebih sistematik dan efisien berdasarkan pengumpulan data yang dianalisa.

Sebagai contoh, pemantauan boleh dilihat daripada segi kesibukan trafik luar biasa serta analisa bilangan kenderaan di simpang tertentu dan ini membantu dalam menentukan kadar keperluan masa untuk lampu hijau menyala pada waktu yang diperlukan. Laporan status dapat dilihat secara masa nyata dan kebolehcapaian sistem juga boleh dibuat daripada sebarang peranti mudah alih.

Kecanggihan teknologi Internet Benda (IoT) menghubungkan pelbagai peranti yang berkaitan

kepada pelbagai jabatan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis dan Jabatan Pengalihan dan Saliran (JPS).

Sistem STAR memberikan penjimatan masa, tenaga kerja dan menurunkan kos operasi kerana ia berupaya menghantar amaran kerosakan melalui aplikasi Telegram. Petugas hanya perlu melaporkan tindakan susulan kepada pihak bertanggungjawab untuk proses baik pulih.

Selain itu, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) juga telah memperkenalkan aplikasi pintar "i-Attendance" kepada kakitangannya. Dilancarkan pada 5 Januari 2020, teknologi pintar ini mampu merekodkan kehadiran kakitangan secara sistematis pada masa nyata. Ia juga boleh digunakan untuk pemantauan kakitangan bersasar secara "on the go" dan merentasi bahagian. Aplikasinya boleh diakses dengan menggunakan telefon pintar di mana-mana sahaja.



### Budaya pembangunan teknologi

Pada tahun 2019, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, SUK dan Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (KIGSB) bersatu menggerakkan tenaga melalui Program Pembangunan Sains dan Teknologi dengan menganjurkan program Anugerah Inovasi dan Reka Cipta Kerajaan Negeri Kelantan yang diadakan di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV.

Program ini telah menyaksikan pembabitan pelbagai lapisan rakyat Kelantan menyertaiinya. Antara perenang projek inovasi digital ialah Kumpulan IM-Dreamers dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UITM cawangan Kelantan yang menghasilkan inovasi bertajuk Autonomous Attendance Monitoring System (AMoS).

Selain itu, kumpulan IM - Vative mereka cipta projek Sistem Pendaftaran Pelawat menggunakan Peranti Pembaca MyKad (VRES). Manakala Kumpulan IM - Aksis pula menghasilkan projek yang digelar Anugerah Sistem Informasi Kecemerlangan Siswa (AKSIS). Semua usaha ini adalah galakan besar daripada kerajaan negeri Kelantan demi memperkasa dan membudayakan pembangunan teknologi dalam kalangan rakyat negeri ini.

### Aplikasi mudah alih

Terang lagi bersuluh, agensi milik kerajaan negeri iaitu PKINK melalui anak syarikatnya KIGSB turut memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan digital ekonomi Kelantan.

Syarikat ini telah membangunkan aplikasi pembayaran mudah alih "Kelantan Pay" yang menyediakan kemudahan akses kepada PBT untuk bayaran saman, cukai bandar, permit perniagaan dan sebagainya.

Selain itu, langkah yang dimulakan seawal Jun 2019 ini juga membolehkan pengguna untuk membuat bayaran secara dalam talian untuk pembayaran bil air, elektrik, telekomunikasi dan perkhidmatan pengurusan kumbahan di negeri ini. Tidak kurang juga pentingnya aplikasi Kelantan Pay adalah sebagai platform perniagaan tanpa tunai bagi menyokong pembangunan pesat teknologi masa kini.



Aplikasi Kelantan Pay.

Kemudahan bayaran melalui aplikasi Kelantan Pay terbuka kepada pemegang kad debit atau kredit, atau bayaran dalam talian secara terus (online banking) dengan kerjasama daripada Master Card, Visa, Razor dan penyedia e-wallet Malaysia seperti Seven Eleven Sdn. Bhd.

Kerajaan negeri sememangnya menyokong teguh usaha sama dengan pihak swasta, PBT dan agensi kerajaan bagi memperkasakan pelaksanaan aplikasi ekonomi digital pada masa akan datang.

Mengikuti arus modenisasi generasi hari ini, kaedah melaksanakan operasi perniagaan juga sudah jauh berbeza. Barang dan perkhidmatan dipesan melalui sentuhan jari sahaja. Menyahut perubahan ini, KIGSB memperkasakan platform e-dagang melalui aplikasi mobile KALA Shop.

Penggunaan kaedah bayaran tanpa tunai (cashless) dapat mengembangkan budaya masyarakat tanpa tunai melalui Kelantan Pay yang sesuai dengan era digitalisasi masa kini. Sektor e-dagang berada di landasan kukuh untuk perkembangan ekonomi serantau. KALA Shop bakal menjadi platform sehenti e-dagang kepada pengeluar produk tempatan dan usahawan lain di negeri kelantan untuk mempromosikan produk jualan mereka.

## Ilmu e-dagang

Namun cabarannya juga tidak memberi laluan mudah kepada pihak bertanggungjawab justeru memberi kefahaman dan mengajarkan ilmu teknologi e-dagang kepada pihak yang disasarkan memerlukan usaha keras dan berterusan kepada rakyat negeri ini bagi mencapai matlamat.



Pada masa hadapan, projek "cloud" dipercayai akan menyokong pembangunan pusat data mini dan persediaan ekosistem yang kondusif untuk membangunkan bandar digital atau bandar pintar. Di samping itu, projek Lembah Silikon Mini dan pembangunan infra jalur lebar juga akan dibangunkan bagi persediaan Internet berkelajuan tinggi di UTC Kelantan. Projek tersebut bertindak sebagai pemangkin pembangunan digital negeri Kelantan secara holistik.

### Kekal berdaya saing

Dalam usaha merealisasikan pembangunan revolusi Industri 4.0 ini, tidak dinafikan kerajaan Kelantan mengharungi cabaran khususnya dalam sektor yang memerlukan perubahan pantas seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing.

Penguasaan ilmu dan pelaksanakan sistem teknologi berasaskan automasi dan Internet Benda, penganalisaan Data Besar (Big Data), simulasi dan integrasi sistem, penggunaan robotik dan "cloud" pada era IR 4.0 menjadi cabaran dalam melahirkan modal insan berteraskan ajaran Islam dilihat sebagai teras yang tidak boleh dikompromi.

Ia sememangnya memerlukan persediaan awal yang teliti untuk menghasilkan golongan ilmuan teknologi yang bermahliran tinggi dan pada masa yang sama tidak mengetepikan nilai modal insan berkualiti untuk mentadbir urus pembangunan ekonomi Kelantan.

### Selari dengan nilai Rabbani

Kepesatan pembangunan teknologi dan implementasinya hendaklah diselaraskan dengan nilai Rabbani dalam menghadapi IR 4.0 yang terdedah kepada ancaman gangguan privasi, keselamatan siber yang boleh mengancam dan mempengaruhi nilai hidup

yang boleh meruntuhkan moral dan kemurnian norma masyarakat jika tidak dikawal dan dibendung.



Imbas kod QR bagi pengesahan kehadiran Program Digital Government Competency And Capability Readiness Kelantan.

Selaku negeri yang mendaulatkan Islam sebagai pegangan hidup, kemajuan IR 4.0 mestilah berpaksikan Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan. Pembentukan modal insan berkualiti adalah penting kepada Kelantan seliring dengan pentadbiran kerajaan yang mengangkat dasar "Membangun Bersama Islam" berada selari dengan perkembangan arus kemodenan dunia untuk terus memacu perubahan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri komited membangunkan Maahad Tahfiz Sains yang melahirkan insan yang bakal menguasai ilmu barteknologi tinggi dan diasuh mengamalkan ilmu sains tersebut sejajar dengan kehendak Pencipta. Masa hadapan dicorakkan dengan ilmu yang dibekalkan, masa kini pula dilengkapi persediaan ke arah menghasilkan individu bersifat "Industry ready". Inilah kemestian untuk menghadapi era IR 4.0 yang penuh cabaran.

Kesimpulannya, persiapan sudah dibuat, persediaan menghadapi cabaran era IR 4.0 dan pendedahan serta tahap penerimaan rakyat untuk mengaplikasikan perubahan teknologi terkini telah dikemas kini. Pelbagai pihak perlu menggembungkan tenaga dan usaha untuk mengetengahkan inisiatif yang relevan serta idea kreatif dan berinovasi tinggi demi kebertanggungjawaban untuk memacu Kelantan ke arah kemajuan pada era IR 4.0. ■

### Rujukan:

1. Teks ucapan Dato' Dr. Haji Mohamed Fadzli Dato' Haji Hassan, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan, Majlis Pembukaan KIDEX dan Penyampaian Anugerah Inovasi, 1 Zulkaedah 1440/4 Julai 2019.
2. Malaysiakini, Revolusi Industri 4.0: Perlu bersiap, perubahan pantas-pensyarah Dis 25, (2018) dikemas kini Dis 25, 2018, Kurniawati Kamarudin.
3. Revolusi Industry 4.0, Bendahari UMP (I).
4. <https://www.thevocket.com/rumah-plntar/>
5. Laman web Kelantan Pay.
6. Teks ucapan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKINK, Majlis MOU Symphonet dan KIGSB.
7. Kertas Cadangan projek STAR.
8. Temu bual dengan JKR Kelantan.
9. Temu bual dengan Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).



By: Zainah Din

# GREENER SMARTER DIGITAL TOWNSHIP THE KELANTAN WAY

Last year, the first conference on Kelantan Smart City and Digital Economy took place in Kota Bharu for three days. Arguably as one of a more traditional state in Malaysia, the conference was a rather bold move by Kelantan's digital technology agency, Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (KIGSB) to spark interest in the Kelantan State Digital Transformation Initiatives among its citizen and stakeholders.

Two scholars, Mark Deakin and Husam Al Wear define the smart city as one that utilizes ICT to meet the demands of its citizens, and that community involvement in the process is necessary for a smart city. A smart city would thus be a city that not only possesses ICT technology in particular areas, but has also implemented this technology in a manner that positively impacts the local community.

Smart city development projects may propose for solution to tackle and face the urbanization challenges brought up by the population growth. In doing so, many governments in Asia are resorting to technological and digital solutions (hence the term smart city or some call it as digital city) that can improve public safety, environmental monitoring, water treatment, transportation, and energy generation and consumption.

To do so, technologies such as geospatial databases, automation and monitoring systems (or Internet of Things – IoT), data analytics (big data), broadband networks and electronic payment are often adopted.



The signing of a memorandum of cooperation between PKINK and Telekom Malaysia Berhad for an implementation of free wi-fi hotspots, with capacity of 50 Mbps each, include Medan MARA, Bulatan Jam Besar, Dataran Cheng Ho, Pasar Siti Khadijah, Bazar Buluh Kubu, Medan Usahawan at the stadium and several main roads around Kota Bharu.

### Adhering Islamic Values

With the aim of transforming Kelantan into a digital state in accordance to technological advancement while at the same time, adhering to Islamic values, the State Government of Kelantan has come up with a 10-year development blueprint "Kelantan Moving Forward Strategic Plans 2016 – 2025".

Under this plan, one of the first move was to direct the development of new townships and existing major towns into digital towns and mini Silicon Valleys. KIGSB has been entrusted to spearhead this development of townships and silicon valleys in Kelantan to meet the program listed in the State ICT Direction and Action Plan. This Mini Silicone Valley will be developed to include the following components: Digital Entrepreneur Township & Cyber City, Kelantan Technology Park, Kelantan Science and Technology Centre, co-working space and a Digital Innovation Hub (DIH). The facilities will be set up at existing buildings and will also include components such as Digital Entrepreneurial Centre, Mini Data Centre and e-Sports Centre.

The State Government, led by Chief Minister, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob, had launched the

Green City and Smart Cities on 21 January 2019 that will see the redevelopment of four towns namely the capital city of Kota Bharu, Tunjong new township, Tok Ball in Pasir Puteh and Lojing in the deep south of Gua Musang. This Initiative represented and continues to embody an ambitious urban renewal and retrofitting program to develop major towns across the state, making them people and environmentally friendly, digitally connected, economically strong and sustainable for better future populations.

"The digital cities concept that is being put into place particularly in town areas like Kota Bharu is in our manifesto to the people of Kelantan. We started with free wi-fi via collaboration with Telekom Malaysia in 10 spots in Kota Bharu to further widen the smart, digital township approach to other major towns in Kelantan.

"I am seeing that the implementation has been successful and we are doing more to fulfill our promise for better living to our people," said Ahmad at the launch. The State Committee for Green Technology is responsible for implementing this mission in collaboration with the state agencies of the respective towns and cities in partnership with local councils and private sectors.

## Center of development

Urbanization should not be treated as a problem but as an opportunity when done in a proper way. Existing towns that are crowded and overpopulated can be transformed into a greener and smarter living space in the future, changing them into opportunities for urban dwellers to grow. Cities and towns have the power which are seen as the growth centres. People move to urban areas – towns and cities, in hope for better jobs and better lives. And to the State Government of Kelantan, it is their responsibility to enable these towns and cities to become centres of growth and development for the people, the poor included.

Development plans have been realized by investment from big property companies, particularly in Kota Bharu area. Smart and modern residential gardens such as Troika Kota Bharu Golden Triangle that boost new landmarks and a change in the skylines of the Capital City. Developers are taking into account the smart digital approach set by the State Government that aim for ready connectivity in term of telecommunication and digital infrastructure.

Many smart city projects are already taking place around the world. For instance, the city of Barcelona has adopted smart technologies such as a municipal network of optical fiber, free Wi-Fi, routed via street lighting, and sensors to monitor air quality. In Amsterdam, a series of connected Internet of Things (IoT) sensors support smoother traffic flow, energy efficiency and public safety. In the United States of America, cities such as Boston and Baltimore have deployed smart rubbish bins – placing sensors inside 543 bins to take pictures of the contents, which can then be analyzed to optimize collection routes. These are some examples how technology is making operations in the city smoother.

## Pilot projects

By starting with four towns as pilot projects, the government aims to develop these areas, so that they become smart cities, while simultaneously improving neighboring towns and the general area as a result. Kota Bharu Islamic City Council (MPKB-BRI) had announced that Telekom Malaysia (TM) and Public Work Department had installed smart traffic lights system at 18 locations around the City as a start of digital integration for solving traffic issues. It is a small step but to get to the end, one small step counts in every way.

Over the span of time of Digitalization Transformation planned for Kelantan, as mutually agreed in memorandums and agreement with parties like TM, KIGSB, Infra Quest Sdn. Bhd. (a subsidiary of Kelantan Economic Development Corporation (PKINK) and a few other entities, the suitability of program like TM's Smart City concept will also be looked into further incorporated in other major towns across Kelantan.

**Smart traffic lights system include a counter that shows how much time is left until the light turns.**



**South Korea's Songdo remains one of the best-known smart city projects in the world.**

## Digital Masterplan

Having a Digital Transformation Masterplan is handy because it outlines all goals and milestones accordingly. As for the State Government of Kelantan, the strategic blueprint is full of development programs and projects to follow through. In the beginning, electronic payment apps "Kelantan Pay" was introduced to make it easy for Kelantanese to pay their dues to local councils' and government agencies like utilities, quit rent and assessment tax.

Apart from Green City and Digital City, also planned in the blueprint is Mini Silicone Valley where Digital Innovation Labs will be set up at Urban Transformation Centre (UTC) Kota Bharu with the cooperation from Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC). The lab is intended to spur the development of Interactive Science and Technology Centre in Kelantan to groom and grow ideas of creativity and innovations among the members of public, including students, youth, entrepreneurs and community.

In line with the concept of Smart City where economy and businesses are digitally integrated, small and medium entrepreneurs will be benefitted through training and upskilling at Digital Entrepreneurial Development Centre that will lead them to optimize the digitalization aspects of business solutions and empowerment. Kelantan will also be benefitted with the decision of Federal Government to build a one-stop Digital Enhancement Centre (DEC) in the state. It is part of the 14 DECs to be set up under a budget of RM70 millions announced in National Budget 2020.

According to Chief Executive Officer of MDEC, Surina Shukri in her statement, the DEC initiative will strengthen

the nation's position as the region's tech and digital hub as it will facilitate access to financing and capacity building for businesses, specifically for small-and medium-sized enterprises (SMEs). She said, this will be achieved through assisting Malaysian businesses that are keen to embrace digital transformation, in line with Fourth Industry Revolution (IR 4.0).

"The DEC network, which will also support the expansion of the 100 Go Digital programme, will facilitate capacity building for SMEs as they will have immediate access to advisory services, enhancement training, and direct financing, including grants," she explained.


## Support from various sector

As the saying goes, you will never walk alone; and the involvement of the private sector is important to help advance smart cities. Government policies on digitalization and transformation will be thrown into the wind without the support and investment from private sectors. Apart from real estate developers, the State Government of Kelantan welcome cooperation and collaboration with technology leaders, applications developers and telecommunication giants to ensure the goal to turn Kelantan into Digital State will be realized.

Looking ahead, urbanization is likely to continue well into the future. In today's tech-driven world, thankfully the application of emerging technologies such as IoT and automation can help us to tackle this ongoing challenge. Ultimately, the transition to smarter and better-connected cities lies with local decision-makers, but support and investment from the private sector will be essential as we embark on smart city research and development.



Kelantan merely wants UTC to be a "Digital Innovation Labs" which demonstrated the state willingness to accelerate the effort of restructuring the economy through innovations.



**Smart home technology system provides homeowners with convenience in security and efficiency.**

This investment, however, needs to be made strategically and with a long-term plan, with an understanding that unless it can improve quality of life, it will be redundant. According to the Kelantan State Digital Transformation Strategic Plan, the mission to embrace greener, smarter digital cities in Kelantan is not about local councils and state government simply providing extra resources for urban development.

The aim is to fulfill the promise to the people to create better living spaces that prioritizes citizens' wellbeing, the economy and the environment through the interpretation of smartness of technologies. As each city is unique and has different issues, the focus is on creating smart solutions to benefit its local citizens, whether it is safety, transport and connectivity.

#### Digital applications

The plan and action towards digital transformation in Kelantan as proposed by the State Government is actually in line with The National Urbanization Policy where the responsible agency, Plan Malaysia stated that the goal is to drive and coordinate sustainable urban development planning that emphasized on a balanced physical, environment, social and economic development in Malaysia.

**There are four principles to drive Smart City Initiatives under the national plan i.e. good urban governance, livable city, competitive urban economy and an inclusive and equitable urban development.**

The third principle of the National Urbanization Policy (NUP) recognizes the smart city initiatives to generate a competitive urban economy, strengthening digital application by improving the readiness of its urban services through digital applications and encourage digital application through information dissemination and hands-on training.

In the end, the big digital picture envisioned by the state government can only take place and be successful when it receives support from its stakeholders namely the people, the private sectors, the public sectors and the investors. With this full spectrum backing, it is also important to note the willingness and readiness of physical digital infrastructures in place to complement the new digital landscape of Kelantan. ■



# PELAN TRANSFORMASI KELANTAN DIGITAL

Oleh: A. Ubaidillah Alias

Kerajaan negeri terus bergerak maju dalam mentransformasi pembangunan Informasi, Komunikasi dan Teknologi (ICT). Pendigitalan yang mampan di Kelantan menekankan visi dan merealisasikan visi ke arah Kelantan muncul sebagai negeri digital selaras dengan prinsip Membangun Bersama Islam (MBI).

Dalam ucptama Menteri Besar Kelantan pada awal tahun 2020, Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan (2019-2023) telah dibentangkan. Visi pelan Induk ini berwawasan menjadikan Kelantan sebuah negeri yang sentiasa dilimpahi keberkatan, kerahmatan, kemakmuran dan berkebajikan selari dengan dasar MBI melalui amalan pembangunan mampan.

## Empat nilai pembangunan digital dan bandar pintar

Pembangunan mampan berupaya membuka peluang Pasaran dan Ekonomi Baharu Digital yang melibatkan industri baharu strategik seperti Bioplastik, Bandar Pintar dengan sokongan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Pelan Pembangunan Mampan ini akan dikembangkan berdasarkan empat teras utama iaitu:

**Pertama: Teras Ekonomi** fokus kepada peningkatan pembangunan ekonomi ke tahap yang lebih kompetitif melalui teras strategi pertumbuhan hijau. Tonggak ini akan dipacu melalui strategi pelaksanaan sektor pertanian, pelancongan dan pembuatan.

**Kedua: Teras Alam Sekeliling** fokus kepada kemampanan sumber alam sekeliling melalui usaha pengurangan impak perubahan iklim.

**Ketiga: Teras Sosial** fokus kepada kualiti kehidupan rakyat melalui komuniti yang berlandaskan cara kehidupan hijau.

**Keempat: Teras Tadbir Urus** fokus kepada kepimpinan yang berwawasan melalui pengurusan pintar bagi meningkatkan prestasi.

VISI	MENJADIKAN KELANTAN SEBUAH NEGERI YANG SENTIASA DILIMPAHI KEBERKATAN, KERAHMATAN, KEMAKMURAN DAN BERKEBAJIKAN SELARI DENGAN DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM MELALUI AMALAN PIPM							
	KEMAKMURAN	KERAHMATAN	KEBAJIKAN	KEBERKATAN				
MATLAMAT	PENINGKATAN TAHAP KOMPETITIF	SUMBER MAMPAN	KUALITI HIDUP RAKYAT	TADBIR URUS BERWAWASAN				
TERAS STRATEGI	TERAS 1 Pertumbuhan melalui teknologi hijau	TERAS 2 Pengurangan impak perubahan iklim	TERAS 3 Komuniti Inklusif bagi kehidupan mampan	TERAS 4 Kepimpinan pintar & pengurusan prestasi				
EKONOMI	ALAM SEKITAR	SOSIAL	TADBIR URUS					
PEMANGKIN	INOVASI							
PEMUDAH CARA	Kesedaran & pengiktirafan	Teknologi & Inovasi	Pembangunan modal Insan	Tekno-usahawan	Kolaborasi swasta awam	Perundangan & statutori	Dana & pelaburan	

Beberapa projek induk telah disesuaikan selaras dengan empat teras tersebut. Antaranya projek meningkatkan bandar Kota Bharu sebagai bandar yang mampan dan pintar sebagai persediaan menghadapi ledakan IR 4.0 dan perkembangan pesat Teknologi Maklumat (Perluasan Infrastruktur Gentian Optik dan 5G).

Usaha untuk membangunkan dan memperkasa kandungan dan penyiaran digital berpaksikan MBI mesti dilaksanakan secara seiring. Kesediaan infrastruktur dan sumber manusia bagi teknologi terkini IoT (Internet of Things), Data Besar (Big Data) dan pengintegrasian antara agensi kerajaan adalah salah satu cabaran dalam menuju kerajaan digital.

Data Besar dapat membantu sesebuah organisasi dan juga pentadbiran kerajaan bagi pemantauan permasalahan dan pembuatan keputusan yang strategik pada setiap peringkat agensi. Dalam hal ini juga, sistem penyampaian kerajaan digital telah ditambah baik dan dipertingkatkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat menjadi lebih mudah, cepat dan mesra seperti aplikasi e-pembayaran secara dalam talian seperti Kelantan Pay dan sistem e-Nikah serta e-Qaryah.

## Agensi Pelaksana

Antara agensi pelaksana misi dan visi tersebut ialah Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (KIGSB) yang didaftarkan secara rasmi pada 25 Julai 2011 dengan ekuiti syarikat dimiliki sepenuhnya (100 peratus) oleh kerajaan negeri Kelantan menerusi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

KIGSB beroperasi sepenuhnya pada 1 Muharam 1437 bersamaan 14 Oktober 2015 yang berfungsi sebagai agensi utama dan rakan strategik kerajaan negeri bagi pembangunan ICT negeri yang bertindak sebagai agensi pelaksana bagi kebanyakan projek dan program pembangunan ICT dan digital di Kelantan.

Antara peranan utama yang dimainkan oleh KIGSB ialah:

1. Terlibat dalam perancangan Smart City untuk penyediaan ekosistem digital yang kondusif. Ini termasuk penyediaan *blueprint* bagi bandar pintar mengikut acuan Kelantan yang berpaksikan MBI terutama dalam rangka kerja transformasi digital di bandar-bandar utama di negeri Kelantan.
2. Penyediaan pelan perancangan bagi mewujudkan Lembah Silikon Mini di Bandar Baru Tunjong. Lembah Silikon Mini merangkumi beberapa komponen projek seperti penubuhan Cyber City & Digital Entrepreneur Township, Kelantan Technology Park dan Hab Inovasi Digital.
3. Memantau kadar kelajuan Internet, penyediaan kemudahan infrastruktur jalur lebar dan kemudahan rangkangan telekomunikasi di Kelantan.

Setakat ini, KIGSB telah menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi tujuan menarik minat pelabur untuk melabur dan menjalankan operasi ICT. Antara produk terkini yang sedang dikembangkan oleh KIGSB ialah Kelantan Pay.



Applikasi Kelantan Pay boleh didapati di Google Play Store dan Apple App Store.

## Kelantan Pay

Kelantan Pay dibangunkan melalui usaha sama antara pihak kerajaan negeri dan syarikat swasta iaitu KIGSB, Kelantan Utilities Mubaarakah Holdings Sdn. Bhd. (KUM) dan Zen Trillion Sdn. Bhd. (ZEN).

Kelantan Pay merupakan platform sistem pembayaran bersepadu yang disediakan oleh kerajaan negeri Kelantan kepada rakyat bagi memudahkan rakyat membuat pelbagai jenis bayaran termasuk bayaran hasil kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), perumahan negeri, bil utiliti, sewa premis, zakat, wakaf, takaful dan pinjaman pelajaran secara dalam talian.

Secara langsung ia memudahkan proses dan mempelbagaikan kaedah pembayaran bagi orang awam. Kelantan Pay membantu pihak kerajaan dalam meningkatkan kutipan hasil kerajaan negeri Kelantan melalui agensi-agensi penting seperti PBT, Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), syarikat GLC negeri dan agensi kerajaan yang berkaitan. Ia adalah satu langkah ke hadapan dalam mentransformasikan kaedah pengurusan agensi dan jabatan kerajaan negeri Kelantan yang berkaitan.

## Pemantauan Infrastruktur Telekomunikasi

Antara usaha yang sedang diselaraskan oleh pihak KIGSB ialah langkah-langkah berkesan dalam mengawal serta dan memantau perkembangan industri telekomunikasi di negeri Kelantan selaras dengan peranan KIGSB sebagaimana mandat yang telah diberikan oleh kerajaan negeri.

Pada Julai 2019, kerajaan negeri Kelantan telah meluluskan cadangan untuk melaksanakan dan menguatkuasakan aktiviti pengauditan Integriti keselamatan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi dan struktur menara berkaitan di seluruh negeri Kelantan. Pihak kerajaan negeri bersetuju melantik GLC kerajaan negeri lalu KIGSB bagi melaksanakan aktiviti pengauditan yang dinyatakan.

### Impak Audit Menara

Dengan adanya proses audit menara ini, ia akan membantu memberi impak positif terhadap infrastruktur ICT di Kelantan. Antaranya ialah peningkatan keupayaan infrastruktur ICT guna sama. Pengauditan Integriti Keselamatan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi dan struktur menara berkaitan di seluruh negeri Kelantan akan memastikan ketahanan dan tahap keselamatan setiap menara yang ada kerana terdapat sebahagian menara yang sudah mencecah usia puluhan tahun.

Kemudahan infra sebegini, lebih banyak program yang berskala besar mampu dilakukan. Ini juga akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri ICT dan IR 4.0 di negeri Kelantan seperti pembentukan Lembah Silikon Mini, Digital Entrepreneur Township dan Cyber City serta Taman Teknologi Kelantan.

### Lembah Silikon Mini

Lembah Silikon Mini ialah satu agenda penting yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri Kelantan semenjak tahun 2019. Cadangan untuk mewujudkan Lembah Silikon Mini telah dimasukkan dalam Pelan Strategik Kelantan Melangkah ke Hadapan 2016-2025. Pihak kerajaan negeri melalui KIGSB telah memperincikan usul tersebut dengan komponen projek jangka sederhana/jangka panjang sebagaimana berikut:

**Digital Entrepreneur Township & Cyber City**

**Taman Teknologi Kelantan**

**Pusat Sains & Teknologi Kelantan**

**Co-Working Space**

**Hab Inovasi Digital**



### Makmal Inovasi Digital

Susulan daripada Lembah Silikon Mini, penubuhan Makmal Inovasi Digital turut dibincang dan dicadangkan oleh kerajaan negeri Kelantan. Malah proses mewujudkan makmal ini turut melibatkan Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC).

Antara matlamat penubuhan Makmal Inovasi Digital ialah:


1. Penubuhan Pusat Sains & Teknologi Interaktif: "Digital Innovation Lab" - salah satu program di bawah Pelan Tindakan Hala Tuju ICT Negeri. Sebahagian daripada komponen Projek Lembah Silikon Mini.
2. Penubuhan Digital Innovation Lab yang berada di bawah teras strategik: Rakyat berpengetahuan dan berkeupayaan ini bertujuan untuk membangunkan masyarakat berpengetahuan dan juga membudayakan program sains dan teknologi kepada rakyat Kelantan.
3. Penubuhan pusat sains & teknologi interaktif ini menasarkan penyertaan daripada orang awam terutama para pelajar sekolah, belia, bellawanis, usahawan dan komuniti setempat.
4. Pusat Pembangunan Usahawan Digital dengan memberi fokus kepada khidmat sokongan, latihan dan penyelesaian digital untuk usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) negeri Kelantan.

Setakat ini cadangan penubuhan Digital Innovation Lab adalah di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kelantan. Lokasi ini dipilih kerana ia merupakan pusat tumpuan bagi orang awam untuk berurusan dengan pihak kerajaan.


Selain itu juga, bangunan UTC juga telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Mampan sebagai perintis kepada bangunan pintar di samping bangunan tersebut merupakan satu-satunya bangunan di Kelantan yang berstatus Multimedia Super Corridor (MSC).

## Penutup

Kerajaan Kelantan sudah 30 tahun melaksanakan dasar MBI dengan jayanya. Peranan KIGSB bersama rakan strategik kerajaan negeri bergabung tenaga dan kepakaran sebagai agensi pelaksana bagi semua projek dan program pembangunan Industri ICT dan digital di Kelantan memberi nilai tambah sebagai pemungkin ke arah pencapaian misi dan visi kerajaan negeri Kelantan untuk menjadi antara negeri maju dan canggih di Malaysia.



## FASA STRATEGIK



# KEMAHIRAN DIGITAL USAHAWAN KELANTAN

Oleh: Haji Firman Hajma

JENAMA

PLATFORM

DIGITAL

Kelantan tersohor sebagai sebuah negeri yang ramai usahawan yang bermula di dalam negeri hingga ke luar Kelantan. Peredaran zaman dan kemajuan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) mengakibatkan landskap perniagaan rakyat Kelantan mulai berubah. Tambahan pula, faktor pandemik Covid-19 telah mempercepatkan proses usahawan Kelantan berflirkir dan bertindak untuk melestarikan perniagaan agar terus bertahan dan berkembang.

Justeru, pemikiran para usahawan Kelantan perlu selari dengan tuntutan dan peluang yang tercipta hasil pandemik ini. Usahawan Kelantan tidak boleh lagi bersandarkan kepada konsep perniagaan secara tradisional semata-mata, mereka perlu melonjakkan prestasi perniagaan dengan memikirkan tentang pasaran global.

## Platform digital

Melalui platform digital yang tersedia, usahawan Kelantan dapat bertindak mengemas kini ilmu baharu yang signifikan untuk membuatkan perniagaan mereka terus relevan. Persaingan makin sengit kerana produk dan perkhidmatan mudah didapati selagi rangkaian Internet boleh dicapai.

Trend ekonomi sementara (gig economy) telah membuka banyak ruang dan peluang kepada para usahawan Kelantan seperti FunnelEvo, Sifu Bad dan Syahmi Sazli. Mereka merupakan nama besar yang sudah menaik taraf ilmu serta kemahiran sedia ada bagi membolehkan produk dan perkhidmatan mereka diterima sehingga menjadi sohor kini dalam pasaran lokal dan global.

## Standard piawaian dunia

Nilai tambah dan "faktor x" berikut amat diperlukan bagi memenuhi standard piawaian persaingan dalam pasaran global:

**1** Mengenal pasti permasalahan atau keperluan semasa dalam kalangan masyarakat lokal dan global supaya apa jua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam masyarakat mampu menyelesaikan masalah serta memenuhi kehendak masyarakat. Analisa pasaran perlu dibuat terlebih dahulu sebelum usahawan membangunkan sesuatu produk atau perkhidmatan. Apa yang berlaku hari ini ialah kesilapan para usahawan membangunkan sesuatu produk tanpa melihat dan menilai kehendak masyarakat. Akhirnya produk yang dibangunkan tidak mendapat sambutan.

**2** Mengenal pasti kekuatan dan kelebihan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan secara langsung atau tidak langsung. Kadangkala produk yang tersedia dalam pasaran lebih kurang sama kandungannya, cuma penjenamaan semula perlu dibuat untuk menarik perhatian para prospek membeli produk keluaran usahawan Kelantan berbanding produk syarikat lain.

- Menalik taraf kualiti produk dan perkhidmatan mengikut piawaian antarabangsa. Usahawan perlu berfikiran lebih ke hadapan kerana rangkalan Internet membolehkan capaian pembeli lebih meluas. Ia memudahkan penjual menyampaikan maklumat serta promosi kepada masyarakat antarabangsa.
- Mengemas kini teknik pemasaran terkini supaya produk dan perkhidmatan mampu dilihat pada capaian antarabangsa dengan menguasai strategi pemasaran melalui media sosial dan kemahiran berkomunikasi secara asas menggunakan Bahasa Inggeris, Arab dan Mandarin. Ilmu begini menjadi penambah nilai dalam usaha untuk melestarikan serta meluaskan pasaran ke peringkat global.


### Penguasaan perkara asas

Para usahawan Kelantan perlu memahami dan menguasai tiga perkara asas untuk kekal berkembang dalam dunia digital:

#### 1 Memahami keperluan tentang pangkalan data (database)

Pangkalan data adalah raja bagi dunia perniagaan secara dalam talian. Sesiapa yang mempunyai bilangan pangkalan data yang besar, kebarangkalian untuk berlakunya transaksi dan mendapat keuntungan juga lebih tinggi. Ia umpsama pergi menjual di tempat yang ada khalayak yang cukup ramai. Sebab itu semakin tinggi jumlah rakan, pengikut dan pelanggan (friends, followers dan subscribers), semakin bernilai seseorang itu pada mata industri dalam talian.

Para usahawan mesti memahami dan mengetahui bagaimana hendak mengaut seberapa banyak pangkalan data melalui pelbagai platform digital. Ia boleh



dilakukan melalui strategi tertentu seperti kaedah berbayar dan sebaliknya (organik). Walau apa jua kaedah yang digunakan, motifnya adalah untuk memastikan bilangan pangkalan data mereka akan terus meningkat dari hari ke hari.

Selain kuantiti, perolehan kuantiti pangkalan data juga perlu diambil kira. Bukan semua pangkalan data yang diperolehi boleh diguna pakai. Sebab itu pihak usahawan perlu menganalisa jenis pangkalan data yang berada dalam setiap platform digital.

Para usahawan mesti tahu mengkategorikan pangkalan data ini berdasarkan gred tertentu mengikut tahap atau jenis pelanggan seperti *Hot Market*, *Warm Market* dan *Cold Market*. Usahawan perlu mengklasifikasikan pelanggan mereka supaya strategi pemasaran yang akan dilaksanakan menjadi lebih tepat dan berkesan. Usahawan perlu memahami teknik iklan dan promosi adalah berbeza untuk prospek tertentu.

#### 2 Kemahiran menggunakan platform digital

Platform digital adalah alatan yang paling berguna pada waktu ini. Kegagalan menggunakan platform digital dengan baik akan memberi kesan yang negatif kepada penjualan dalam talian.

Terdapat pelbagai jenis platform digital yang boleh diguna pakai. Para usahawan perlu memilih platform yang bersesuaian dengan jenis perniagaan kerana bukan semua platform sesuai dengan semua jenis perniagaan. Jika tersalah memilih platform, prestasi jualan juga tidak akan meningkat. Platform digital termasuklah media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, TikTok; ruang pasaran seperti Lazada, Shopee, eBay, Alibaba.com; crowdsourcing, Google ads, YouTube, dan sebagainya.





Pengguna kini amat mudah untuk menyertai, berkongsi dan mencipta isi kandungan tersendiri di pelbagai platform media sosial.

### 3 Kemampuan membangun kandungan digital

Selain kemahiran mengenal pasti dan menggunakan pangkalan data serta platform digital, perkara yang penting juga ialah kemahiran membangunkan kandungan digital yang hendak dilisikan di dalam platform digital. Kandungan digital ini perlu disesuaikan dengan platform digital yang akan digunakan. Ia berbeza di antara satu sama lain.


Contohnya, jika usahawan memilih untuk menggunakan platform media sosial seperti Facebook, kandungan yang hendak dilisikan di dalam posting sudah tentu berbeza daripada sudut isi penulisan dan visual dengan Instagram, Twitter, TikTok dan Tumblr walaupun semuanya di dalam kategori media sosial. Apatah lagi kandungan digital di dalam platform lain seperti YouTube, Google Ads, Lazada, Freelancer.com, Behance dan lain-lain.

#### Kesesuaian kandungan

Pemilihan jenis kandungan digital perlu sesuai dengan jenis platform digital dan juga kelompok prospek tertentu yang mana ia saling berkaitan antara satu sama lain. Kandungan digital mesti menepati kehendak dan cita rasa prospek, begitu juga dengan platform digital.

Para usahawan perlu mengenal pasti jenis prospek terlebih dahulu dengan mengambil kira soal segmen-tasi sebelum membangunkan sesuatu kandungan digital yang berbentuk penulisan iklan (copywriting), poster dan video.

Langkah berikutnya menentukan platform digital yang tepat untuk digunakan. Pemilihan dan penyesuaian antara semua komponen tersebut memerlukan kepa-karan dan pengalaman. Ia bukan sesuatu yang mudah dilakukan kerana jika tersalah pilih atau tersilap se-suaikan antara komponen terbabit, iklan atau promosi yang dilancarkan tidak akan berkesan.



#### Kesimpulan

Landskap perniagaan usahawan Kelantan telah berubah kesan daripada kepesatan pembangunan dan inovasi teknologi digital. Sama ada setuju atau tidak, bersedia atau tidak, hanya usahawan Kelantan yang lebih berkemahiran dengan teknologi digital sahaja akan mampu bersaing dalam pasaran lokal mahupun global.

Oleh itu, mengemas kini serta mengadaptasi kemahiran ini adalah sesuatu yang perlu diterokai dan dikua-sai oleh usahawan Kelantan pada ketika ini. Kita tidak ada pilihan kecuali terus menguasai ilmu teknologi digital dari semasa ke semasa mengikuti arus kemode-nan selagi ia memberi manfaat kepada masyarakat dan tidak bertentangan dengan syarak. ■

**Pakej Residential** Dari  
 Penginapan & 5 kali makan RM **150**  
**Pakej Mesyuarat** Dari  
 RM **40**  
**Bilik Deluxe** Dari  
 RM **248**



UNITUK TEMPATNAK, GELA DAN RUMAH

**09 627 7735**  
**018 983 1200**



Terengganu  
State



DUYONG MARINA & RESORT

SCAN ME



# Tunjong Prima

sdn bhd

KONTRAKTOR DAN PEMAJU PERUMAHAN

BINA RUMAH DI ATAS TANAH SENDIRI - BINA DAN JUAL - KONTRAKTOR BUMIPUTERA G6

**LOT 4010-D,JALAN BARU SALOR,  
 PASIR MAS,15100,  
 KOTA BHARU,  
 KELANTAN**

**TEL: 011-10993455/017-9028319**

**E-MAIL : tunjongprima@gmail.com**

Tunjong Prima  
sdn bhd



[www.tunjongprima.com](http://www.tunjongprima.com)

Berdaftar dengan :



# e-SUKAN

## BUKAN SEKADAR PERMAINAN

Oleh: Nasruddin Mahmud Muhaidin

Saya dijemput berucap dan menyempurnakan majlis penutup suatu program melibatkan remaja. Sebelum itu seorang ustazah dijemput menyampaikan ucapan alu-aluan selaku tuan rumah. Saya perasan, ucapannya itu berubah menjadi ceramah apabila bellau berkali-kali mengangkat telefon pintarnya seraya mengulang-ulang kata; "cukuplah, cukuplah" dengan merujuk permainan dalam talian yang menjadi kegiatan remaja hari ini.

Sewaktu giliran saya berucap, saya tidak mengambil masa yang panjang. Saya katakan, saya ada anak tetapi tidak pula saya menghalang mereka untuk memanfaatkan sukan elektronik (e-sukan) kerana saya faham itulah bentuk dan gaya permainan pada mutakhir ini yakni zaman mereka.

Pada era kanak-kanak saya, permainan elektroniknya digelar brick game. Manakala era anak pula, e-sukan yang popular. Tinggal lagi, kebijaksanaan dan kecekapan saya dan Isteri selaku bapa dan ibu mahir mengawal anak-anak dan mengurus masa mereka. Remaja ada tanggungjawab terhadap agama, keluarga dan pelajaran termasuklah menepati waktu solat pada awal waktu, menjaga tutur kata dalam pergaulan sehari-hari serta adab berkomunikasi secara dalam talian.



Sumber: Google



### Permainan popular sezaman

Sukan elektronik atau e-sukan merujuk permainan video yang dijadikan satu permainan yang kompetitif serta dipertandingkan dengan matlamat mencari yang terbaik antara yang terbaik.

Istilah lain ialah pertarungan untuk menang dan memperolehi pengiktirafan serta mendapat hadiah. Ada yang mendakwa bahawa e-sukan bermula sekitar tahun 2000 sebaik sahaja dunia digegarkan dengan Y2K yang kononnya akan melumpuhkan seluruh sistem dunia yang menggunakan teknologi komputer. Mungkin hakikatnya permainan elektronik ini telah terdahulu wujud bersekali dengan perkembangan dunia digital.

Kita pernah mendengar brick game yang menggunakan kuasa bateri. Ia pernah menjadi permainan kanak-kanak sekitar tahun 90-an dengan watak-watak kartun popular seperti Mickey Mouse, Donald Duck dan seumpamanya. Kemudian e-sukan berkembang dengan permainan Counter-Strike, perlintis kepada sukan elektronik seterusnya berkembang menjadi sebahagian daripada bidang sukan profesional.

## Sukan digital berprestasi tinggi

Berbeza dengan permainan video (video game) yang dicipta untuk tujuan hiburan semata-mata, hari ini sukan elektronik telah menjadi sukan berprestasi tinggi (high performance sport) yang dipertandingkan pada peringkat global dan mampu menjana kewangan lumayan. Selain itu, sukan elektronik mula diiktiraf sebagai sukan kompetitif apabila ia menepati syarat tersebut:

1. Bersifat fizikal (mempunyai pergerakan teknik)
2. Mempunyai peraturan atau undang-undang yang standard (standard rules).
3. Berunsur persaingan atau pertandingan (ada keputusan)
4. Wujud badan atau persatuan yang mengawalnya (institutionalized)

Di negara kita, e-sukan mula dipertandingkan dalam Sukan Malaysia (SUKMA) di Perak pada tahun 2018, mendahului Sukan SEA 2019 di Filipina. E-sukan juga tersenarai dalam acara SUKMA 2020 yang bakal berlangsung di Johor pada April 2021.

## Dorongan bersukan secara digital

Antara faktor yang mendorong anak muda terlibat dalam sukan elektronik ialah era dunia elektronik dan telefon pintar yang sudah menjadi keperluan manusia dan setiap orang memilikinya pada zaman sekarang. Keterlaluan jika dikatakan remaja moden hari ini tidak mengambil tahu tentang dunia Internet. Maka permainan video e-games akan menjadi satu kegiatan yang tidak mampu dikekang dan ia diminati ramai.

Selain itu, belia yang terlibat dengan sukan ini diperangkuhi oleh rakan-rakan yang aktif bermain dan mereka mula merancang untuk mendapat keuntungan daripada aktiviti ini. Malahan e-games mewujudkan kerjaya dan peluang pekerjaan yang tidak memerlukan aktiviti fizikal. Jelas bahawa permainan video bukan lagi permainan yang sekadar berorientasikan hiburan dan llbur semata-mata.

## Kemahiran kognitif

Profesor Dr. Ingo Froböse, ahli akademik dalam bidang sukan di German Sports University mendapati sukan elektronik menghasilkan kemahiran kognitif yang tinggi, menyelesaikan masalah (problem solving), berfikiran kreatif dan kolektif. Keadaan ini menghasilkan kemahiran motor dan pemahaman taktil yang tinggi untuk menang.

Dr. Ingo merumuskan, atlet sukan elektronik mampu mencapai hingga 400 pergerakan dalam masa seminit di atas papan kekunci (empat kali ganda lebih pantas daripada orang biasa). Perkara utama yang mengagumkan bellau adalah taktikal kedua-dua belah tangan digunakan serentak dan beberapa bahagian otak dengan kadar daya fikir tinggi. Ia terlalu kompleks dan mampu meningkatkan kecerdasan pemain jauh lebih baik daripada permainan catur.



Sumber: [www.pinoyformosa.com](http://www.pinoyformosa.com)

Acara e-sukan berlangsung ketika Sukan SEA Filipina.



Sumber: [news.nestle.com](http://news.nestle.com)

Para atlit bagi e-sukan Sukan SEA Filipina.



Sumber: [www.tech-critter.com](http://www.tech-critter.com)

Para atlit bagi e-sukan SUKMA Perak.



MAJALAH KORPORAT PMBK 31

## Peruntukan dana

Pada tahun 2019, kerajaan Malaysia melalui belanjawan negara memperuntukkan kos sebanyak RM10 juta untuk pembangunan sukan elektronik. Manakala belanjawan dilanjutkan kepada RM20 juta untuk tahun 2020.

Pada tahun 2018, Menteri Belia dan Sukan pada ketika itu Syed Saddiq Abdul Rahman mengumumkan bahawa sebuah stadium sukan elektronik bakal diwujudkan di negara ini.

## Penyertaan aktif

Urus Setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan (U-BeS) sebagai agensi yang melaksanakan program-program belia dan sukan komuniti tidak ketinggalan menganjurkan sukan elektronik ini.

Penganjuran pada tahun 2019 sempena Hari Anak Muda Kelantan telah diadakan di aras satu Medan Usahawan melibatkan penyertaan 261 orang yang bertarung dalam e-sukan PlayerUnknown's Battlegrounds (PUBG), Mobile Legends dan Pro Evolution Soccer (PES). Premis Medan Usahawan yang terletak berdekatan Stadium Sultan Muhammad IV itu seperti menjadi mini stadium sukan elektronik di tengah bandar Kota Bharu.

Manakala bermula Julai 2020, U-BeS sekali lagi menganjurkan cabaran sama melibatkan penyertaan lebih daripada 500 orang yang bertarung dalam permainan Mobile Legend, PUBG, Call of Duty (COD) dan Magic Chess yang menawarkan hadiah berupa sejumlah besar wang tunai.

## Implikasi sampingan

Kesan negatif akibat aktif mencebur dunia e-sukan tetap ada. Kita masih tidak melupakan tragedi pada 15 Mac 2019 di mana masjid An-Noor dan Linwood Islamic Center di Christchurch, New Zealand. Insiden tersebut mengorbankan 50 umat Islam yang sedang bersiap sedia untuk menunaikan solat Jumaat.

Brenton Tarrant, 28, warganegara Australia dikatakan terpengaruh dengan aplikasi permainan video PUBG. Walaupun pelbagai dakwaan, teori dan spekulasi dikaitkan dengan Tarrant seperti terpengaruh dengan serangan ganas yang berlaku di Sweden pada tahun 2017, ia tidak lari daripada pengaruh permainan tersebut. Justeru ketika itu, timbul cadangan beberapa pihak agar permainan PUBG diharamkan di negara ini.

Sama seperti ketagihan dadah, rokok dan arak yang mendorong kepada tabiat buruk, ketagihan permainan video juga menjadi sebahagian daripada masalah yang menghantui pelbagai pihak terutamanya ibu bapa.





Salah satu kesan negatif sekiranya terlampaui taksub terhadap permainan video adalah pembaziran masa.

### Kecaman warga maya

Pelbagai cerita kurang enak berlaku dalam institusi keluarga kesan daripada ketagihan produk maya ini. Tinggal lagi, tanggungjawab semua pihak untuk menanganinya dengan berhikmah.

Tidak dinafikan, berlaku kekecohan apabila pengaruh negatif daripada aspek penyebaran dakyah berunsur agama tular dalam kalangan warga maya tentang e-sukan yang menampilkan adegan hero melakukan ritual penyembahan berhala untuk menambah kuasa saktinya. Hal ini jelas bertentangan dengan akidah pengikut agama Islam. Video sukan elektronik tersebut menerima kecaman hebat daripada warga maya.

Tanpa mengambil masa lama, ia dipadam segera sejurus mendapat tentangan daripada belia Muslim seluruh dunia. Bukankah ini suatu perkembangan positif bahawa anak muda Islam tidak berkompromi apabila nilai agama dan anutan mereka dicabar?

### Tangani bersama

Kerajaan menggubal undang-undang dan pengawasan. Keluarga dan pendidik berperanan memberi tunjuk ajar bagaimana permainan sukan di platform digital ini perlu dipraktikkan menjadi suatu kegiatan yang bermanfaat sebagaimana sukan konvensional seperti bola sepak, takraw dan sebagainya.


Tanpa ilmu dan tanpa kita berbuat apa-apa yang membantu perkembangan sukan ini secara sihat, janganlah kita menghukum terus bahawa ia merosakkan. Masalah yang ditangani bersama pasti membawa faedah yang berguna. ■

Kecaman boleh menimbulkan tekanan jiwa yang melampau kepada pemain.



# WANITA KELANTAN MANFAATKAN E-DAGANG

Oleh: Wan Nor Ainin Wan Abdullah



Utusan Malaysia (3 Jun 2019) melaporkan 51.2 peratus penduduk di negara ini memanfaatkan platform e-dagang untuk membeli-belah dan menjual secara dalam talian sepanjang tempoh setahun lepas. Statistik itu didebak oleh Kajian Pengguna e-Dagang 2018 (ECS 2018) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Melalui portal rasminya, SKMM memaklumkan dapan kajian ECS 2018 itu juga menunjukkan wanita lebih aktif menguasai aktiviti e-dagang iaitu 53.9 peratus berbanding lelaki (48.8 peratus). Pakalan dan aksesori menjadi produk pilihan paling popular dibeli golongan tersebut.

"Walaupun peratusan pengguna e-dagang dalam kala-nan lelaki lebih sedikit berbanding wanita, namun purata perbelanjaan untuk aktiviti e-dagang mereka sepanjang tempoh 12 bulan lepas lebih tinggi iaitu sebanyak RM690 berbanding RM450 bagi wanita. Ini disebabkan golongan lelaki lebih banyak membekali barang seperti perlisian dan peralatan komputer serta perkakasan automotif," catat SKMM di laman portal rasminya.

E-dagang dipilih untuk tujuan membeli-belah, 84.4 peratus pengguna menyatakan bahawa kemudahan dan keselesaan mengakses pelbagai jenis platform e-dagang mengikut kesesuaian masa dan tempat sebagai faktor yang mendorong mereka menyukai pembelian secara dalam talian.

Menurut kenyataan ECS 2018 itu lagi, faktor harga yang kompetitif juga merupakan daya tarikan utama kepada 73 peratus pengguna e-dagang. Keadaan ini didorong oleh pelbagai strategi yang digunakan oleh peruncit dalam talian bagi menarik minat pengguna seperti baucar diskau, jualan perayaan, rebat tunai dan pelbagai ganjaran menarik.



"Selain itu, kemudahan pembayaran yang pelbagai seperti perbankan dalam talian turut menjadi antara faktor utama pengguna membeli-belah melalui pelbagai platform e-dagang," komen portal SKMM.

## Sifat keusahawanan wanita Kelantan

Sekiranya anda berkunjung ke Kelantan, antara tempat yang mesti disinggah ialah Pasar Siti Khadijah. Pasar ini memiliki aura tersendiri melalui penampilan imej wanita Kelantan yang rajin berusaha bagi meningkatkan pendapatan diri dan keluarga sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri. Dominasi wanita di Pasar Siti Khadijah membuktikan bidang pekerjaan utama yang diminati ialah berniaga.



Pernah suatu hari, seorang wanita berbangsa Tionghua memasuki kedai penulis di Jalan Sultan Yahya Petra untuk memasarkan produknya. Bellau berkata; "saya kagum dengan wanita Kelantan, ke mana pun saya pergi, saya dapat ramai wanita yang berniaga".

Kali pertama wanita tersebut berkunjung ke Kelantan, beliau amat kagum melihat budaya kaum hawa di Kelantan aktif berniaga dan bekerja dalam bidang pertanian dan industri hilir mahupun di pejabat. Hal ini adalah hal luar biasa bagi penduduk dari luar Kelantan.

Ramai juga yang memilih untuk bekerja dari rumah sahaja seperti membuat kuih-muih dan pelbagai juadah sarapan yang dijual oleh penjaja atau diletakkan di warung-warung. Pekerjaan tradisional lain yang biasa dicebur ialah bertani, menoreh getah, berternak dan menjahit. Sejarah pekerjaan wanita Kelantan menunjukkan mereka sudah berdikari sejak sekian lama sama ada disebabkan kesedaran sendiri untuk membantu atau disebabkan minat dan tidak reti duduk diam tanpa melakukan sebarang aktiviti.

### Platform e-dagang

Berdasarkan statistik ECS 2018 juga, Kelantan mencatat 22.0 peratus kadar pengguna e-dagang di Malaysia. Jika dahulu, ramai wanita Kelantan boleh dilihat bermiaga di pasar dan premis perniagaan sama ada di bandar atau di kampung. Berbeza pada era teknologi digital, perniagaan berkembang secara dalam talian atau disebut juga sebagai e-dagang, wanita Kelantan tidak ketinggalan memanfaatkan platform tersebut.

### Kedai emas dalam talian

Pemilik kedai emas Rich Jewellery, Masyltah Mat Yaakub (Puteri Mas), 33, mengakui mendapat keuntungan lumayan hasil daripada jualan dalam talian. Meskipun mempunyai premis tetap di Kubang Kerian, Puteri Mas tidak hanya menunggu pelanggan datang ke kedai, sebaliknya bergiat secara aktif memasarkan produk emas dan perak melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, Telegram, Shopee, TikTok dan laman sesawang wanitakaya.com.

Beliau memulakan perniagaan pada tahun 2008 dengan hasrat ingin membantu dan melahirkan lebih ramai lagi usahawan bekerja dari rumah. Hasrat tersebut wujud seiring dengan perkembangan perniagaan yang berubah daripada kaedah konvensional kepada e-dagang. Platform e-dagang bertepatan dengan matlamat Puteri Mas yang bercita-cita melahirkan Suri Rumah Tokey Emas. Tanpa bertangguh, Puteri Mas memulakan langkah memasarkan produknya secara dalam talian pada tahun 2010.

### Abaya Elegan Nor Haniza

Nor Haniza Harun, 30, juga merupakan usahawan wanita Kelantan yang aktif memasarkan produk secara dalam talian sejak tahun 2009. Berpengalaman membuka premis sebelumnya, Nor Haniza turut mengakui lebih mendapat keuntungan selepas memanfaatkan e-dagang. Beliau mengakui, amat berpuas hati dapat membantu meningkatkan ekonomi keluarga melalui perniagaan pakaian wanita.

Selari dengan trend wanita tempatan yang mula menggemari abaya dari Mekah dan Dubai, pemilik Abaya Elegan ini berusaha memenuhi minat dan permintaan ramai wanita yang tidak berpeluang ke Timur Tengah untuk mendapatkan abaya dari Timur Tengah tanpa perlu ke sana. Beliau juga berhasrat membantu wanita bekerjaya tampil bergaya menutup aurat dengan berabaya. Abaya Elegan dipasarkan melalui



media Facebook, Instagram, Telegram, Line, WhatsApp, Shopee dan Lazada.

### Dropship dan sewa kendaraan dalam talian

Sedikit berbeza dengan dua wanita sebelum ini, Nurhamizah Ismail, 28, yang berasal dari Kubang Kerian, Kelantan menjalankan perniagaannya di Kota Kinabalu, Sabah sejak tahun 2013. Beliau memilih kaedah perniagaan dalam talian yang sesuai dengan latar belakangnya yang tidak memiliki banyak modal permulaan iaitu sebagai ejen dropship pakaian muslimah sejak tahun 2014. Media yang digunakan ialah Facebook, WhatsApp, Instagram dan Shopee.

### Kaedah dropship

Dropship ialah satu cabang perniagaan Internet yang ringkas dan mudah. Ia juga boleh dijalankan dengan modal minimum iaitu memadai ada telefon mudah alih atau komputer dan data Internet. Dengan kata lain, dropship ialah kaedah memasarkan produk orang lain melalui Internet tanpa perlu membeli dan menyimpan stok. Ejen dropship hanya perlu mempromosikan produk-produk di laman sosial, laman-laman pengiklanan, laman sesawang dan sebagainya.

Langkah mempromosi dijalankan dengan cara mengambil gambar produk tersebut atau menggunakan iklan grafik standard yang disediakan oleh pembekal dan menularkannya. Apabila mendapat tempahan, ejen hanya perlu menghubungi pembekal produk tersebut dan pembekal itu sendiri yang akan mengposnya kepada pelanggan. Harga yang dibayar oleh pelanggan kepada ejen *dropship* ialah harga pasaran, manakala ejen pula membayar dengan harga potongan lazimnya 10 hingga 20 peratus kepada pembekal.



### Pendapatan lumayan

Selain menjadi ejen *dropship*, Hamizah bersama suaminya turut menjadi ejen yang mengiklankan perkhidmatan sewa kenderaan secara dalam talian. Walaupun pengalaman dalam dunia e-dagang baru mencecah tujuh tahun, ibu kepada tiga orang anak yang masih kecil ini berpuas hati dengan pulangan lumayan jualan dalam talian sekitar empat angka sebulan. Manakala perkhidmatan sewa kenderaan melalui pemasaran dalam talian mencecah lima angka sebulan.

### e-dagang jadi pilihan

**Ketika diajukan persoalan punca mereka memiliki bidang e-dagang, jawapan yang diperolehi ialah pasaran yang lebih luas tanpa sempadan geografi, mudah dicapai pelanggan dan kos pengurusan yang minimum tetapi hasilnya lebih lumayan.**

Maksud kos pengurusan minimum dalam platform e-dagang antaranya ialah boleh memasarkan produk tanpa perlu menyediakan banyak bahan promosi fizikal, mengurangkan kos petrol untuk bergerak ke premis atau bertemu pelanggan dan tidak memerlukan banyak modal kewangan kerana boleh berniaga secara *dropship*. Selain kos pengurusan, platform e-dagang juga dapat menjimatkan masa dan tenaga dengan banyak urusan dapat diselesaikan lebih pantas.

Itulah faktor utama ketiga-tiga wanita Kelantan tersebut menceburkan diri ke dunia e-dagang. Platform e-dagang juga mesra waktu yang fleksibel buat wanita yang bergelar ibu dan suri rumah membuatkan ketiga-tiga suri berjaya ini tidak teragak-agak memanfaatkan sepenuhnya kelebihan e-dagang. Bak kata Nor Haniza; "boleh menjana pendapatan hanya dengan duduk di hadapan komputer".

Bagi Puteri Mas, wanita hari ini perlu mengambil kesempatan daripada teknologi dunia yang semakin canggih. Nor Haniza pula tertarik dengan kelebihan e-dagang yang memberi peluang peniaga mendekati pelanggan dari serata dunia. Hamizah turut mengakui bellau dapat berinteraksi secara lebih dekat dengan para pelanggannya serta boleh selalu berhubung untuk pemasaran seterusnya.

### Cabarani platform e-dagang

Puteri Mas, Nor Haniza dan Hamizah berkongsi cabaran (disebalik kemudahan yang dikehendaki) yang mereka lalui apabila memasarkan produk dalam talian iaitu:

1. Memerlukan masa dan ketrampilan diri yang secukupnya untuk membina kepercayaan pelanggan.
2. Berkorban lebih daripada 8 jam sehari bersama alat komunikasi elektronik seperti telefon pintar dan komputer.
3. Perlu fokus ketika berhubung dengan pelanggan kerana mereka tidak berhadapan secara nyata.
4. Pesaing semakin ramai dan mereka perlu lebih kreatif dalam menarik pelanggan.
5. Kepenatan melampau apabila jualan meningkat sehingga terpaksa melakukan banyak tugas bersendirian.
6. Capaian Internet yang perlahan menyukarkan urusan dalam talian.
7. Kondisi syarat media sosial yang berubah-ubah. Memerlukan pemikiran kreatif untuk teknik jualan berkesan.
8. Pelanggan menyamar dan membuat penipuan pembayaran.
9. Perkhidmatan penghantaran melalui pos mengambil masa yang panjang.

Semua cabaran di atas memerlukan langkah kreatif dan inovatif dalam menghadapi persaingan produk dan pasaran tempatan dan dunia, sentiasa cakna dengan perubahan alam siber, celik undang-undang jenayah siber, bijak mengatur dan membahagi masa serta sentiasa sabar dan prihatin dengan kehendak dan kepuasan pelanggan.

Faktor cabaran di luar bidang kuasa peniaga pula memerlukan sokongan berkesan daripada pihak kerajaan dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan alam siber, menyediakan perkhidmatan Internet yang lebih cekap dan ejen penghantaran perlu meningkatkan lagi tahap kepantasannya menyampaikan barang.



بَرَادَانْ بِكَالْجُوَانْ اقْتَصَادِنَگَرِي نَكَنْتَنْ  
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



# "Penggerak Pembangunan Ummah"



*Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah.*

Dikuasakan oleh:



Kelantan PAY

Tingkat 4-11, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani, 15000 Kota Bharu, Kelantan.



[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)



Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan



[pkink@pkink.gov.my](mailto:pkink@pkink.gov.my)



Tel : 09-7414141



Faks : 09-7414140

Selring perkembangan zaman, penggunaan teknologi digital menjadi fenomena baharu yang melampaui sempadan geografi. Tanpa mengira latar belakang agama, bangsa, usia dan pangkat, penduduk dunia menggunakan Internet sebagai alat pelbagai fungsi dengan tujuan tertentu.

Kemuncaknya ialah pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 lalu, ia disifatkan berunsur Facebook Election berikutan populariti media ini menyalurkan maklumat lebih banyak berbanding platform media sosial lain seperti Twitter dan Instagram. Hal ini menjadikan teknologi digital amat berpengaruh dalam menyumbang ke arah perubahan politik, sosial dan ekonomi sejagat termasuklah terhadap sikap ahli politik di Kelantan.

# PENGARUH TEKNOLOGI DIGITAL KE ATAS SIKAP AHLI POLITIK KELANTAN


Oleh: Marzuki Mohd Nor El-Fereghati

## Mengikut arus semasa

Memasuki alaf baharu, agak janggal apabila seseorang itu didapati tidak mempunyai akaun media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Telegram, Instagram atau media seumpamanya kerana masyarakat sudah didedahkan dengan pelbagai platform digital untuk saling berhubungan, berkongsi cerita dan pandangan.

Penggunaan Facebook khususnya, menjadi media sosial paling popular. Reuters melaporkan Facebook memiliki rangkaian media sosial terbesar dengan lebih dua bilion pengguna di seluruh dunia. Dalam konteks rakyat Malaysia, berdasarkan rekod World Internet Stats, pengguna platform Facebook di Malaysia mencapai 20 juta orang.

Menurut *Hootsuite and We Are Social* dalam laporan terkini Digital 2019, penggunaan Internet di Malaysia kini pada tahap 80 peratus. Data terkini menunjukkan Malaysia menduduki kelompok kelima tertinggi di dunia dan tempat teratas di Asia Tenggara dalam senarai pengguna media sosial mudah alih.



ASIA INTERNET USE, POPULATION STATISTICS DATA AND FACEBOOK DATA - JUNE 30, 2020

Asia	Population (2020 Est.)	Internet Users (Year 2000)	Internet Users 31.MAY.2020	Penetration % Population	Users % Asia	Facebook 31-MAY-2020
Afghanistan	38,928,346	1,000	7,357,489	18.8%	0.3%	1,041,400
Armenia	3,363,343	30,000	2,126,796	71.8%	0.1%	1,252,300
Azerbaijan	10,139,577	12,000	7,991,630	78.8%	0.3%	1,854,800
Bangladesh	164,689,383	100,000	96,198,080	58.4%	0.2%	33,173,800
Brunei	771,666	500	397,489	51.5%	0.6%	413,100
Brunel Darussalam	437,479	30,000	416,796	95.3%	0.6%	48,260
Cambodia	16,719,865	8,000	8,005,591	47.9%	0.3%	7,910,300
China *	1,438,323,776	22,500,000	854,006,080	58.3%	37.1%	1,330,800
Georgia	3,389,167	20,000	2,658,311	68.6%	0.1%	2,524,800
Hong Kong *	7,496,381	2,203,000	6,008,252	88.3%	0.3%	5,361,800
India	1,386,084,385	5,000,000	560,006,080	40.6%	24.3%	251,000,800
Indonesia	273,523,615	2,800,000	171,366,080	62.6%	7.4%	136,960,300
Japan	126,476,461	47,689,000	119,626,672	93.8%	5.2%	28,060,800
Kazakhstan	18,776,767	79,000	14,668,851	78.1%	0.6%	9,246,800
Korea, North	25,778,415	—	26,080	0.1%	0.0%	14,800
Korea, South	51,269,185	19,040,000	49,254,329	96.0%	2.1%	21,036,800
Kiribati	6,534,195	51,000	2,493,480	38.2%	0.1%	2,418,800
Lao	7,064,242	9,000	3,058,000	42.0%	0.1%	3,056,800
Macao *	649,335	68,000	638,087	93.8%	0.0%	486,800
Malaysia	33,365,899	3,700,000	26,353,017	81.4%	1.1%	25,520,800
Maldives	540,546	6,000	378,000	68.4%	0.0%	371,800
Mongolia	3,270,290	30,000	2,233,080	68.1%	0.1%	2,233,800
Myanmar	54,409,800	1,000	22,398,080	40.8%	1.0%	22,280,800
Nepal	29,136,808	50,000	16,196,080	55.6%	0.7%	18,476,800
Pakistan	226,892,340	153,000	71,608,085	32.4%	3.1%	57,070,800
Philippines	109,581,878	2,000,000	79,006,080	72.1%	3.4%	71,780,800
Singapore	5,850,342	1,200,000	5,173,987	88.4%	0.2%	4,470,800
Sri Lanka	21,413,249	121,500	7,198,533	33.5%	0.1%	8,420,800

## Perkongsian Ilmu di pentas digital

Impak penularan wabak Covid-19 mempengaruhi pimpinan kerajaan negeri Kelantan bekerjasama dengan pelbagai agensi dan ahli politik untuk memanfaatkan teknologi digital secara optimum dalam merancang dan melaksanakan program kerohanian dan ilmiah. Artikel tulisan Norzana Razaly di media sosial dan portal rasmi Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN) menyenaraikan secara rinci projek perlintis siaran digital dari studio UPKN.

Peranan paling signifikan dalam menyalurkan informasi yang tepat, sahih dan bermanfaat sekali gus menjadi media rasmi penghubung erat kerajaan negeri dengan rakyat ternyata dilaksanakan dengan cemerlang oleh agensi ini.

Berdasarkan tulisan tersebut juga, ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kuliah Duha dari Medan Ilmu tetap dapat didengar pada setiap hari Jumaat. Cuma bezanya tazkirah disampaikan secara dalam talian.

Platform digital yang menyajikan santapan rohani kepada hadirin ini adalah usaha kreatif menggantikan syarahan secara langsung yang dilakukan sejak 30 tahun yang lalu. Segmen Riyadhd as-Solmin pula mengisi slot Tazkirah Ramadan, di samping segmen al-Bayan yang juga bersiaran setiap hari sepanjang bulan Ramadan. Berdasarkan statistik, program tadarrus dan tadabur al-Quran dalam bulan Ramadan melibatkan pimpinan kerajaan negeri Kelantan melonjakkan jumlah keterlibatan daripada audiens mencecah 131 ribu tontonan untuk satu video.

Manakala segmen Daurah Wanita pula menampilkan selebriti dakwah terkenal serta tokoh-tokoh pimpinan negeri yang mengupas ilmu dan perkongsian kemahiran kepada golongan muslimat. Demikian juga, Segmen Galeri Ramadan dengan format bual bicara kewanitaan Semulia Khadijah menampilkan tokoh pilihan seperti Datuk Bentara Kanan Hajah Zabidah Abd Hamid, Dato' Zailah Mohd Yusof dan Senator Asmak Husin.

Melalui Program Bicara Siasah, slot bicara eksklusif disampaikan oleh pimpinan atau para profesional



berwibawa dengan kaedah santai dalam mengupas isu-isu serius mengenai politik semasa tempatan daripada perspektif siasah Islam.

Menariknya sesi pertama program ini dirintis oleh Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man, sebagai almanah keterujaan penulis dengan sesi tadarrus al-Quran Siri ke-11 yang dipimpin sendiri oleh Timbalan Menteri Besar, Dato' Mohd Amar Abdullah bersiaran pada 11 Ramadan 1441H.



Program bual bicara topik pelbagai isu merangkumi aspek pentadbiran dan agama pula ke udara menerusi KelantanKini. Berita Semasa tampil sebagai selingan dan menariknya slot Sapaan Facebook menawarkan hadiah wang tunai bernilai RM50 kepada dua soalan terpilih daripada netizen melalui Facebook Kelantan TV (KTV).

Menerusi Siri 6 Ramadan@Kelantan pada 11 Ramadan, menampilkan Dato' Panglima Perang Haji Mohd Nassuruddin Daud, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta.



Turut bersiaran pada setiap Sabtu ialah Zikrayat Tok Guru yang merupakan koleksi Siri kullah Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Siaran Semasa@Kelantan yang mewartakan berita penting perihal Kelantan dan Malaysia. Program yang disiarkan sebagai selingan antara rancangan ini menemui penonton pada hari Ahad hingga Khamis.

Penggunaan media sosial secara bijaksana yang memberi manfaat kepada rakyat turut direalisasikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melor, Dr. Md Yusnan Yusof. Beliau mewujudkan grup Telegram

#BazaarOnlineDUNMelor bagi membantu para peniaga mempromosikan perniagaan mereka secara dalam talian. Perkhidmatan ini memudahkan seluruh masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Melor mendapatkan barang keperluan bagi bulan Ramadhan 1441 dan sepanjang tempoh PKP sehingga kini.

### Perang teknologi

Sejauh mana teknologi digital mampu membawa transformasi ke arah manfaat lebih besar? Sedangkan banyak salah guna media sosial seperti penipuan siber, hasutan dan memupuk perasaan benci, meniup sentimen perkauman dan agama, serta fitnah bagi menjatuhkan reputasi individu mahupun organisasi sememangnya berlaku dengan mudah, pantas dan meluas.

Terdapat modus operandi yang bergerak solo, malah ada organisasi tersusun antaranya Red Bean Army (RBA) iaitu cybertrooper DAP. Selain menggunakan keyboard warriors, mereka turut memperkudakan Melayu Liberal dan yang jahil agama.

Justeru tidak pelik dakwaan bahawa seorang cybertrooper RBA mendapat imbuhan lumayan antara RM2,000-RM10,000 bagi tujuan mempromosi, menangkis serangan dan menyerang individu atau pihak tertentu di media sosial apatah lagi menjelang Pilihan Raya Umum (PRU), peranan kumpulan itu amat diperlukan oleh parti politik bagi menguasai ruang siber, sekali gus membentuk persepsi rakyat. (MalaysiaKini, 24 Mac 2019).

Antara individu terawal mengetengahkan persoalan RBA ialah Shen Yee Aun, bekas Ketua Pemuda DAP Kelang dan Setiausaha Pemuda DAP Kebangsaan yang berusaha memahamkan masyarakat Melayu-Islam betapa bahayanya gerakan "Tentera Kacang Merah" itu terhadap kedaulatan negara.

### Penyalahgunaan media sosial

Sebaran informasi berupa hasutan atau fitnah wajar dijauhi oleh semua rakyat apatah lagi ahli politik yang bijak. Bernama (31 Mac 2019) melaporkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) menahan tiga individu dalam serbuan untuk mengekang penyalahgunaan media sosial. Kandungan yang diterima dalam telefon pengadu dan kad sim serta telefon bimbit perlu diserahkan kepada Jabatan Forensik Digital SKMM untuk analisa forensik digital.

Ketua Bahagian Penguatkuasaan dan Siasatan SKMM Datuk Mohd Shafie Harun berkata kesemua individu ditahan atas kesalahan menjurus kepada perbuatan menghantar kandungan jelik melalui aplikasi WhatsApp dan sistem pesanan ringkas (SMS) dengan niat mengganggu dan menyakitkan hati orang lain.

"Kes berkenaan dislasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 dan jika sabit kesalahan akan dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali", katanya.



**Ketua Bahagian Penguatkuasaan dan Siasatan SKMM, Datuk Mohd Shafie Harun.**

### Serangan balas secara matang

Islam menekankan keamanan sebagai tanggungjawab sesama manusia. Etika peperangan konvensional diharaikan secara tuntas untuk disesuaikan dengan perang digital berpandukan prinsip Islam. Inilah pegangan para ahli politik di Kelantan.

Mereka akur terhadap larangan memulakan sesuatu tindakan agresif tetapi hanya perlu bertindak balas secara matang dengan menyelimbangkan etika yang perlu dipatuhi dan fakta yang wajar diperbetulkan. Lazimnya, ahli politik Kelantan bersikap terlebih dahulu menyeru kepada Islam dan mengajak perda-maian, serta dilarang mengaibkan musuh.

Penulis percaya, Kelantan mempunyai ramai pakar dalam bidang teknologi digital yang boleh menjadi benteng dan jentera perang khususnya apabila agama, maruah dan negara terancam. Penulis tidak bermiat memprovokasi sebaliknya pengkisahan ini mengajak kita berfikir cara perang konvensional untuk dilaksanakan dengan perang saraf siber.

Penulis mengajak pembaca meneliti kaedah penyusupan ke dalam "kem musuh" boleh dilakukan sebagaimana strategi Nu'a'im bin Mas'ud yang dihantar untuk merisik maklumat tentera musuh semasa Perang Khandak sehingga memecah-belahkan benteng lawan yang akhirnya berlaku pertelaghanan sesama mereka.

Strategi mengepung dan serangan bertubi-tubi ke atas musuh juga pernah digunakan dalam Perang Taif. Begitu juga kaedah helah bagi menimbulkan kegerusan musuh ketika peristiwa pembukaan Kota Mekah seperti menyalakan unggun api, mengilatkan peralatan perang bagi memantulkan cahaya serta menghitamkan rambut tentera Islam yang beruban.

Kesimpulannya, syabas kepada pimpinan kerajaan dan ahli politik negeri Kelantan kerana bijak menguruskan media sosial melalui daya kreativiti dan inovasi yang mensejahterakan rakyat selaras dengan teras Membangun Bersama Islam sebagai dasar pentadbiran. Terbukti teknologi digital tidak mempengaruhi sikap mereka ke arah keburukan. Bahkan, moral ahli politik Kelantan kekal utuh pada era digital dan semoga istiqamah selama-lamanya. ■

# TEKNOLOGI ALAM SEKITAR KELESTARIAN HUTAN MALAR SEGAR DAN HUTAN BANDAR DI KELANTAN

Oleh: Dr. Wan Adi Wan Yusoff

## Konsep hutan bandar

Dalam menempuh era teknologi dan digitalisasi, hutan bandar amat penting diwujudkan untuk memastikan kualiti alam sekitar dan kesejahteraan penduduk kota terjamin. Konsep hutan bandar merujuk hutan atau beberapa tempat yang ditanam atau ditumbuhkan pokok di dalam kawasan bandar, pekan atau subbandar sama ada secara fitrah atau ditanam semula setelah proses perubahan atau perancangan landskap dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Selain bertindak membentuk landskap yang segar, fungsi hutan bandar yang lebih utama ialah membekalkan ok-sigen yang mencukupi serta menyerap karbon dioksida yang dibebaskan oleh kenderaan di kawasan bandar. Dengan terlaksananya konsep hutan bandar, aktiviti riadah, senaman dan menghirup udara segar tidak sekadar tertumpu kepada taman-taman sedie ada, tetapi masyarakat boleh menikmatinya di mana-mana sahaja.

Justeru konsep hutan dalam bandar sememangnya menepati dan menyokong pembangunan lestari yang sering dicita-citakan oleh negara telah hilang khazanah alam dek kerakusan meneroka kawasan hutan bandar tanpa kawalan sehingga lenyap daripada pandangan.

## Mewartakan kawasan hutan simpan

Sebagai sebuah negeri yang mengutamakan pembangunan lestari, kerajaan negeri Kelantan telah menitikberatkan tiga tonggak utama iaitu Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan (3K) bagi memastikan kesejahteraan rakyat di negeri ini terpelihara.

Bersempena Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Kali ke-48 dan Hari Perancangan Bandar Sedunia Negeri Kelantan Tahun 2019, Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan, Mohd Radhi Chu Abdullah menyatakan keluasan hutan simpan diwartakan di negeri ini ialah 629,775.13 hektar. Bellau juga menegaskan bahawa luas kawasan berhutan ialah 810,415.50 hektar iaitu 54 peratus daripada keluasan tanah negeri berjaya dikenalkan sebagai kawasan berhutan.

Hal ini menunjukkan usaha kerajaan sentiasa bertenaga dalam memastikan pembangunan lestari dapat dilaksanakan di negeri ini. Pejabat Tanah Jajahan (PTJ) disaran mengenal pasti kawasan-kawasan sesuai

dan berpotensi untuk diwartakan menjadi hutan simpan kekal terutamanya kawasan hutan paya laut di kawasan pulau dalam jajahan Tumpat, hutan pantai di sepanjang pesisir pantai dalam jajahan Bachok dan Pasir Puteh, hutan paya gambut di jajahan Pasir Mas dan hutan semula jadi yang berfungsi sebagai kawasan tадahan terpenting di pedalaman Kelantan khususnya di Tanah Tinggi Lojing.

Menurut Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Mohd Amar Abdullah, kerajaan mula menanam pokok Eucalyptus (kayu putih) pada tahun 2018. Sebanyak 1,666 anak pokok atau lebih kurang 674 batang pokok bagi satu ekar dengan jarak penanaman bersalz 3 meter x 2 meter bergantung kepada bentuk muka bumi. Kawasan penanaman tersebut dilakukan di petak kajian seluas 30 hektar di Hutan Simpan Sungai Betis, Lojing.

Tempoh matangnya sesingkat tujuh tahun sahaja berbanding pokok balak yang mengambil masa sehingga 25 tahun. Oleh itu, hasil pertama bakal dikutip dangan-garkan pada tahun 2025.



Menteri Besar Kelantan menandatangani plak sebagai simbol perasmian bagi pelancaran Pelan Induk Pembangunan Landskap Pantai Senok.

### Program Go green

Salah satu program lestari yang dilaksanakan ialah "Program Go Green". Melalui program ini, setiap PBT perlu memberi komitmen untuk mewujudkan hutan bandar. Majis Daerah Bachok umpamanya telah merancang untuk menghijaukan lagi landskap di Pantai Senok. Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah menanam sebanyak 4,344 batang pokok ru di sepanjang pesisir Pantai Senok.

Kelindahannya mencetuskan fenomena tarikan pelancongan domestik sehingga ada pengunjung menamakan pantai Ini sebagai "Pulau Nami Kelantan". Masakan tidak, setiap pengunjung akan terpegun dengan kelindahan pokok ru yang tersusun Indah dan dijaga rapi sehingga menarik pasangan yang baru mendirikan rumah tangga untuk merakam gambar dengan pakalan pengantin masing-masing.

Ada juga pengunjung yang membayangkan seolah-olah mereka berada di Korea kerana terpengaruh dengan drama Korea. Walau apa pun, pasti anda terpikat sekiranya dapat meluangkan masa bersama keluarga dengan berkelah di sini sambil menghirup udara nyaman kurniahan Ilahi.

Menteri Besar Kelantan amat menghargai sumbangan dan khidmat bakti semua pihak yang terlibat dalam usaha membangunkan program penghijauan di negeri Kelantan khasnya Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan.

Selaku agensi kerajaan negeri, jabatan tersebut berperanan penting dalam memberi nasihat terhadap perancangan dan pembangunan di negeri ini demi memastikan persekitaran kehidupan yang sejahtera, kondusif dan ke arah pembangunan hijau untuk menjaga kelangsungan sumber pada masa hadapan.

Kerjasama erat antara dua jabatan ini mempunyai tujuan dan matlamat yang sama dalam melestarikan pembangunan dengan mengintegrasikan pembangunan dan alam sekitar yang akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat di negeri ini.

### Kebersihan kawasan sekitar

Dalam usaha menumpukan kepada bandar hijau, satu tablat yang kurang baik sehingga kini masih belum dapat diamalkan sepenuhnya oleh masyarakat setempat ialah aspek kebersihan kawasan sekitar. Tabiat membuang sampah merata-rata masih ada dalam kalangan masyarakat khususnya di kawasan tumpuan awam seperti pasar, taman permainan, ekspos, pasar malam dan kawasan peranginan.

Pelbagai kempen telah diusahakan oleh PBT untuk menyedarkan masyarakat tetapi namapnya masih kurang berkesan. Melalui perhatian yang dilakukan oleh penulis, selesa sahaja pernilagaan di pasar malam, pasar borong atau majlis ceramah, pasti kawasan itu akan dipenuhi oleh sampah sarap yang ditinggalkan oleh pengunjung dan para penjaja. Hal ini agak menyedihkan walaupun pihak penganggaran telah menyediakan tong sampah yang mencukupi.

Menteri Besar Kelantan, dan Exco Kesihatan, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr. Izani Husin sering berpesan dalam ucapan mereka; "jupo sapoh kutip, jange tohok koksey".

Walaupun pesanan sedemikian ringkas tetapi amat bermakna kerana ia menunjukkan pimpinan kerajaan negeri serius dan komited mahu rakyat bersama-sama menjadikan Kelantan negeri yang bersih dan indah. Penerapan nilai membudayakan amalan menjaga kebersihan dalam kalangan rakyat amat perlu dipergiatkan agar semua rakyat sedar memungut sampah juga sebahagian ibadat dan mendapat ganjaran pahala di akhirat.

Usaha ini perlu disambut oleh segenap lapisan masyarakat khususnya golongan muda. Mereka dianjur menggunakan media sosial untuk berkempen melalui tanda pagar (hashtag) #Kelantanku Bersih dan #JupoSapohKutip. Apa yang diharapkan usaha ini dapat disebar luas dan menyerap masuk ke dalam minda rakyat jelata demi mencapai kehidupan yang lebih bersih dan sejahtera.



Sumber: AGDC Malaysia Sdn. Bhd.

Model bangunan hijau: bangunan Diamond, Suruhanjaya Tenaga Malaysia di Putrajaya.

### Indeks bangunan hijau

Kesedaran ke arah pembangunan lestari yang berasaskan dimensi ekonomi, sosial dan alam sekitar kian meningkat dari semasa ke semasa pada peringkat global mahupun di negara kita. Hal ini jelas apabila konsep bangunan hijau, amalan yang mewujudkan struktur dan menggunakan proses yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar digunakan.

Objektif pembinaan Indeks bangunan hijau mempunyai enam bahagian:

1. Kecekapan tenaga.
2. Kualiti persekitaran dalaman
3. Perancangan dan pengurusan tapak lestari.
4. Bahan dan sumber.
5. Kecekapan bekalan air.
6. Inovasi.

Bagi sesebuah bangunan hijau, penggunaan tenaga cekap dan menjimatkan merujuk tahap kemampuan menggunakan cahaya matahari pada siang hari sebagai agen pencahayaan dan mampu mengurangkan penggunaan lampu yang menggunakan tenaga elektrik.

Di kawasan rendah trafik, permukaan berturap digunakan untuk membantu penyerapan air di tapak dan mengurangkan hakisan. Bangunan hijau yang berkualiti juga digalakkan untuk dibangunkan di lokasi yang mesra pejalan kaki bagi menggalakkan gaya hidup sihat dan alternatif pengangkutan bagi kawasan bandar.

Kriteria penting seterusnya ialah pelan landskap menggunakan spesies tahan kemarau, tumbuh-tumbuhan asli dan penutup rumput minimum digalakkan untuk menjimatkan air dan mengurangkan keperluan baja dan racun perosak.

Beberapa model bandar hijau yang boleh dirujuk seperti Putrajaya dan Cyberjaya. Bandar-bandar ini telah pun dilengkapi dengan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang direka bukan sahaja untuk mengawal kadar jenayah dan mengesan kesalahan jalan raya, namun ia juga boleh mengesan paras air ketika hujan sebagai langkah pencegahan banjir.

Usaha hijau yang lain termasuklah Dasar Tanpa Beg Plastik Percuma, peningkatan caj untuk beg plastik dan Dasar Tanpa Plastik Sekali Guna serta pengurangan sisa plastik adalah selari dengan usaha kerajaan Persekutuan untuk menggalakkan lebih banyak produk mesra alam untuk mengantikan plastik.


### Penutup

Kesimpulannya, untuk meningkatkan kualiti hidup melalui perancangan bandar hijau dan pintar, pastinya kerajaan negeri Kelantan memerlukan satu perancangan yang strategik dengan mengintegrasikan sistem fizikal, digital dan manusia dalam setiap persekitaran yang dibina. Usaha ini perlu mendapat sambutan daripada setiap lapisan masyarakat Kelantan ke arah menjamin kualiti hidup yang lebih baik dan sejahtera. ■



# PENGUASAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM KALANGAN RAKYAT KELANTAN

Oleh: Nuramalina Lizam



Kini, capaian informasi hanya di hujung jari.

Kepesatan perkembangan teknologi maklumat telah mengubah corak, cara hidup dan cara berfikir manusia di seluruh dunia. Rakyat Kelantan juga turut terlibat memanfaatkan dunia komputer, Internet, peranti mudah alih dan aplikasi media sosial sebagai alat komunikasi tanpa sempadan.

Pengguna golongan dewasa dan generasi Z menguasai era digital dan teknologi maklumat bagi mendapatkan sumber informasi yang pantas dengan Internet berkapasiti tinggi tanpa mengira lokasi.

Kepelbagaiannya laman sesawang dan platform yang ada memberi kebaikan dan peluang kepada masyarakat tempatan untuk mendapatkan sebarang informasi berkaitan ilmu, hiburan, berita semasa dalam negara maupun luar negara. Oleh itu, ilmu pengetahuan yang luas daripada pelbagai sumber menjadikan cara berfikir masyarakat lebih ke hadapan dan tidak terhad, hal ini dapat melahirkan lebih ramal generasi baharu yang cekap Teknologi Maklumat (IT).

# Membantu Usahawan Mencapai Jualan 6 Angka Yang Pertama

FunnelEvo dibina sebagai platform kepada usahawan untuk menimba ilmu berkaitan digital marketing dan juga memberi khidmat nasihat kepada syarikat untuk menggunakan platform digital sebagai medium pengiklanan. Pelajari asas pemasaran dan jualan secara digital yang menyeluruh meliputi Facebook, Instagram, Google, Messenger, Email, Website dan paling penting Database Marketing serta Sales Funnel untuk memajukan perniagaan online.



## Gaya menaik

Menurut data yang dikeluarkan oleh Syarikat Penilaian Media dan Analisis (Comscore), negeri Kelantan menunjukkan trend menaik dan mencatatkan pertumbuhan tiga angka dalam penggunaan laman sesawang e-dagang. Pencapaian ini menunjukkan bahawa masyarakat Kelantan tidak ketinggalan mengikuti perkembangan teknologi dalam urusan kehidupan sehari-hari.

Tanpa terbatas dalam kalangan pembeli, platform ini juga telah melahirkan ramai peniaga dari negeri ini yang mempromosi barang niaga mereka dengan mudah dan jimat tanpa mengeluarkan kos yang besar, cukup dengan hanya mempunyai kedai dalam talian sebagai sumber pendapatan.

Masyarakat Kelantan dan perniagaan berpisah tiada, ke mana sahaja anak Kelantan merantau pasti kebanyakannya mencipta bisnes di negeri orang, apatah lagi yang masih tinggal di negeri sendiri dengan mewujudkan pelbagai Inisiatif untuk meningkatkan taraf hidup. Usahawan Kelantan amat memanfaatkan teknologi digital dengan berniaga dalam talian sehingga ramal antara mereka yang telah mencipta nama dalam bidang perniagaan dunia siber sehingga tular seperti Nadia Batik dan FunnelEvo.

## Kemudahan ICT

Kerajaan Persekutuan dan negeri Kelantan bekerjasama membekalkan kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau Information and Communications Technology (ICT) di 593 buah sekolah di seluruh Kelantan sejak tahun 1997.

Hal ini bertujuan melahirkan warga pendidik yang maju dan berkemahiran seterusnya meningkatkan kualiti dalam pencapaian akademik dan kokurikulum. Tenaga pengajar di sekolah perlu meletakkan keyakinan yang

tinggi dalam diri pelajar bahawa kemajuan pendidikan amat bergantung kepada kemahiran dan pengetahuan para pelajar dalam mengendalikan teknologi maklumat.

Kebolehan mengendalikan perisian komputer dan melayari Internet khususnya untuk mendapatkan fakta, maklumat dan rujukan dalam menyiapkan suatu tugas yang diberi amat berguna kepada para pelajar.

Jadi, tidak mustahil setiap tahun ada sahaja pelajar cemerlang lahir dan mewakili negeri ini contohnya pada tahun 2019, Kelantan menguasai Gred Purata Negeri (GPN) bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2019 dengan GPN 4.84 iaitu mengatasi Gred Purata Nasional (GP Nasional) dengan 0.06 mata. 44 buah sekolah menunjukkan Gred Purata Sekolah (GPS) mengatasi GPN manakala 85 sekolah menunjukkan peningkatan GPS dengan gred terbaik iaitu 1.80.

Tambahan pula, jika dapat dilihat pertambahan bilangan anak muda Kelantan yang berjaya dengan menghasilkan video di YouTube juga semakin rancak. Walaupun masih muda, mereka telah pun mencipta nama dan peluang pekerjaan kepada anak muda lain untuk bersama menjayakan episod menerusi video pendek contohnya Syahmi Sazli, Asli dan Yo.



Lebih membanggakan, anak muda ini telah pun berjaya menghasilkan filem Mael Totey The Movie dengan meraih kutipan RM2.56 juta dalam tempoh empat hari tayangan di saluran Astro First bermula 22 hingga 26 Oktober 2020. Malah, kutipannya meningkat lagi sehingga tayangan berakhir pada hari ke-12.

Apabila kebanyakan daripada mereka sudah dikenali, anak muda ini akan mudah menambahkan sumber pendapatan dengan mengambil upah untuk ulasan (review) produk orang lain pula. Dalam masa yang sama membantu peniaga lain mempromosikan produk. Begitulah kegunaan teknologi yang saling berkait dalam proses memajukan penduduk setempat.



Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan turut hadir pada pengumuman keputusan peperiksaan SPM 2019.

Rank	Negeri	GPN
	NASIONAL	4.06
1	Wilayah Persekutuan Putrajaya	3.75
2	Negeri Sembilan	4.58
3	Johor	4.58
4	Terengganu	4.69
5	Pahang	4.71
6	Melaka	4.83
7	Kelantan	4.84
8	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4.86
9	Pulau Pinang	4.86
10	Selangor	4.86
11	Perak	4.91
12	Kedah	5.02
13	Wilayah Persekutuan Labuan	5.12
14	Perlis	5.18
15	Sarawak	5.18
16	Sabah	5.38




# ICT Incubator Centre

## Kepantasan Internet

Sementelah pengguna wi-fi di Kelantan masih berada pada tahap minimum dan tidak meluas, mereka masih lagi boleh mendapatkan maklumat melalui masyarakat sekitar yang mengikuti arus perkembangan semasa melalui jaringan tanpa wayar.


Berdasarkan kajian dalam talian yang dibuat di halaman Facebook rakyat Kelantan berjumlah 156 ribu ahli, rakyat Kelantan yang menetap di Kota Bharu mewakili bilangan tertinggi yang memberi maklumat balas terpantas terhadap kajian, kedua ialah Pasir Mas diikuti daerah Bachok. Manakala Gua Musang dan Rantau Panjang berada pada senarai terakhir. Ringkasnya, kawasan bandar lebih cepat menerima maklumat berkemungkinan kerana mempunyai liputan data yang meluas.



Maklum balas kajian respons dalam talian pengguna Internet di Kelantan mengikut jajahan.

Selain itu, kajian juga mendapat kebanyakan rakyat Kelantan masih lagi menggunakan pelan prabayar Internet. Mereka perlu membuat tambah nilai kredit rangkaian telekomunikasi setiap kali ingin menggunakan Internet tanpa perlu ada komitmen bulanan seperti pelan pasca bayar yang kebiasaannya digunakan oleh mereka yang bekerjaya.

Syarikat Telekom Malaysia (TM) memperuntukkan sejumlah RM110 juta bagi menyediakan Unifi di Kelantan. Inisiatif TM agar rakyat di kawasan luar bandar dapat menggunakan pakai perkhidmatan Internet berkelajuan tinggi dan memberi manfaat yang besar



kepada rakyat di samping meningkatkan perkembangan Industri tempatan.

Selain itu, pelbagai aktiviti dan program telah di-anjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan antaranya menubuhkan ICT Incubator Centre (IICSB) sebagai peneraju ICT di Kelantan yang berstatus MSC.

Penubuhan IICSB telah banyak memperlihatkan perubahan selaras dengan tujuannya untuk melahirkan lebih ramai masyarakat Kelantan cekik IT dan proaktif. Antara program yang pernah dianjurkan adalah Kursus kemahiran kakitangan, Microsoft Office World, Excell dan Power Point for Executive, Kursus dan Seminar Aplikasi Android, Kursus Usahawan Internet, Karnival ICT Jeli, Seminar SME Business Success With ICT dan pelbagai lagi yang sangat memberi manfaat kepada rakyat.

Pada zaman serba canggih ini, suka atau tidak semua golongan masyarakat seharusnya mempunyai sifat peka dan suka bertanya yang tinggi bagi menguasai setiap perubahan dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi.

Bukan sekadar mendapatkan maklumat yang penting, malah rakyat dapat membantu kerajaan menjawab segala fitnah yang disebarluaskan di alam maya. Pentingnya kehidupan dengan jaringan sosial ini mampu menggalakkan masyarakat Kelantan menguasai teknologi maklumat sebaiknya. Bermakna, masyarakat Kelantan tidak ketinggalan "seperti katak di bawah tempurung" kerana cakna mengikuti perkembangan teknologi semasa. ■



# Modenisasi pengucapan puisi dan aktiviti sastera secara maya

Oleh: Rosnani Ripin

Bermula 18 Mac 2020, banyak program yang dirancang tergendala dan tertunda akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelbagai program seperti bidang pendidikan, agama, ekonomi, sosial dan seumpamanya. Begitu juga dengan aktiviti seni sastera dan budaya yang menjadi rutin pengisian insan seni dan budayawan.

Terdapat banyak jabatan, bahkan pertubuhan dan persatuan kesenian, juga persatuan penulis begitu aktif menganjurkan program-program tersebut sepanjang tempoh PKP hingga mendapat sambutan yang amat memberangsangkan meliputi seluruh dunia. Kejayaan cemerlang setiap penganjur tidak terhenti semasa tempoh PKP dan PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat) sahaja bahkan sehingga kini masih lagi terdapat pelbagai program termasuk bengkel penulisan kreatif dan ilmiah serta seumpamanya dijalankan secara dalam talian.

## Keterujaan penganjur

Keterujaan penganjur seperti Persatuan Penyair Malaysia, Persatuan Pemuisi Malaysia, Gabungan Penulis Muda Kelantan (GEMA), Persatuan Penulis Kelantan (PPK) mendapat sambutan penyertaan yang amat membanggakan. Begitu juga Jabatan Kesenian dan Kebudayan Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia turut menganjurkan program yang menepati keperluan pengisian masyarakat dalam tempoh PKP.


Buat julung kali ini, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN) turut menganjurkan segmen Puisi Ramadan 1441 secara dalam talian. Hal ini menggambarkan kepekaan dan keprihatinan UPKN mendekati masyarakat setempat dan rakyat negeri Kelantan di perantauan secara maya.

Menurut Penolong Pengarah (Pengarang) UPKN, Norzana Razaly, sebanyak 30 buah puisi berserta lataran grafik yang menarik disiarkan melalui platform digital portal rasmi UPKN dan media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram setiap hari sepanjang bulan puasa pada tahun 2020. Pautan bebenangnya pula ditularkan melalui aplikasi WhatsApp, Viber dan Telegram.

**"Segmen puisi ini membuktikan kerajaan Kelantan peka terhadap sastera dan berjaya menarik perhatian penyair anak Kelantan untuk berkarya melalui pentas digital agensi kerajaan negeri. Sekali gus mengundang pelawat baharu dalam kalangan penggilat sastera budaya dan menaikkan rating pengunjung laman sosial UPKN", ujarnya.**

Beliau juga memaklumkan, puisi ber tema apresiasi Ramadan dalam keterbatasan pergerakan dihantar melalui aplikasi WhatsApp dan e-mel kepada editor oleh penyair dari seluruh Kelantan. Cenderahati berupa majalah Qladah (terbitan PMBK) dan Fajar Islam (terbitan UPKN) serta buku puisi sumbangan penyair kawakan Kelantan, Anbakri Haron pula dihadiahikan sebagai tanda penghargaan kepada pemuisi seperti Rezeki Othman dari Gua Musang, Shafiq Kral dari Kuala Krai, Mukhtar Mustafa dari Rantau Panjang, Safura Az-Zahra dari Pasir Mas, Tuan Siti Mustazameaton dari Tumpat dan Ruzilawati Man dari Kota Bharu.

**"Tidak terkecuali, pemuisi yang bermastautin di Lembah Klang seperti Hashim Yaacob yang menetap di Kelana Jaya, Wanrazuhar di Ampang, Wacana Minda di Darnansara, bahkan Usman Gumanti dari Kuantan juga menyertainya", ujar Norzana berpuas hati.**



Penyair mapan Asri Husin berasal dari kampung Sri Tujuh, Tumpat memakai nama pena Wacana Minda memberi komenar melalui WhatsApp, segmen pulsi anjuran UPKN memperlihatkan kebertanggungjawaban kerajaan negeri untuk meneruskan kelangsungan warisan bangsa.

**"Puasi bukan sekadar lontaran keindahan puitika kata tetapi kota cinta citra bahasa yang harus diserapkan kepada generasi pemula", tulisnya.**

#### Pengisian program

Meskipun wujud kesulitan dan kebimbangan akibat Covid-19, tidak dinafikan PKP juga amat bermakna kerana pengisian program secara dalam talian membantu ibu bapa dan anak-anak mematuhi saranan Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Besar Kelantan agar duduk di rumah.

Mahu tidak mahu, rakyat Malaysia termasuk di Kelantan hanya mampu menggunakan media sosial sebagai medium komunikasi. Jadi amat bertepatan dengan pihak penganjur yang menganjurkan program sastera, bahasa dan budaya secara dalam talian.

Situasi PKP dalam erti kata berkurung secara fizikal sahaja dan bukannya dihalang daripada melakukan apa-apa urusan. Anak-anak yang biasa dengan pelbagai aktiviti di luar rumah akan merasa lebih terkekang dengan arahan PKP selama tujuh fasa.

#### Ruang bicara maya

Ketika PKP, insan seni yang mahu terus berkarya dan berkongsi pentas dengan penonton mula mencari peluang dalam talian. Melalui pelantar media sosial yang bersesuaian, mereka membuka pelbagai ruang bicara seni secara proaktif, diskusi karya kendiri dan persembahan skala kecil, bahkan peluang berkolaboratif sesama kenalan yang mempunyai minat serupa.

Sebagaimana contoh, di Facebook rasmi Malaysian Theatre Association (MaTA), pelbagai aktiviti dan bentuk seni begitu rancak dianjurkan. Artis atau karyawan daripada pelbagai latar belakang berterusan menganjurkan sesi diskusi, persembahan (showcase) bakat pada setiap hujung minggu dan memberi bantuan kepada yang memerlukan.

Begitu juga sesi memohon dana untuk projek seni melalui persembahan monolog dan program mempelajari seni persembahan baharu seperti nyanyian dan teater. Hinggakan persembahan teater yang dipertontonkan sebelum PKP dan diarkib turut dibuka pintu seluas-luasnya untuk ditonton kembali tanpa dikenakan sebarang bayaran.

#### Akses percuma

Baru-baru ini, keterujaan penulis sendiri sukar digambarkan apabila secara tidak sengaja penulis menemukan persembahan Hamlet yang dipentaskan pada tahun 2018 di pentas gah, The Globe, London.

Penemuan di tengah-tengah kemelut menyediakan bahan pengajaran maya untuk salah satu subjek teras program Kesusastraan Bahasa Inggeris di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) ini umpsama orang mengantuk disorongkan bantal.

Pada waktu sebelum PKP, persembahan pelakon antarabangsa yang hebat ini hanya boleh diakses dengan bayaran langganan arkib The Globe tetapi kini ia percuma. Lantas peluang keemasan ini penulis gunakan sebaliknya sebagai salah satu alat bantu mengajar sesi kuliah maya. Pautan YouTube Hamlet For Free (2018) dapat penulis kongsikan dengan siswa dan siswi di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) supaya mereka lebih bersedia dalam sesi perbincangan teks kelak.

Bertaraf dunia

Ada juga paparan pada dinding Facebook yang penulis terima daripada pengglat seni tanah air dalam kesusasteraan Melayu. Program seperti bacaan puisi pada peringkat dunia anjuran Wacana Minda di laman rasmi Facebook juga berialian secara maya.

Tidak ketinggalan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) cawangan Kelantan turut melancarkan program seni dalam talian berbentuk pertandingan deklamasi puisi patriotik dan peraduan mencipta pantun bertemakan duduk di rumah.

Aktiviti seni berpaksi di dunia maya yang begitu giat adalah perkembangan yang amat sihat. Di samping memberi ruang luas pengkaryaan, dunia seni tidaklah terpinggir sunyi dan menyepi.

Masyarakat seni yang membudayakan normal baharu ini mengimarahkan perkembangan seni dan budaya agar kedua-duanya sentiasa tersemat dalam ingatan. Mungkin ada yang masih bertarikh mengejar pergerakan pantas teknologi, namun tiada yang mahu menyalah.

Sememangnya penggunaan pelantar maya yang terarah untuk memperkermaskan seni dan budaya adalah tanda aras baharu lahir dalam gelodak pandemik COVID-19 ini. Cukuplah khalayak menghubungkaitkan insan seni sebagai golongan yang dahagakan publisiti semata-mata, sebaliknya bersedia untuk menerima perlungan mereka.



Rebut peluang

Kesempatan berkurung di rumah memberi peluang kepada pelajar sekolah, universiti dan golongan dewasa berpuisi di pentas digital secara langsung ma-  
hupun tidak langsung. Persatuan Penyair Malaysia (cawangan Kelantan) turut menganjurkan baca pulsi secara dalam talian sempena PKP ini.

PKP menyebabkan para penyair tersekat dan terikat pergerakannya. Lantaran itu, pentas pengucapan pulsi juga terbatas. Fitrah jiwa penyair terlham pelbagai perkara yang mahu diluahkan rentetan pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Hal yang sama turut memberi kesan terhadap kehidupan para penyair.

Kesimpulannya, persatuan penulis bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT) serta UPKN selaku agensi kerajaan negeri aktif mendigitalisasikan kegiatan sastera secara dalam talian bagi memenuhi pengisian peminat-peminat seni sastera.

Diharapkan kelangsungan aktiviti membaca puisi dalam talian ini kekal dan berterusan walaupun PKP berakhir supaya objektif memartabatkan sastera budaya sebagai tunjang tamadun bangsa Melayu sentiasa malar segar.





سکالوڠ تهنيه

## PENCAPAIAN U-KEKWA



### Kategori **Cemerlang**

*Ekosistem Kondusif  
Sektor Awam (EKSA)  
Do-It-Yourself (DIY)*

سلمات میمبوت

3 Dekad Pentadbiran

Membangun Bersama Islam

YB Dato' Hjh Mumtaz bt Md Nawi  
EXCO Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita  
Kerajaan Negeri Kelantan (ADUN Demit)

تهنيه

## TOKOH HARI KEBAJIKAN PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2020

Sempena 3 Dekad Pentadbiran Membangun Bersama Islam



Tokoh Aktivis Kebajikan  
(Cakna Asnaf Miskin)  
Ir Moor Shamshir  
bin Moor Zulkiffli Auni



Ikon Sukanawan  
Kebajikan  
Suhail bin Mohamed  
Kamaruddin



Tokoh Amilin  
Kebajikan  
Shamsuddin  
bin Mat Daud



Tokoh Cakna Kebajikan  
(NGO Cakna)  
Datuk Dr. Zulkapli  
bin Hj Mohamad



Tokoh NGO Kebajikan  
Antarabangsa  
Yayasan Anjal  
Malaysia Cawangan Kelantan



Tokoh Aktivis Kebajikan  
(Cakna CRU)  
Prof. Madya Dr. Hj Mohamed  
Saat bin Hj Ismail



Ikon Viral  
Kebajikan  
Mohammad Fitri Firdaus  
bin Halilhan



Ikon Viral  
Cakna CRU  
Syahmi bin Sazli



Tokoh Aktiva Kebajikan  
(Cakna Arnalah)  
Ustaz Sabon bin Ismail



Tokoh Kebajikan  
OKU Musanabun  
Mohammad Faizal  
bin Che Yusof



Tokoh Cakna Kebajikan  
(NGI Cakna)  
Mohd Shazwan  
Husnan bin Che Hamid



Tokoh Aktivis Kebajikan  
(Cakna Anak Yatim)  
Ustaz Hj Mohamad Nazry  
bin Mohamad Noor



Tokoh Cakna Kebajikan  
(NGI Cakna)  
Zarina binti Nawawi



Tokoh Khidmat  
Kebajikan  
Nik Mas binti Mahmud



Tokoh Amilin  
Kebajikan  
Naji Esah binti Hamzah

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

ukekwa @u\_kekwa uKEKWA  
 ukekwa@kelantan.gov.my www.kelantan.com



## Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail

### Menuju kejayaan dengan konsep al-Falah

Oleh: Zanazanzaly | Foto: Ahmad Naime Muhammad & koleksi peribadi

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 mencatat rekod Dewan Undangan Negeri (DUN) Selising (N29) di menangi oleh Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail (dikenali Tuan Saripudin) mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS), sebanyak 9,640 undi menewaskan penyandang kerusi, Zulkifle Ali (BN) memperoleh 6,520 undi dan calon PKR, Ismail Mohammad 808 undi.

Kemenangan tersebut menjadi asbab Tuan Saripudin direzekikan Allah SWT sebagai Pengurus Jawatan-kuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar kerajaan negeri Kelantan.

Suami kepada Nik Salma Nik Mustafa (guru Sekolah Menengah Agama (Arab) Darul Iman, Beris Lalang, Bachok, Kelantan) ini, lahir di Kampung Wakaf Bunut, Selising, Pasir Puteh Kelantan pada 27 Jun 1972. Pasangan bahagia ini dikurniakan tujuh orang cahaya mata; tiga putera dan empat puteri.

Pemegang Ijazah Syariah dari Universiti Terbuka Amerika di Kaherah, Mesir (2001-2005) dengan susulan Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2009-2011 ini cukup ber-

ilmu dan berpengalaman untuk menerajui salah satu portfolio penting berkaitan meletak hak hasil titik peluh rakyat pada tempat sewajarnya dan memberi keadilan terhadap potensi maksimum sumber alam negeri Kelantan.

#### Menerajui portfolio

Bermula era baharu sesi sidang 2018, kerajaan bersatuju menggerakkan gagasan idea beliau yakni Gerakan Pertanian Al-Falah sebagai pemangkin meningkatkan gagasan Bertani Satu Ibadah ke arah yang lebih berjaya melalui falsafah mudah - Menuju kejayaan dengan konsep al-Falah.

Setiap projek yang diagihkan kepada rakyat diberi maklumat lengkap dengan latihan, pendedahan pakar, disusuli bantuan pelaksanaan projek, pemantauan berkala daripada pihak jabatan berkaitan dan akhirnya berjaya ditulal dan dipasarkan hasil-hasil pertanian dan penternakan.

Dalam tempoh dua tahun memegang portfolio ini, Tuan Saripudin menggerakkan pelbagai projek al-Falah yang dijadualkan berjalan secara sistematis dan berkala di seluruh Kelantan. Antara projek tersebut termasuklah Projek Gerakan Pertanian Pondok (Gepa) melibatkan pelajar pondok pengajaran al-Quran, hadis dan kitab ulama silam serta pelajar tahfiz.

Menurutnya, program Gepa Pondok dan Gepa Tahfiz telah memberi manfaat kepada 15 buah Institusi pendidikan aliran agama. Sepanjang tahun 2020, sepuluh lagi pondok diberi bantuan input pertanian dan penternakan sehingga berjaya menuai hasil. Terbukti cetusan idea berasas Exco InI memberi ruang penjanaan ekonomi kepada institusi pondok dan pusat tahfiz itu sendiri.

"Mulanya, di Pondok Sri Permai Seligi diberi 20 ekor kambing. Alhamdulillah peserta pondok tersebut berjaya mengekalkan 40 ekor walaupun ada yang telah berjaya dijual dengan konsep akikah dan dijadikan sebagai bahan mentah untuk sara hidup para pelajar di pondok", ujarnya.

"Begitu juga bagi yang mengusahakan tanaman sayuran hidroponik di Pondok Repek. Sudah masuk beberapa pusingan pengeluaran sayuran di sana dan hasilnya dapat dijual sekali gus menjana sedikit sebanyak ekonomi pondok tersebut", katanya ketika ditemui selepas melakukan pemantauan tapak kolam ternakan ikan premium di Pusat Tahfiz Balaghul Mubin, Tok Uban, Pasir Mas Kelantan pada 28 Julai lalu.

## **Memanfaatkan ilmu dan pengalaman**

Pengalaman menggalas tanggungjawab sebagai Pengarah Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK) kerajaan Kelantan selama tiga tahun (2015-2018) menyebabkan beliau mengambil berat tentang kelestarian sumber modal insan sejagat sehingga tercetusnya idea Belia Tani Al-falah Kelantan – Thailand.

"Kita telah menghantar 20 orang peserta dalam empat modul berbeza ke Thailand bagi tujuan latihan dan pendedahan. Hasilnya, peserta tersebut telah memulakan projek tanaman cendawan dan kelulut.Terbaru, kerajaan dalam proses membangunkan projek tanaman pisang, nenas, ubi kayu, kelapa dan durian kunyit sebagai tanaman sumber kekayaan baru dan melibatkan para peserta dalam kalangan belia khusus ke arah membangunkan usahawan tani al-Falah.

"Fasa kedua pelaksanaan, peserta dibimbing serta menjadi usahawan tani al-Falah di 15 kawasan di seluruh Kelantan termasuk Projek Pembangunan Agro Pelancongan Gerakan Pertanian al-Falah di Jeram mengajil Agro Resort", hujalnya yang amat berpuas hati dengan hala tuju projek yang bakal menjadi resort patuh syariah di Kelantan.

## **Penguasaan teknologi dan Inovasi**

Mengenal kluster sasaran dan pemodenan Industri pertanian, bioteknologi dan teknologi di Kelantan pula, bellau menyatakan pemodenan dan penggunaan teknologi dan inovasi dalam sektor pertanian dan penernakana di Kelantan adalah amat membanggakan. Para petani dan penternak di Kelantan tidak kering idea dalam membangunkan Inovasi dan teknologi bagi memudahkan urusan harian.

Bagi menyemarakkan lagi sektor ini dengan suntikan pemodenan, melalui Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC) dan jabatan, proses pemindahan informasi dan teknologi terus berlaku tanpa mengira latar belakang petani dan penternak. Teknologi ini didedahkan kepada mereka dan dilatih secara khusus dan akhirnya sebagai agen pembiakbakaan ternakan di Kelantan.

"Sebagai contoh, pemodenan dan teknologi bio penternakan dalam pembiakbakaan lembu NAIMblf. Para penternak dan khususnya Jurusuntik permanian berdas yang berdaftar di Kelantan hampir 100 orang. Jumlah jurusuntik paling ramai di Malaysia)" ujarnya bangga.

## **Memartabatkan golongan pelapis**

Exco berusia 48 tahun ini mengakui kepentingan peranan pelapis industri asas tani di Kelantan. Oleh itu, sasaran pemodenan dan Inovasi dalam pertanian dan penternakan tidak terhad kepada golongan veteran sahaja. Ia menyeluruh,bahkan keterlibatan generasi muda dalam memodenkan segala bentuk inovasi dan teknologi pertanian dan penternakan di Kelantan tidak boleh dinafikan.



Di bawah sellaan pejabat Exco dengan kerjasama kumpulan komuniti yang memodenkan penanaman kulat, inovasi pemodenan proses penyediaan bongkah dan penanaman oleh para peserta belia dari Pondok Seligi dan kumpulan penanam kulat senior dari Pulau Melaka membolehkan mereka meraih pendapatan sekitar RM3,000 seminggu! Lumayan sungguh bagi belia yang tinggal di kampung”, ujar mantan siswa Diploma Pengajian Islam, Pusat Pengajian Pondok Moden, Kandis Bachok, Kelantan sesi 1991-1998 itu sambil berseloroh.

### Kerjasama pintar

Mantan siswazah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Universiti al-Azhar, Mesir sesi pengajian tahun 1998-2000 itu juga berterima kasih kepada pihak institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Politeknik Jeli yang membuka ruang kerjasama pintar pembangunan bioteknologi bagi memodenkan lagi penternakan dan pertanian di Kelantan.

Terkini, kerjasama erat dalam pembangunan penyelidikan dan teknologi bersama sedang diketengahkan kepada masyarakat melalui penggunaan teknologi dron (UAV drone) dalam penanaman seperti mengenal pasti jenis tanah, air, baja dan herbisida atau racun herba untuk semburan kawalan penyakit dan pembajaan dalam penanaman sawah padi, pembangunan solar dalam sistem pertanian, pembangunan aquafonik dan fertigasi bagi meningkatkan hasil dan keuntungan tanaman.



Hengadakan jawatan ke Santuari Madu Kelulut Jeram Mengaji Agro Resort.



Hiking Merdeka Bukit Yong.



Merasmikan melabuh tukun tiruan negeri Kelantan 2020 di Pantai Tumpat.



Meninjau kerja-kerja membaiki jalan Kg. Seligi.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) berusaha mencipta alternatif mengurangkan masalah lambahan hasil buah-buahan bermuslim seperti dokong dan rambutan dengan pembinaan kilang pemprosesan cuka di Pengkalan Chepa selepas fasa pemindahan teknologi dari fakulti asas tani UMK.

Di samping itu, sinergi Kumpulan Pertanian Kelanta Berhad (KPKB) bersama pihak Universiti Malaya (UM) menjayakan projek pemindahan teknologi makanan eksotik kerabu sare (rumput laut) ke peringkat jualan komersial. Tidak ketinggalan, pihaknya giat memperkasakan kerjasama Pembangunan Pengembangan Sumber Modal Insan bersama Kolej Vokasional Pasir Putih dalam mengeluarkan graduan pertanian.

### Pelaksanaan dasar

Tuan Saripudin berbesar hati memaklumkan pada 18 hingga 19 Februari 2020 lalu, portfolionya telah berbengkel dua hari di Tanjung Demong Beach Resort untuk memurnikan kembali Dasar Bertani Satu Ibadah dan pelan Strategik Kelantan Jelapang Makanan Negara.

“Sekarang dalam fasa akhir memperkemas dasar tersebut untuk diangkat ke MMK (Majlis Mesyuarat Kerajaan) bagi diiktiraf secara rasmi sebagai dasar kerajaan negeri. Bertani satu ibadah hanya diangkat sebagai tema tanpa ada dasar yang direkodkan secara rasmi sebagai rujukan. Ia sebuah gagasan yang dipromosikan secara total dan bergerak seluruh negeri”.

"Melihat keperluan gagasan ini dijadikan Dasar yang lebih jelas dan berfokus, JK Portfolio telah memurnikan dan akan diiktiraf sebagai Dasar Negeri dalam sedikit masa lagi", tulisnya ring.

Manakala, progres kerjasama pintar pembangunan tenaga solar oleh agensi Kerajaan Kelantan diwakili Kelantan Utilities Mubaarak Holdings Sdn Bhd (KUM) dan pihak korporat pula, kerajaan telah ber-setuju supaya pihak KUM menjalankan Pembangunan Projek Solar Terapung (Floating Solar Project) ber-kapasiti 50MWac di Danau Tok Uban, Pasir Mas Kelantan.

Susulan daripada itu, KUM telah menjalinkan kerjasama dengan sebuah syarikat bagi tujuan memasuki bidaan Large Scale Solar by Malaysian Industry to Attract RE Investment (LSS@MEnTARI) anjuran Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Sumber Asli (KeTSA). Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah memohon kuota sebanyak 300MW untuk pembangunan solar dari Kementerian Tenaga dan Sumber Asli pada bulan Julai 2020.

#### Bercita-cita besar

Ketika berbicara mengenai gagasan idea untuk lima tahun (2020-2025) akan datang, mata Tuan Saripudin seolah-olah memantulkan semangat yang membara di jiwa. Beliau bercita-cita melahirkan 1,000 usahawan-tani menjelang 2022.



Menghadiri program Kaca Sugho dan Menjamu Selera bersama PERAKAN Puchong.



Menyantuni rakyat di kedai kopitiam Kg. Berangan setelah selesai berkebun.



Menyampaikan taazkirah ringkas sebelum solat Jumaat.

"Kita mahu membantu petani, penternak persatuan, NGO, dan pelajar pusat pendidikan agama dan pengajian al-Quran (tauhid) menjadi usahawan. Kita berhajat memberi khidmat nasihat, bantuan input, keparikan, pengeluaran produk dan pemasaran khususnya golongan bella dalam pelbagai sektor pertanian, perlukan dan penternakan yang lebih lestari dan mampan khususnya dalam penternakan lembu NAIMBLI", tegasnya.

Beliau menambah, pembangunan makmal pembibitan-bakaan dan pengeluaran benih (simen) beku di Jeram Pasu bagi memacu pengeluaran genetik bermutu dalam penternakan lembu pedaging di Kelantan menggunakan bioteknologi.

Dari aspek teknologi pula, beliau berhasrat untuk menjayakan peranan KUM yang telah dilantik sebagai rakan strategik kerajaan negeri Kelantan bagi merancakkan pelaburan dalam Industri Teknologi Hijau di Negeri Kelantan dan melaksanakan rancangan Pelan Induk Pembangunan Mampan (PIPM) Negeri Kelantan.

"Pelaksanaan program ini adalah salah satu elemen dalam agenda PIPM bagi mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Sehubungan dengan itu, KUM berpeluang melaksanakan beberapa program agenda hijau yang boleh diperluaskan kepada Program Usahawan Hijau untuk masyarakat di negeri Kelantan sebagai pemangkin kepada program Kelantanku Bersih", ujarnya.

Mengakhiri temu bual, beliau menggesa semua pihak bekerjasama menjayakan industri berteraskan modal insan dan sumber alam dengan sebaik mungkin serta patuh syariah.

"Sejajar dengan saranan daripada Perdana Menteri Malaysia yang memerlukan idea yang inovatif seiring dengan normal baharu bagi menangani kesan ekonomi akibat penularan pandemik COVID-19, maka penjagaan alam sekitar dalam aktiviti pertanian dan penternakan secara lestari dan mampan diharap dapat dijalankan melalui program Alam Hijau Sejahtera termasuklah kempen sayangi sungai dapat disampaikan kepada masyarakat", serunya. ■

# Quranic Recitation In Digital Era

By: Tun Germawan

Generations have shifted as the years change annually. The timelines have waved goodbyes to 1K years and begun the 2K years, 2 decades ago. Moreover, the world has also developed very rapidly in parallel with the growth of technologies. But above all, the one and only holy book of Muslims remains the same, without being altered, even a word. The Quran, the most fascinating manuscript that contains Allah's words for all humankind, has neither due dates nor become obsolete.

Muslims used to buy and keep at least one copy of the Quran at home. A Muslim and the sacred book are one, never will be separated. Being a pile of Arabic written papers, the al-Furqan is always being so closed to the Muslims' heart, whereas the verses are read, memorized and understood very well. Muslims seek for Allah's rewards from their love and care towards the holy Kitab. Therefore, the verses of the Quran could be heard anywhere around the globe, as it is being recited by at least one Muslim, in every second passes.

## Paperless

Today, the era of digital has transformed the papers into digitalized pages in many gadgets like the smartphones, laptops, and computers. No more ink usage and papers involve. No more time is spent in completing the process of producing the book. Everything is done easily and fast, using the builder applications by the experts. The image of the Quran is uplifted, in consistent with the modern age.

However, the words, verses and surahs are still similar. The recitations remain beautiful as ever. Muslims have successfully spread the holy messages

with the help of technologies by creating the "smart" Quran for android and iOS (iPhone Operating System). Now, we can hear Muslims reciting the Quran, anywhere they are. In the office, when they are feeling stressed by office works. In the café, when they are waiting for friends to arrive. In the car, when they are stuck in heavy traffic jammed. Or in any events or occasion, when they want to fill the free times in between the sessions. In short, for every second ticks, there will be more than one Muslim who may recite the Quranic verses, as it is always at the tip of their finger nowadays.

## Quran time

Allah is Mighty, and only with His permission, all human kinds can be able to recite the Quran in peace. And, only with His consent, the reciters can read, understand and practice the An-Nur as a guide in life. With the faith towards this belief, the World #QuranHour programme is being organized annually in more than 3,000 locations in Malaysia and 300 locations in 76 countries by the Warisan Ummah Ikhlas Foundation (WUIF). It is held on the 20th day of Ramadan each year as the climax of the global "Berinteraksi dengan al-Quran" (Interacting with the Quran) programme. #QuranHour is a platform that exposes divine solutions from 114 surahs of the holy Quran, based on the module that is known as 'Heaven to Earth' (HTE) through the "Quran Tadabbur & Tazakkur" approach.



The community is encouraged to feel deeply for the Quran as a guidance and solution to life. Along with the existence of a Quranic operational system in everyone's self, rooted by the framework of Quranic thought that hopefully will produce the characters of a true Muslim.

With regards to #QuranHour programme, WUIF with TV AlHijrah organized a signature programme called "My #QuranTime" with a mission to "tadabbur" 114 surahs of the holy Quran. The half-an-hour telecast programme is being broadcasted for 604 days with 604 episodes that are equal to 604 pages of the Quran.

#### Live streaming

At the same time, it will be streamed live via Facebooks of TV AlHijrah, Sinar Harian and Quran Hour, while the recording can be watched on YouTube QuranHour Channel. This programme is also supported by Persatuan Rumah Ngaji Negeri Kelantan (PRNNK) as an alternative in encouraging Kelantanese to generate the desire towards the miracle legacy of Muhammad (pbuh).

Above and beyond, the beauty of Quran is not only captured by eyes. A visually impaired teenager from Kelantan, Muhammad Qayyim Nizar Sarimi, using his fingers to read Quranic braille texts. His ability to recite the verses in the most stunning melodious way, has made him the winner in 1441H/2020M National Quran Recital Competition, a gift from Allah the Most Merciful. He has also won first place in Kelantan Quran Recital Competition in 2017, 2019 and 2020.

It is so fascinating to know that he is furthering his study in Diploma Tahfiz Al-Quran at Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan, that shows his profound love in reciting the Quranic verses. Muhammad Qayyim is one of the readers who participate in Gema Wahyu @ Merdeka #QuranHour programme in 2017 organized by WUIF, in which has stunned foreign tourists with his sweetest melody and peaceful "singing" (recitation).

#### Smart technologies

In a nutshell, the sacred, the most faithful and unchanged book of the One and Only God has gone the process of digitization in its relevance to the recent advent of smart technologies like tablets, smartphones and digital gadgets. "Do not raise your children the way (your) parents raised you, they were born for a different time" (Ali bin Abi Thalib).

Therefore, in an era where children use and interact more with digital devices, the digitalized Quran or Quran apps are the most relevant for the recitation sessions with them. It is not only easy and mobile, but also fun during the learning sessions. By monopolizing technologies for the growth of Islam, Muslims can ensure that the inheritance of the holy Quran can be preserved and live until the doomsday. ■





# كفرن قررتانين الفلاح

## KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD



PROGRAM  
MELESTARIKAN  
NAIMBIF  
KELANTAN



PROGRAM  
TRANSFORMASI  
KELULUT  
AL FALAH



GERAKAN  
PERTANIAN AL  
FALAH PONDOK  
(GEPA PONDOK)



PROGRAM  
FERTIGASI  
AL FALAH



PROGRAM  
TERNAKAN AYAM  
KAMPUNG ASLI  
AL FALAH



KEM PEN TANE  
NYOR AL FALAH



GERAKAN  
PERTANIAN AL  
FALAH TAHFIZ  
(GEPA TAHFIZ)



SKIM  
BANTUAN BAJA  
ORGANIK DAN BAJA  
PADI



PROJEK  
PEMBANGUNAN  
KLUSTER  
ARNAB



BERAS BERAKT  
AL FALAH  
(I GANTANG  
BAGHDAD)

Bertani Satu Ibadah



# Tapai Takwa sigai pandai

Oleh: Zamzamly | Foto: Ahmed Nizam Mohamed

Resipi masakan Melayu bukan sahaja menyajikan kelazatan rasa, malah ia sarat mengandungi falsafah tersirat. Falsafah terus lestari selama manusia kekal berfikir, bertanya dan mengkaji untuk mengetahui segala misteri alam ciptaan Ilahi. Seringkali kita tertanya-tanya, apakah rahsia di sebalik penciptaan tapai sehingga begitu banyak petua yang diamalkan dan pantang larang yang dipesan oleh nenek moyang zaman-berzaman?

Menurut cerita lisan, tapai ialah ciptaan wali Allah Syeikh Thanauddin (Adi Putra) adinda kepada Syeikh Jamadil Kubra sembilan bersaudara yang tersohor sebagai Wali Tujuh dan Wali Songo di Nusantara. Adi Putra ialah guru ilmu kebatinan kepada Hang Tuah lima bersaudara. Bellau menetap di Bukit Panau, Tanah Merah, Kelantan (pusat pemerintahan Kerajaan Chermin, Jeddah di Kelantan pada masa silam).

Diceritakan oleh orang tua-tua dahulu, resipi bermula apabila Adi Putra mahu mempersiapkan satu sajian istimewa kepada Jebat yang berhadapan ujian perasaan dan terpaksa pula berpisah dengan Tuah, sahabatnya yang setia. Kali ini hadirnya Jebat bukan bersama sahabat tercinta tetapi membawa isteri untuk bersembunyi daripada dibunuh. Sultan Melaka murka angkara fitnah jahat para pemuka negeri yang dengki kianat lalu menggelar Jebat penderhaka.

Cerita lisan ini selari dengan kenyataan Ahli Jawatankuasa Pakar Warisan Bahasa dan Persuratan di bawah akta warisan kebangsaan 2005, Jabatan Warisan Negara (2020-2021), Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin. Pensyarah di Institut

Alam & Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini juga dinobatkan sebagai Tokoh Budaya Negeri Sembilan pada tahun 2015.

"Hang Jebat tidak mati ditikam dek Hang Tuah seperti yang tercatat di dalam buku Sejarah Melayu. Segala babak pertikaman adalah sandiwara untuk mengaburi mata masyarakat. Hang Tuah yang menasihati Jebat ke perkampungan guru mereka Adi Putra di Bukit Panau, Tanah Merah", ujarnya lalu membacakan teromba lama melalui saluran <https://www.facebook.com/rajateromba/videos/2494/>;

*Kecahayaan bersukuh terang,  
kasih budi terzahir,  
akhlaq muafa bersendi,  
adat teguh tergenggam.*

*Sahabat itu berkadim darah bersatu sejak kahir  
tidak mungkin kugadai silaturahim berkalam  
pada fitnah siar kej manusia akhir zaman  
ikatan kekal selamat kubawa dari waktu malam.  
Daun kuruh berpusing di kolam  
atas mukanya air*

*membuka hidayah pecah tari langkah enam  
Hang Jebat selamat berhijrah ke Kuala Krai Hilir  
buka tanah berkampung tenang di dalam selam  
dalam rahas ia ketuhanan dari petunjuk Tok Khidir  
tiada resah gelisah  
hati ikhlas tersenyum faham.*

## Tenaga positif

Dua cupak (bersamaan 1.112 kilogram) beras pulut, nenda bersihkan dengan basuhan air mutlak sebanyak lima kali mengambil barakah wuduk untuk solat lima waktu. Sambil membasuh beras dengan tangan kanan mengikut arah lawan jam (tawaf), nenda melafazkan zikir yang bermaksud; tidak ada penyembuh selain daripada Allah SWT.

Nenda berkongsi hikmah menggaul atau mengacau makanan dan minuman mengikut arah lawan putaran jam. "Pusingan sebegitu akan memberikan tenaga positif bagi makanan atau minuman tersebut. Selain itu, kita pun rasa bersemangat untuk memasak dan aura positif itulah yang akan disalurkan kepada makanan ketika memasak."

Sambil membasuh beras pulut, nenda berselawat dan berdoa; "Segala puji bagi Allah yang telah memberi kami makanan yang lebih baik darinya. "Ya Allah, lembutkan hati kami untuk faham agama-Mu sebagaimana Engkau lembutkan beras ini hingga menjadi pulut."

Putih beras dan jernih air itulah perlambangan tulus persahabatan Tuah-Jebat. Sementara menanti segala kekotoran keluar melalui proses rendaman bijirin, nenda meminta cucu terunanya mencari dan membersihkan daun getah untuk membalut tapai.

Beras pulut yang direndam nenda sejak semalam ditoskan dengan penyejat diperbuat daripada anyaman buluh. Nenda berkongsi petua lagi, pastikan sukanan nisbahnya lima cawan pulut dan lima cawan air supaya pulut tersebut tidak lembik.

Cara kedua ialah mengukus beras pulut selama 25 minit. Kemudian menjirus tiga cawan air ke atas kukusan pulut tersebut secara "kaup-balik" perlahan-lahan supaya butir pulut tidak patah atau hancur. Kukus semula 10 minit sehingga keluar wap.

## Proses penapaian

Pulut yang sudah masak serata diletakkan ke dalam talam. Serak dan ruakan pulut tersebut perlahan-lahan memenuhi permukaan talam bagi mudahkan proses menabur ragi. Elakkan menekan pulut tersebut agar tidak patah butirnya. Blarkan betul-betul sejuk berpandukan petua mengukur suhu menggunakan kura tangan (macam merasa kepanasan demam di dah), bukan pakal tapak tangan kerana tapak lazimnya suam.

Pesan nenda berkali-kali; pengajaran resipi dan cara pembuatan tapai ini berkait rapat dengan kebersihan, ketelitian dan pekerti. Pulut yang tidak cukup sejuk, bekas berminyak, bercampur garam atau unsur masakan lain penyebab utama warna tapai kemerah-merahan. Bukannya asbab tempias warna haid akibat diperbuat oleh wanita berhadas bulanan.

Sementara menunggu pulut sejuk, nenda bercerita lagi mengenai pantang larang meragi tapai seraya cucunya yang berstatus dera sunti menumbuk halus



Dua cupak beras pulut dibersihkan dan direndam.



Beras pulut dikukus selama 25 minit.



Tiga cawan air dijirus ke atas kukusan pulut secara kaup-balik.

setengah biji ragi yang dijemur sehingga kering terlebih dahulu.

Nenda menjawab satu persatu kemasykilan cucunya si teruna dan dara mengenal pantang larang ketika membuat tapai. Kata nenda, selepas masak, perlu segera keluarkan dari perluk atau kukusan. Jangan bagi air dari tutup periuk atau kukusan menimpak pulut, kelak tapai tidak masak. Sebenarnya apabila tertimpa wap air yang panas, pulut menjadi mudah lembik dan cepat masam.

Itulah falsafah apabila perasaan kita sedang dirundung malang, bersegeralah kita mencari penawar yang menyegukkan dengan mengingati Allah untuk menenangkan fikiran dan emosi supaya kita tidak leka dihasut oleh bisikan syaitan yang sering memujuk manusia melakukan kejahatan.

Nenda memastikan kura tangannya yang menyentuh pulut betul-betul bersih. Setelah nenda yakin pulut sudah sejuk, barulah diayaknya ragi ke serata permukaan pulut tadi. Dengan berhati-hati nenda menterbalikkan pulut ke permukaan sebelah lagi lalu diayakkan serbuk ragi melalui penapis serbuk teh ke permukaan yang belum ditaburinya.

Setelah berpuas hati melihat kesemua bahagian permukaan pulut itu berlumur ragi, maka nenda meletakkan sesudu kecil pulut beraigi tadi ke atas permukaan daun getah berkembar tiga yang sudah dibersihkan. Kesemua bungkusannya tapai itu mestilah diperam selama 48 jam (dua hari) di dalam bekas yang bukan berunsur logam. Semoleknnya, tempayan tanah liat yang bertutup rapat dengan kain batik dan dililit ketat.

#### Kaitan dengan ilmu kebatinan

Sering kali kedengaran pantang larang ketika membuat tapai tidak boleh diketahui oleh orang yang ada ilmu kebatinan seperti pendekar, bomoh atau pengamal ilmu hitam. Hatta jika mereka lalu berhampiran rumah penyedia tapai pun menyebabkan tapai mentah atau tawar!

Nenda menjelaskan, kononnya semasa Adi Putra mahu menguji ketinggian ilmu firasat dan kesabaran Hang Jebat, bellau menyediakan dua hidangan; pulut berlauk ikan kering berbungkus daun keladi dan pulut beraigi di dalam bungkusannya daun getah berkembar tiga yang rapi bersemat lidi.



Lidi dipotong pendek sebagai elat untuk merapikan daun getah.



Tapai yang siap dibungkus sedia untuk diperam selama 48 jam.

Hang Jebat terus mencapai sajian berbungkus daun getah atas dorongan sikap rakus dan ingin tahu apakah yang ada di dalamnya tanpa tahu hidangan tersebut masih mentah. Sedangkan pulut ikan kering sudah terhildu aromanya dari jauh lagi.

Disebabkan sifat terburu-buru Jebat itu, maka guru-nya bersumpah sesiapa jua gerangan yang ada ilmu kebatinan tidak kira putih atau hitam, tidak boleh tahu atau lalu berhampiran si pembuat tapai. Jika ingkar, orang itu akan tawar ilmunya dan menjadikan tapai itu mentah atau tawar. Sehingga bau badan yang memualukan pun digelar jebat kononnya berasal daripada sifat kegelohan Hang Jebat.

#### Pantang larang

Ada juga pesanan supaya menghindari kawasan atau menggunakan bekas berwarna merah tidak dibenarkan. Hal itu dikatakan punca tapai akan masak dengan berwarna kemerah-merahan atau terus menjadi masam.

Hakikatnya, persekitaran yang sejuk nyaman seperti di ruang dapur dilatarlu kehijauan pokok dan emosi yang stabil amat diperlukan ketika membuat tapai. Secara tersirat, asal-usul penciptaan resipi tapai ini dipercayai, orang tua-tua Melayu dahulu kala berhajat mahu mendidik akhlak pembuat dan pemakan tapai menjaga kebersihan jiwa yang terpantul pada perbuatan.

Sebab itulah semasa membuat tapai, kita dinasihati agar sentiasa senyum dan tidak boleh banyak bersembang, barulah tapai berasa manis bak senyuman rupawan. Demikianlah falsafah resipi tapai yang meletakkan sifat takwa sebagai sigai untuk mencapai darjah pandai. ■



## DIGITAL CITY TINGKAT 3, KB MALL

Oleh: Dr. Wan Adi Wan Yusoff | Foto: Ahmad Natime Muhammad

Ke mana sahaja bandar-bandar utama yang dilawati, sudah pasti kita akan menemui pusat jualan komputer riba (laptop) dan telefon mudah alih atau lebih popular dengan panggilan telefon bimbit (handphone) yang terkenal dan menjadi ikon lokaliti tertentu umumnya Plaza Low Yat di Kuala Lumpur.

Plaza Low Yat sudah dikenali sebagai pusat jualan komputer dan peralatan telekomunikasi yang terbesar. Begitu juga bangunan Komtar Digital Mall di Pulau Pinang, Digital Valley di Johor Bahru, Mara Digital di Ipoh dan Kuantan adalah lokasi jualan yang sering dikunjungi oleh orang ramai untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan mereka.

Manakala di Kelantan, tumpuan peminat untuk membeli telefon bimbit dan komputer riba amat sinonim dengan Digital City yang terletak di tingkat tiga bangunan KB Mall. Sebagaimana yang telah diketahui, sebut sahaja KB Mall pasti setiap warga Kelantan akan membayangkan sebuah pusat beli-belah di lokasi strategik iaitu persimpangan jalan utama di pusat bandar Kota Bharu.

Keluasan bangunan KB Mall ialah 869,530 kaki persegi dengan ruang perniagaan yang boleh disewakan pula seluas 332,201 kaki persegi iaitu 132 lot. Apa yang istimewa ialah suasannya ternyata berbeza berbanding dengan tempat lain di luar Kelantan. Jom kita temui kelalanan tersebut bersama-sama. Penulis yakin, pembaca pasti akan terpesona kerana ia tidak ditemui di tempat lain. Percayalah, hanya di Kelantan!



## Kelainan suasana

Beberapa pengunjung dari luar Kelantan menyatakan mereka amat teruja apabila berada di KB Mall Digital City kerana pengusaha kedai komputer dan telefon pintar dapat bersaing di bawah satu bumbung.

Pemilik kedai alat telekomunikasi dan teknologi di sini terdiri daripada orang Melayu juga mampu bersaing harga serta perkhidmatan dengan syarikat-syarikat milik bukan bumiputera. Hal ini jelas menangkis dakwaan bahawa orang Melayu hanya layak menjual "pisang goreng dan keropok lekor".

Melalui pengamatan penulis apabila bertandang ke negeri lain, penulis mendapati rata-rata pemilik kedai telefon bimbit dan komputer riba akan didominasi oleh golongan bukan bumiputera. Malah amat sukar untuk syarikat milik bumiputera bertapak dan mendapat tempat dalam perniagaan ini, jauh sekali untuk menjadi pesaing dalam perniagaan tersebut.

Dengan sewa premis yang agak tinggi tentu sekali usahawan kecil tidak mampu untuk membuka perniagaan. Implikasinya, kita dapat keseluruhan lot kedai hanya dimonopoli oleh syarikat-syarikat besar yang umumnya diketahui pemiliknya adalah kaum bukan bumiputera.

Lebih menarik lagi, pekerja-pekerja di kedai komputer riba dan telefon bimbit di KB Mall Digital City ini majoritiannya anak-anak muda Melayu yang mahir dan arif dalam memberi penerangan kepada pelanggan tentang model-model yang terkini. Sesekali timbul rasa kagum dalam hati bahawa anak bangsa kita juga mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).



Mereka amat berpengetahuan dalam menerangkan model-model baharu untuk dibuat perbandingan oleh pembeli. Setidak-tidaknya, info yang diberikan oleh jurujual sedikit sebanyak dapat membantu pelanggan memilih peralatan yang dilihat sesuai dengan keperluan. Hal ini secara tidak langsung telah mewujudkan beberapa peluang pekerjaan dalam bidang ICT di negeri ini.

Menyentuh tentang peluang pekerjaan, kewujudan KB Mall Digital City tidak sekadar membuka peluang pekerjaan sebagai jurujual sahaja, sebaliknya berjaya membuka beberapa peluang pekerjaan lain seperti bahagian baik pulih (repair), format dan install laptop yang dibuat oleh juruteknik, kerani akaun, bahagian pemasaran, stor, khidmat pelanggan, usahawan, pemborong, peniaga dan sebagainya.

Inilah peluang yang perlu direbut dan dimanfaatkan oleh anak-anak muda khususnya mereka yang berkelebihan dalam bidang ICT untuk memperkembangkan potensi diri, menceburi bidang perniagaan yang akhirnya dapat dijadikan kerjaya dalam kehidupan. Hal ini sesuai dengan hadis Rasulullah SAW dari Nu’aim bin Abd al-Rahman yang bermaksud “Sembilan daripada sepuluh rezeki berada pada perniagaan”.



## Promosi menarik

Begitu juga dengan promosi yang menarik serta pelbagai aksi untuk menarik pelanggan singgah di rerual mereka dapat kita lihat apabila berkunjung ke KB Mall Digital City. Walaupun sesbuah syarikat itu bukan milik bumiputera, namun sudah pasti jurujualnya berbangsa Melayu. Hal ini adalah salah satu strategi pemasaran untuk mlariskan perniagaan di rerual mereka.

Konsep saling kebergantungan ini telah wujud sejak awal kemerdekaan lagi. Konsep ini menerangkan pemilik kedai yang sering disebut "taukeh" atau "bos" oleh pekerja, sangat memerlukan pekerja yang rajin dan setia untuk menaikkan nama syarikat.

Sebaliknya para pekerja yang terdiri daripada orang Melayu dan bumiputera memerlukan pekerjaan untuk menampung kehidupan mereka. Semangat saling bergantungan menerbitkan harmoni akan memberi keuntungan kepada syarikat di samping dapat meningkatkan lagi kepuasan kerja dalam kalangan pekerjanya. Secara tidak langsung keharmonian dan kesejahteraan hidup dapat dinikmati oleh penduduk berbilang kaum di Kelantan yang selesa ditadbir dengan dasar Membangun Bersama Islam.

Pelbagai bentuk iklan dibuat untuk mlariskan perniagaan mereka seperti mempamerkan poster, gegantung, belon, tanda potongan harga yang menarik, bagi membuat promosi istimewa. Malah ada yang sanggup menawarkan pelbagai hadiah tambahan sebagai "bonus" apabila pengunjung membuat belian di kedai mereka.

Para pengunjung pasti teruja apabila disapa oleh gadis-gadis manis dari negeri Cik Siti Wan Kembar yang cuba menarik perhatian anda untuk singgah di premis mereka dengan pertanyaan; "Abe nak beli gapo tu?" (Abang nak bell apa tu?), "Abe nak bell handphone hok mana tu?" (Abang nak beli telefon bimbit yang mana?). Kemahiran mereka dalam berkomunikasi berupaya menarik minat pembeli.

Berkemungkinan juga kaum hawa di negeri ini sejak turun-temurun lagi sudah biasa dengan perniagaan. Tentu sekali mereka tidak kekok apabila berhadapan dengan pelanggan. Kebiasaan pengunjung akan meninjau model-model terbaru sesuai dengan penggunaan dan kemampuan kewangan.

Contohnya bagi seorang pelajar yang banyak menggunakan perisian grafik, mereka mungkin memerlukan komputer riba yang mempunyai prosessor yang lebih laju berbanding pelajar yang hanya menggunakan Microsoft Word bagi menyiapkan tugas (assignment) dalam pengajian mereka. Justeru, cadangan dan khidmat nasihat yang diberikan dapat membantu membuat pilihan yang terbaik.

## Kepelbagalan kedai telekomunikasi

Menurut pihak pengurusan KB Mall Digital City, terdapat 36 lot kedai dan 60 reruai serta satu ruang pameran terbuka yang luas telah disediakan kepada para peniaga. Beberapa syarikat komputer yang terkenal di Kelantan seperti Monaliza, Crystal Timur Computer, MYCC Computer, FT IT Solution dan Educom Technologies menawarkan pelbagai model komputer yang menarik dan terkini. Beberapa jenama komputer yang menjadi pilihan pengguna ialah Dell, Lenovo, Acer, HP, Asus dan lain-lain lagi.

Bagi yang kurang berkemampuan, mereka juga boleh memilih untuk mendapatkan komputer riba terpakai yang canggih pada harga murah, bak kata pepatah "tepuk dada tanya selera". Masing-masing pelanggan mempunyai alasan tersendiri dalam membuat pilihan.

## Aksesori tambahan

Selain jualan komputer riba dan telefon bimbit, terdapat juga kedai yang menjual aksesori. Beberapa kedai yang menjadi pilihan pengunjung ialah DIY



Accessories, AP Accessories dan sebaginya. Pengunjung berpeluang memilih dan membeli pelbagai aksesori dan juga alat ganti seperti bateri, pengecas, fon telinga, pelindung skrin, bank kuasa, penutup telefon bimbit dan beberapa peralatan lain pada harga yang menarik. Sebagai pengguna inilah pusat sehenti yang terlintas difikiran untuk dikunjungi apabila memerlukan peralatan dan aksesori tersebut.

Beberapa syarikat telekomunikasi juga menjadi lengkap di Digital City. Para pengunjung berpeluang untuk mendaftar, membayar bil dan mendapatkan pakej-pakej menarik untuk langganan data dan panggilan. Berkunjung ke sini, anda pasti berpeluang untuk membuat perbandingan harga serta perkhidmatan yang telah disediakan oleh pelbagai jenama syarikat telekomunikasi.



Pusat beli-belah Digital City bersedia untuk menawarkan pelbagai rangkaian penuh teknologi maklumat dan produk elektronik termasuklah telefon pintar, komputer riba, komputer tablet, komputer meja, alatan teknologi, produk perisian, permainan konsol, dan kamera untuk pelbagai jenis produk yang lain.

Selain itu Digital City menempatkan pusat perkhidmatan Digi, Celcom, Maxis, TMnet, YES, Umobile untuk kaunter langganan panggilan atau data Internet. Tambahan lagi, pusat perkhidmatan dan pembalikan telefon mudah alih dan komputer riba juga disediakan di sini.



### **Pusat sehenti lengkap**

Pendek kata, pengunjung dapat menyelesaikan banyak perkara dengan mengunjungi pusat sehenti serba lengkap di Digital City kerana segala barang dan perkhidmatan disediakan di bawah satu bumbung. Justeru tidak perlu lagi kita bersusah payah ke Kuala Lumpur semata-mata untuk membeli telefon pintar atau komputer yang canggih dan terkini.


Selaku pembeli bijak, pesanan mesra ketika berkunjung ke pusat tumpuan awam sebegini pada musim COVID-19 haruslah sentiasa berhati-hati. Pelanggan perlu mematuhi segala Prosedur Standard Operasi (SOP) khususnya dalam memastikan pendaftaran masuk ke premis melalui imbasan kod (scan barcode) dengan MySejahtera, mengambil suhu badan, menggunakan pensanitasi tangan serta mengamalkan jarak fizikal satu meter.

### **Kesimpulan**

Jelas sekali, kegigihan orang Melayu Kelantan yang menjadi usahawan dalam perniagaan ICT telah berjaya menguasai sebahagian besar pasaran komputer riba dan telefon bimbit di negeri ini. Malah mereka telah berjaya membuka cawangan di beberapa daerah di Kelantan dan di luar Kelantan hasil daripada kejayaan jualan yang tinggi di Digital City.

Bilangan pengunjung ke KB Mall sememangnya mengagumkan. Jumlah pengunjung pada tahun 2019 dianggarkan seramai enam juta orang. Namun begitu pada tahun ini jumlah pengunjung agak merosot berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan.

Oleh itu, Digital City, KB Mall ialah destinasi yang wajib dikunjungi bagi pemilat peranti elektronik kerana segala-galanya tersedia di sini. Lokasinya yang strategik, kemudahan letak kereta berbumbung sebanyak 559 petak dan kadar bayaran parkir yang jauh lebih murah berbanding premis lain tentunya dapat menarik minat para pengunjung. Seperkara perlu dilihat, dalam memilih peralatan yang canggih dan terkini, pembeli perlu melihat kemampuan diri bak pepatah "ukur baju di badan sendiri". ■



# PROF. EMERITUS DATO' DR. SHEIKH OMAR ABDUL RAHMAN

## VISI IBU MENJADI MISI KEJAYAAN SAYA

Oleh: Nik Fauziah Nik Hussin | Foto: Unit Komunikasi Korporat, MAIK

"Dalam hidup, saya bernasib baik kerana mempunyai ibu yang bukan sahaja menjaga perut supaya tidak kosong, malah lebih penting membentuk saya menjadi seorang yang berkeyakinan tinggi, berfikiran positif dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pencapaian diri. Itulah hadiah yang sangat mahal dan terbaik yang ibu berikan kepada kami adik-beradik. Bayangkan tahun 70-an, kami empat beradik berjaya melanjutkan pelajaran hasil didikan seorang ibu yang buta huruf".

(Prof. Emeritus Dato' Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman)

### Kelahiran yang dinantikan

Anak keenam daripada 10 adik-beradik ini dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1946. Bapanya, Abdul Rahman Ahmad bekerja sebagai buruh Jabatan Kerja Raya (JKR atau dulu dikenali PWD) membuat jalan raya, di samping bertanam pisang dan bernilaga kain pelikat di masjid-masjid, manakala ibunya Wan Aminah Wan Abdullah pula peraih di pasar. Kelahiran beliau sangat dinantikan oleh kedua ibu bapanya kerana sebelum itu mereka telah kehilangan tiga orang anak.

"Dua kakak dan abang saya meninggal dunia pada tahun 1945, sewaktu tentera Jepun masih di Tanah Melayu. Tidak dapat saya bayangkan perasaan ibu yang kehilangan tiga anak berselang dua tiga bulan sahaja," ujarnya yang mesra dipanggil Pak Sheikh.

Namun dalam kegembiraan, terselit rasa sedih kerana Pak Sheikh dilahirkan dengan sedikit kecacatan pada kakinya akibat polio. Dilahirkan kurang sempurna sememangnya sangat mencabar, namun ia membentuk keperibadiannya hari ini. Selain kemiskinan, kecacatan yang dialaminya membuatkan beliau sering dibuli dan dijadikan bahan ejekan.

### Kasih sayang ibu

Namun ada peristiwa yang sangat menguris hatinya sebagai seorang anak kecil apabila seorang dewasa yang sepatutnya menunjukkan contoh yang baik dan lebih empati, bersifat lebih buruk daripada rakan-rakan sekolahnya.

Hampir setiap hari sewaktu ke sekolah, beliau akan dipanggil lelaki yang bekerja sebagai pemandu lor iku dengan jerkahan, kemudian diludahi tanpa sebab. Perkara itu berlanjutan dari beliau darjah satu hingga darjah tiga.

Namun suatu hari iaitu pada awal tahun persekolahan darjah tiga, menjadi hari yang mengubah keseluruhan personaliti beliau. "Pada hari tersebut saya menangis lebih kuat daripada biasa kerana satu kelas mengejek. Mereka berbaris beramai-ramai, kemudian mengajuk cara saya berjalan sambil mengejek Omar Tempang."

**Jika sebelum ini, ibunya mengambil pendekatan santai menyuruhnya bersabar, namun kali ini tumpuan diberikan sepenuhnya kepada beliau.**

"Ibu menyuruh saya duduk menghadapnya,

kemudian bertanya sakit di mana. Lalu saya jawab di kaki. Katanya, che (gelaran ibu) tahu, cuma che nak dengar dari mulut Omar, tapi di sini (sambil menunjukkan kepala) macam mana? Saya jawab, ok che. Kata Ibu, che tahu Omar ok sebab Omar selalu dapat nombor satu. Kawan-kawan Omar yang mengacau Omar, kakak dia sakit ke? Jawab saya, tidak. Kata Arwah, kawan-kawan Omar kakak mereka ok, tapi di sini (sambil menunjukkan kepalanya) tak ok. Siapa yang lebih baik, orang yang tak ok di kakak atau di kepalanya (pemikiran). Saya jawab kakak, walaupun sepatutnya saya jawab kedua-duanya ok lebih baik," ujarnya sambil ketawa.

Mendengar jawapan beliau, ibunya bersuara tegas menyuruhnya berhenti menangis dan bersyukur dikurniakan akal yang bijak. Kata Arwah, orang yang bijak walaupun cacat kakinya, akan pergi jauh dalam hidup dan keluar dari belenggu kemiskinan.

#### Keramat kata-kata hikmat

Ternyata kata-kata hikmat penuh visi seorang ibu, menjadi "sakti keramat" yang mengubah sikap dan jati diri beliau. Tiada lagi tangisan tatkala diejek, malah apabila bertembung dengan lelaki yang sering meludahnya itu, beliau tidak lagi mempedulikannya.

"Saya menjadi seorang yang tegar serta bersyukur dengan apa yang ada. Malah saya masih ingat kata-kata arwah Ibu sebelum berangkat ke Australia menyambung pelajaran. Hari ini Omar telah buktikan yang Omar mampu melangkah jauh dalam hidup", katanya.

Menyingkap kembali alam persekolahannya, beliau memasuki sekolah agama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) pada tahun 1955. Apabila berada di darjah lima, ibunya menyuruh dia bertukar ke sekolah aliran Melayu kerana ketika itu sekolah agama hanya setakat darjah enam dan tidak berpeluang menyambung pelajaran ke peringkat tinggi sebagaimana kini.

**"Kata Ibu, saya perlu bertukar ke sekolah Melayu supaya dapat menyambung pengajian hingga ke universiti dan menjadi seorang profesor."** Kata-kata yang dilafazkan oleh seorang ibu yang buta



huruf dan tidak berpendidikan itu amat luar blasu kerana mempunyai visi yang sangat besar untuk anaknya.

Beliau kemudiannya bersekolah di Sek. Keb. Padang Garong dan menyambung pelajaran peringkat menengah di Kolej Sultan Ismail. Pada tahun 1960, sistem pendidikan aliran Melayu peringkat menengah telah diperkenal. Pelajar yang memasuki tingkatan satu diberi pilihan meneruskan pelajaran dalam aliran Melayu atau Inggeris.

"Arwah ibu menyuruh saya masuk kelas peralihan dan mengikuti aliran Inggeris kerana katanya kita belum tahu peluang yang ada untuk meneruskan pelajaran jika mengambil aliran Melayu. Saya agak keberatan kerana akan ketinggalan setahun berbanding kawan-kawan yang mengikuti aliran Melayu, tetapi tetap menurut kata ibu bahawa setahun itu sekejap sahaja berlalu", sambungnya.

#### Agama dan adab

Walaupun bertukar sekolah daripada aliran agama ke aliran Melayu, seterusnya ke aliran Inggeris, ibu bapa beliau tetap memberikan perhatian terhadap pendidikan Islam dan adab. Amalan mengaji bersama menjadi rutin keluarga. Malah ibu bapa beliau juga menunjukkan contoh melalui kesungguhan mereka menghadiri kuliah di masjid.

Maka tidak hairanlah, bapa kepada lima cahaya mata ini mengajar sendiri al-Quran kepada anak-anaknya hingga khatam dan tradisi mengaji bersama tetap diteruskan apabila mereka berpeluang berkumpul.

Setelah tamat peperiksaan High School Certificate (HSC), beliau ditawarkan biasiswa untuk pengajian dalam bidang perubatan dan bidang veterinar, tetapi atas sebab teknikal, biasiswa bidang perubatan ditarik balik. Pada ibu diadukan perasaan tidak puas hati, namun sekali lagi kata-kata hikmat ibu berjaya memujuk jiwanya.

#### Falsafah kulit bawang

**Pak Sheikh berkongsi falsafah arwah Ibu berupa kata-kata yang mudah tetapi dalam maksudnya; "semua masalah umpama kulit bawang, napis sahaja, Omar lihat di dalamnya ada lagi lapisan tebal."**

Berbekalkan kata-kata tersebut, beliau berangkat ke Australia untuk meneruskan pengajian dalam bidang veterinar di University of Queensland selama lima tahun sehingga beroleh ijazah pertama.

Sekembali ke tanah air pada tahun 1974, beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Pertanian Malaysia (Universiti Putra Malaysia). Selepas itu beliau menyambung pengajian pada peringkat Ijazah sarjana di University of Saskatchewan, Kanada sebelum ke United Kingdom untuk mendapat pengiktirafan profesional dari The Royal College of Veterinary Surgeon, London pada tahun 1977.



Pada tahun 1981, beliau telah dilantik sebagai profesor madya, sebelum menjawat jawatan profesor pada tahun 1993. Biarpun tidak sempat melihat kejayaan beliau bergelar profesor, beliau yakin, arwah Ibunya sangat berbangga dengan pencapaianannya. "Arwah ibu tidak faham perbezaan jawatan profesor dan profesor madya, baginya saya sudah berjaya sebagaimana yang dihajatinya," ujar Pak Sheikh sambil ketawa.

## Merangka pelan strategi


Sepanjang berkhidmat di UPM, beliau telah dilantik sebagai ketua jabatan dan dekan Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), pengetua kolej dan pengarah perancangan korporat. Selaku dekan, beliau telah berjaya memperoleh Pensijilan ISO 9001 pada tahun 2000 untuk semua kegiatan teras FPV, dan menjadi fakulti pertama di Malaysia melakukannya. Manakala selaku pengarah perancangan korporat, beliau dengan bantuan ramal telah berjaya merangka Pelan Strategik UPM untuk 2011-2015.

Latar belakang pendidikan agama berserta kepakaran yang dimiliki dalam bidang kepimpinan dan perancangan, telah melayakkan beliau diampuni perkenan oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan, dilantik sebagai ahli Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Sebagai ahli, beliau terlibat dalam merancang agenda MAIK, antaranya menambah bilangan pelajar menuntut di luar negara dalam bidang profesional.

"Melalui jawatankuasa pendidikan, pelajar-pelajar golongan asnaf dihantar ke luar negara untuk mendalami ilmu dan sekembalinya mereka, diharapkan dapat memanfaatkan ilmu yang ditimba kepada masyarakat. Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam surah ad-Dhuha ayat 11 yang menyuruh kita menzahirkan nikmat yang Allah berikan. Disebabkan "fahaddis" inilah kita memberi dan berkongsi, walau-pun dengan cara yang berbeza."

Menyentuh hasrat kerajaan negeri Kelantan untuk muncul sebagai negeri digital, beliau berpendapat ia suatu perkara yang positif. Ditambah dengan iklim politik terkini, hasrat tersebut menjadi lebih mudah.





Menyentuh hasrat kerajaan negeri Kelantan untuk muncul sebagai negeri digital, beliau berpendapat ia suatu perkara yang positif. Ditambah dengan iklim politik terkini, hasrat tersebut menjadi lebih mudah. Namun, persoalannya ialah bagaimana memaksimumkan peluang tersebut.

#### Kombinasi transformasi

Jelasnya, transformasi digital memerlukan transformasi pemikiran dan kemahiran teknologi. Kegagalan mengimplementasi perubahan bukan disebabkan kelemahan teknologi tetapi kelemahan kepimpinan.

**"Saya sering mengendalikan kursus bersangkutan transformasi digital. Untuk memastikan transformasi digital berjaya dilaksana, ia terlebih dahulu memerlukan transformasi kepimpinan. Ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian yang saya ringkas dalam akronim E.R.I.C."**

Pertama, **eliminate**; mengenal pasti apa yang perlu disingkirkan. Ini termasuklah benda-benda lapuk yang tidak menguntungkan atau boleh digantikan dengan teknologi baru bagi menjimatkan sumber.

Kedua, **reduce**; mengurangkan tumpuan terhadap perkara tidak penting. Jika melibatkan perubahan kewangan atau tenaga, ia perlu dialihkan kepada sektor lebih produktif untuk memaksimumkan hasil.

**Increase**; meningkatkan usaha atau dana pada sektor yang kurang diberi tumpuan sedangkan ia boleh memberikan impak yang besar terhadap kemajuan atau keuntungan. Sentiasa bertanya adakah perkara yang akan dilakukan mempunyai nilai tambah

yang akan memberi manfaat kepada semua.

**Create**; memulakan apa yang tidak pernah dibuat. Hal ini memerlukan pemikiran kritis, kreatif, inovatif dan strategik.

**"Kelantan sangat beruntung kerana mempunyai sumber manusia yang hebat. Orang Kelantan terkenal dengan kemandirian dan rajin bekerja. Sekiranya modal insan ini mempunyai kemahiran, pengalaman, tenaga, keterujaan, empati, etika dan iltizam yang tinggi maka hasrat kerajaan akan dapat dicapai dan semua rakyat beroleh manfaat."**

Ujarnya, walaupun ramai yang berkemahiran dan berpengalaman, keterujaan dan iltizam sukar dikekalkan disebabkan sikap mereka dalam menerima perubahan.

#### Golongan plus three

Bagi memastikan kejayaan transformasi digital ini, ia memerlukan golongan yang belum namakan **plus three** iaitu mereka yang teruja dan bersedia untuk segera berubah dan mampu mengekalkan keterujaan serta perubahan yang dilakukan.

**"Untuk melahirkan lebih ramai golongan plus three, kita memerlukan kepimpinan yang baik. Kepimpinan ialah keupayaan untuk memberikan semangat, mengekalkan semangat terus berusaha dan merubah sikap yang negatif menjadi positif. Pemimpin yang baik ialah yang boleh menggembung semua perkara yang disebut tadi, namun ia bukanlah suatu tugas mudah,"** ujarnya menutup bincara penuh berhikmah. ■

## JENAMA KELANTAN

Menyedari bahawa COVID-19 telah merubah sebahagian besar rutin dan cara bekerja kebanyakan negara besar, landskap dunia pun berubah secara drastik khususnya dalam aspek komunikasi dan interaksi.

Malaysia juga antara negara yang melalui fasa sulit dalam proses menyesuaikan diri. Prosedur Operasi Standard (SOP) penjarakan fizikal dan norma baharu sememangnya memberi kesukaran kepada banyak pihak. Itulah realiti yang perlu dihadapi dan disesuaikan. Secara tidak langsung, situasi ini menjadikan platform maya mahupun digital sebagai penyelesaian terbaik kepada majoriti rakyat Malaysia termasuklah rakyat Kelantan.

### Kelantan TV (KTV) satu platform sinergi

Atas kesedaran itu, kerajaan negeri Kelantan mahu media digital menjadi wadah yang menggerakkan ketelusan dan keterbukaan serta menjana pelbagai pandangan yang meluaskan spektrum demokrasi.

Kepantasan pemindahan maklumat menerusi media digital (Internet) dimanfaatkan oleh KTV yang beroperasi di studio yang terletak di Bangunan Yayasan Khumus, Kota Bharu. KTV berperanan khas menyebarkan informasi dan maklumat terkini menerusi aplikasi dalam talian yang dipercayai boleh menjadi senjata paling ampuh dalam mengubah landskap politik serta sosial sesebuah negara.

Dalam perspektif demokrasi, media digital kini dilihat dapat mendemokrasikan maklumat di mana media cetak bukan sumber maklumat tunggal lagi. Rata-rata rakyat di negara ini sudah beralih platform bacaan daripada bahan cetak ke digital. Lebih-lebih lagi tarian paparan media sosial yang kian menjadi gaya hidup (trend). Kita dapat lihat hampir semua akhbar perdana sudah mewujudkan laman sesawang rasmi dan Facebook sebagai alat sebaran maklumat mereka.

### Variasi media dan saluran

Bahan digital yang sudah siap digubah mampu bersiaran menerusi pelbagai saluran dan boleh dipersembahkan dalam teks, gambar, audio mahupun video. Antara saluran media terbesar yang dunia miliki hari ini ialah Facebook. Segala isi dan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat boleh dikongsi dengan cepat dan pantas di media ini.

Inillah usaha dan kerjasama yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan negeri Kelantan dalam mengurus media sosial. Sinergi yang dibuat mampu menyumbang dalam pembangunan dan pembinaan masyarakat.

Melihat peluang dan peranannya yang cukup besar, maka boleh disimpulkan bahawa media sosial adalah produk budaya yang mempunyai kepentingan beragam seperti politik, budaya, ekonomi, agama, hiburan dan sebagainya.



# PLATFORM SINERGI SEBARAN INFORMASI RASMI

Oleh: A. Ubaidillah Alias



Setiap bentuk media sosial sama ada Twitter, Facebook, Instagram maupun WhatsApp mempunyai ciri khas masing-masing baik dalam konteks pemberitahuan, isi kandungan, penampilan serta tujuan dan kepentingan yang berbeza.

### Strategi UPKN

Dunia hari ini sudah berubah sekali gus memerlukan perubahan dari sudut pengurusan dan kepimpinan. Ia bukan hanya tertumpu kepada syarikat akhbar semata-mata tetapi kepada semua organisasi maupun agensi. Setiap entiti kerajaan juga perlu mengambil langkah berani untuk belajar beradaptasi dengan realiti baharu ini.

Pengarah Urusetia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN), Zulkifli Mamat menyedari betapa teknologi digital sangat dekat dengan masyarakat hari ini. UPKN mengambil tanggungjawab mengurus gabungan sinergi di setiap agensi kerajaan negeri agar menggunakan medium KTV untuk menyebarkan informasi secara pantas dan menarik kepada masyarakat. Justeru, media digital adalah platform informasi yang boleh dicapai dalam skala saat melalui peranti dengan Internet berkelajuan tinggi.

UPKN telah menyusun satu strategi bagi membolehkan semua pemain media di setiap agensi kerajaan negeri Kelantan untuk bersiaran menerusi KTV yang sedang meningkat ratingnya. Kadar kepopularan rancangan siaran media digital berdasarkan jumlah tontonan dan keterlibatan audiens ataupun rating adalah suatu perkara yang penting bagi mengukur tahap keberhasilan sesebuah siaran mencapai sasaran.

Setakat ini sudah ada beberapa agensi yang terlibat untuk bersiaran di KTV iaitu UPKN sendiri yang mempunyai beberapa siaran tetap, Urus Setia Belia dan

Sukan (U-BeS), Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa), Unit Komunikasi Menteri Besar Kelantan (UKMB), Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Institut Pernikiran Tok Guru (IPTG) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).

### Siaran Kelantankini diwarnai anak muda

Pengurus K Media yang mengendalikan KTV melalui saluran Kelantankini, Mohd Farisfitri Md Suhalmin, 30, berkata, matlamat Kelantankini adalah untuk menyedia dan memajukan media alternatif yang bervarasi kepada rakyat Kelantan. Bellau mempunyai pasukan khusus terdiri daripada empat orang petugas dalam menyusun dan memastikan rancangan itu mampu diterbitkan pada pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari bekerja. Majoriti dalam kalangan mereka adalah anak muda yang punya minat dan wawasan tersendiri.

"Selain agensi seperti UPKN, Radio dan Televisyen Kelantan (RTV) yang lebih bersifat penyiar rasmi kepada kerajaan negeri, KTV melalui Kelantankini memfokuskan perkongsian ilmu dan berita yang lebih terbuka kepada rakyat sebagai wadah pengkongsian maklumat secara sejagat meliputi seni dan hiburan, sukan, ekonomi, budaya, politik dan isu semasa sebagai maklumat tambahan yang sahih dan relevan mengikut peredaran masa", hurainya.

### Sebaris dengan media arus perdana

KTV melalui rancangan Kelantankini menjadikan Facebook sebagai saluran siarannya. Ini kerana Facebook ialah medium paling sesuai sekiranya digunakan untuk memasarkan produk/servis dan juga untuk dijadikan medium penyebaran informasi.

The advertisement features a red and white banner at the top with the text "LAIARI DAN تونتون" in English and Arabic, followed by "KELANTAN TV". Below this, there are four male anchors standing together, labeled from left to right as JAMAL, HASHIM, HAMEED, and HANEES. To the right, two female anchors are shown, labeled NABIJAH and SHABLIZA. Above the anchors are several logos for different programs: "SIARAN LAIN-LAIN", "SEMASA KELANTAN", "HIBURAN", "ISUNYA", "Pesan", "KKB", "TQWEM", and "PERPUSTAKAAN". At the bottom, a green banner reads "TEPAT & INFORMATIF". The entire advertisement is set against a background of a red and white striped pattern.

Melihat kepada peluang ini, KTV bakal menjadi instrumen bagi kerajaan negeri Kelantan menyebarkan informasi tepat berkenaan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan secara khusus.

Platform ini dirancang ke arah setanding dengan medium media yang besar seperti Berita Harian Online, Utusan Online, MalaysiaKini, Sin Chew Daily, Malay Mail Online dan sebagainya.

### Siaran berkala

Program JimmiMC Xtra terbitan UPKN ialah siaran berkala yang berjaya mencult hati ribuan penonton pada setiap hari bekerja. Siaran ini bermula pada pukul 2.00 hingga 3.00 petang yang dilhoskan oleh Penolong Pengarah (Perhubungan Awam) UPKN, Azimi Mahmood.



Siri bual bicara KelantanKini bersiaran pada setiap Ahad, Selasa dan Khamis pada pukul 10.00 pagi hingga 11.00 pagi terbitan Urus Setia Belia, Sukan dan NGO (UBeS) dan UPKN. Manakala program Woh Kilah Tok Guru ke udara pada setiap hari Jumaat pukul 5.00 petang, terbitan K Media.



### Penjenamaan semula

KTV kini dalam proses penjenamaan dan penstrukturkan semula agar lebih bersifat menjana keuntungan (profit making) melalui penyediaan khidmat pengiklanan berbayar. Sasaran awal bagi produksi video ini

adalah kepada syarikat GLC kerajaan negeri, syarikat swasta, Institusi kebudayaan dan pendidikan, persatuan dan individu yang berkaitan. KTV juga bakal berfungsi sebagai penerbit dan krew penyedia video-video dan bahan kreatif untuk dipasarkan bagi keperluan syarikat-syarikat dan mereka yang memerlukan khidmat ini.



### Penutup

Perjalanan KTV masih baharu menerusi saluran rasminya lalu KelantanKini. Bukanlah suatu yang mustahil untuk KTV berada sepantas dengan media arus perdana memandangkan Kelantan sekarang sudah menjadi sebahagian daripada jentera pentadbiran kerajaan persekutuan. Namun, usaha ini perlu diteruskan secara bersinergi dengan rakan strategik dan badan bukan kerajaan (NGO) yang sesual agar ia mampu mendapat momentum yang lebih baik.

UPKN sebagai pengemudi sinergi ini perlu menguasai kemahiran teknikal dan juga menambah balk keparisan ilmu digital. Ia perlu berkembang seiring dengan perkembangan semasa. Penglibatan generasi muda dan milenia yang berkemahiran dalam pengurusan aplikasi dan perisian (software) perlu kepada tindakan serius oleh pihak kerajaan negeri.

Golongan muda yang berbakat perlu diberikan ruang dan peluang untuk membawa lebih banyak kemajuan dan impak dalam dunia penyiaran tanah air. Malah pihak kerajaan negeri juga perlu berani melaburkan sejumlah dana yang besar bagi memastikan gagasan yang dibawa oleh UPKN ini berjaya direalisasikan. ■

# JERAM MENGAJI-AGRO-RESORT

## Kelantan

Siapa sangka di sebalik kedudukan lokasi yang tersorok di balik hutan belantara dan laluan jalan kampung, tersembunyi "permaisuri" yang bakal diglop sebagai tarikan pelancongan baru di Pasir Putih, Kelantan.

Lokasi menarik ini terletak di Jeram Mengaji Agro Resort, kira-kira enam km dari Selsing dan 22 km dari bandar Pasir Putih.

Selain keindahan panorama semula jadi, Jeram Mengaji turut dianugerahkan jeram yang jemilah sesuai untuk aktiviti mandi-manda dan rekreasi keluarga. Malah, di sini juga terdapat pusat ternakan lembu tenusu dan jualan air yogurt, susu lembu, susu kambing yang diperah segar di gerai penduduk tempatan yang dicat bertemakan temponkan warna hitam pulih seperti lembu Holstein (lembu tenusu paling banyak diternak di seluruh dunia).



Kemudahan surau dan tandas awam juga lengkap tersedia di sini untuk kegunaan para pengunjung.

Pengunjung juga dapat merasai suasana seperti berada di luar negara pada waktu pagi dengan bukit yang diselubungi kabut dan pemandangan yang indah.

Selain itu, pengunjung juga dapat merasai pengalaman menunggang kuda di sektor kawasan padang yang terbentang luas dengan bayaran sebanyak RM5.00 sahaja.



LOKASI



#VisitKelantan2020 #Kelantandihati #Familyfoodfestival #DomesticTourism



[tourism.kelantan.my](http://tourism.kelantan.my)  
 [tic.kelantan](https://www.facebook.com/tic.kelantan)

Kelantan Tourism Information Centre

PUSAT BAIKI TELEFON

فُوست بَايْقِي تِيلِيفُون

**TURBOfix®**

018-3887418 / 019-9799050

DILAKUKAN OLEH: TURBOfix GROUP SDN. BHD. (5155-R)

# TURBO FIX MONOPOLI KLINIK PERANTI

Oleh: Elynn Mohd

Foto: Ahmad Naime Muhammed &amp; koleksi Turbo Fix

Kelantan berbangga dengan keberanian dan kegigihan belia berpendidikan tinggi yang berminat menceburi bidang perniagaan. Kejayaan dua sahabat Abdul Muiz Ismail, 31, dan Mohd Khaildhier Abd Halim, 35, sangat mengagumkan. Mereka sanggup melepaskan kerjaya hebat masing-masing sebagai jurutera dan eksekutif teknologi maklumat (IT) semata-mata ingin membangunkan perniagaan kedai servis membaiki telefon iaitu Turbo Fix Mobile Solution (Turbo Fix).

Perniagaan ini dirasmikan lima tahun lalu di Kota Bharu kemudian berkembang kepada tujuh cawangan. Turbo Fix berbangga dapat memonopoli klinik peranti di Kelantan dengan memberi perkhidmatan terbaik dalam membaiki peranti lain seperti komputer, tablet dan laptop.

Empat buah cawangan klinik peranti memfokus kepada perkhidmatan membaiki peralatan telekomunikasi. Manakala kedai Mi Store pula mengkhususkan bidang jualan produk telefon pintar jenama Xiaomi.

Sehingga kini, dua orang pengasas muda hebat ini telah mempunyai tujuh cawangan Turbo Fix iaitu empat di negeri Kelantan (Kota Bharu, Gua Musang, Pengkalan Chepa dan Kok Lanas), dua di negeri Pahang (Kuantan dan Triang) dan sebuah cawangan di Shah Alam.

Katanya, modal permulaan setiap cawangan dianggar-kan sekitar RM100,000 hingga RM150,000 manakala keuntungan bersih cawangan selain HQ dalam lingkungan RM5,000 hingga RM6,000 sebulan.

Bermodalkan cuma RM1,000 pada permulaan operasi untuk membeli peralatan membaiki telefon pintar, mereka menumpu perhatian kepada pembaikan telefon pintar jenama iPhone sahaja waktu itu sebelum diperluaskan lagi kepada telefon pintar jenama lain.

"Sekitar tahun 2015, kami dapat masih belum wujud lagi kedai membaiki telefon dengan konsep bersemuka (face to face). Kami lihat sahaja belum ada dan peluang luas terbuka. Kami pun tekad menujuhan Turbo Fix dan menjadi perintis kepada konsep pembaikan peranti secara bersemuka yang pertama di Kelantan", kata anak muda yang juga memiliki dewan perkahwinan mewah bernama Golden Hall di Kota Bharu.

Lembah Streh, Kota Bharu.





Ibu pejabat di Lembah Sireh, Kota Bharu.

### Turbo Fix Lembah Sireh, Kota Bharu

Setahun selepas pembukaan awal Turbo Fix pada Jun 2015 di Pintu Geng, maka pada Januari 2016, premis Turbo Fix berpindah ke Lembah Sireh, Kota Bharu dan berfungsi sebagai Ibu pejabat (HQ).

Peralihan lokasi dibuat ekoran perniagaan berkembang dan mendapat sambutan hangat dalam masa singkat disertai peningkatan bilangan pekerja terlatih dan berpengalaman seramai 18 orang yang memerlukan ruang kerja yang lebih luas.

Menurut Mulz, tidak sukar untuk mendapatkan alat ganti bagi membaiki peranti pelbagai jenama yang disua pelanggan kerana mereka mempunyai pembekal alat ganti sendiri dari dalam mahupun luar negara.

"Setiap urusan mudah dan dilakukan dengan pantas kerana kita mempunyai staf berkemahiran yang tidak hanya pandal membalki perisian peranti. Kebanyakan semua masalah berkaitan peranti boleh diselesaikan di Turbo Fix. Antaranya, skrin pecah, bateri rosak atau kembung, LCD/ LED rosak, wi-fi rosak, masalah butang utama (home button), peranti masuk air, penstoran semula dan naik taraf sistem ios, telefon tidak masuk cas, motherboard, butang suara dan kuasa, servis tukar sarung baharu, perisian lunak android atau ios dan lain-lain lagi, semuanya insya-Allah boleh kita selesaikan", ujarnya yakin.

Seiring kepesatan dunia digital, Turbo Fix juga menjalankan promosi secara dalam talian. Mempunyai pengikut seramai hampir 60,000 orang di laman Facebook turut memberi pengaruh kepada purata pendapatan bulanan HQ sehingga mencecah RM10,000.00 hingga RM15,000.00 sebulan. Turbo Fix Kota Bharu turut menyediakan waranti paling lama dalam tempoh 365 hari bagi setiap pembalikan dan pembelian telefon.

Hampir setiap hari pelanggan datang mencari telefon dari klinik peranti Turbo Fix yang beroperasi dari pukul 9.00 pagi hingga 9.00 malam.



Turbo Fix Gua Musang, Kelantan.

### Turbo Fix Gua Musang

Idea pengasas Turbo Fix membuka cawangan di daerah yang kian membangun ini tidak silap sama sekali. Turbo Fix Gua Musang menjadi antara dua cawangan paling laris selepas Kuantan kerana perkhidmatan mereka tidak tertumpu pada pembaikan peranti sahaja.

Cawangan ini dirasmikan pada Januari 2017 di bandar utama Gua Musang turut menjual telefon dan tablet dengan harga mampu bayar di samping menawarkan diskaun tambahan jika pelanggan ingin membaiki peranti secara kombo seperti pembaikan skrin dan bateri.

Klinik peranti ini diuruskan oleh Nik Haisam Nik Abdul Rahman, 29, dengan bantuan enam pekerja yang mengamalkan konsep bersemuka (face to face).

Menurut Khalidhier, perkhidmatan bersemuka menggalakkan kehadiran pelanggan ke Turbo Fix kerana rasa yakin dan lebih percaya untuk menyerahkan telefon pintar atau peranti yang mahal untuk dibaiki.

"Slogan Turbo Fix, jujur dan amanah ditekankan dalam kalangan staf supaya hasil keuntungan dan rezeki yang diperoleh lebih berkat dan diredayai Allah SWT. Pelanggan amat risau jika tukang baiki tidak jujur dan amanah kerana peranti mereka mahal dari segi harga dan simpanan kandungan. Banyak data penting seperti koleksi gambar, video dan data peribadi atau rasmi disimpan di dalam telefon pintar. Mereka bawa untuk mendapatkan servis di Turbo Fix kerana yakin kepada moto bisnes yang kami amalkan," ujarnya.

Pelanggan boleh menghubungi staf yang bertugas di kedai terlebih dahulu sebelum datang berjumpa terus (walk In) ke premis. Temu janji boleh dibuat sepanjang perniagaan beroperasi dari pukul 9.00 pagi hingga 7.00 malam pada setiap hari.

Pelanggan yang memerlukan maklumat tambahan yang terperinci, boleh berkunjung ke laman Facebook Turbo Fix Mobile Gua Musang.



Turbo Fix Pengkalan Chepa, Kelantan.

### Turbo Fix Pengkalan Chepa

Cawangan klinik peranti Turbo Fix kelima ini telah dirasmikan pada Februari 2018 bermodalkan RM100,000 dengan kekuatan lima staf berkemahiran.

Terletak di Taman Bendahara, Pengkalan Chepa, 10 kilometer dari pusat bandar Kota Bharu, klinik peranti ini beroperasi dari pukul 9.00 pagi hingga 7.00 malam dan dibuka pada setiap hari. Perkhidmatan di sini aktif menerima pesanan daripada laman sesawang dan Facebook Turbo Fix Mobile Pengkalan Chepa atau pelanggan gemar menelefon terus pengurusnya la itu Muhammad Aman Faiz Mohamad Rusli, 27.

Kecanggihan teknologi membuat semua orang inginkan kemudahan dan kaedah terbaik daripada Turbo Fix yang memaksimumkan penggunaan teknologi melalui jaringan laman sesawang di [www.turbofixmobile.com](http://www.turbofixmobile.com).

Pelanggan boleh berurusan dengan mengakses laman sesawang yang tertera alamat lokasi setiap cawangan dan menekan pautan terus ke aplikasi WhatsApp staf cawangan untuk berhubung. Sistem digital ini sangat memudahkan pelanggan tanpa perlu menyimpan nombor telefon staf untuk dihubungi. Melalui carian di Google, maklumat tentang Turbo Fix, servis dan cawangannya akan terus terpampang.

Tarikan pelanggan diaplikasi Google dan platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Whatsapp dan Wechat sangat mendatangkan kesan pemasaran yang hebat. Kebiasaan pelanggan akan menghubungi staf terlebih dahulu untuk bertanyakan masalah dan solusi sebelum hadir ke kedai.

Setibanya di kedai, pelanggan diberi penerangan lebih jelas dan rundingan secara percuma sebelum ditawarkan dengan servis yang bersesuaian mengikut kemampuan pelanggan. Konsep pemeriksaan secara percuma ini memudahkan pelanggan untuk berurusan

serta menjadi salah satu tarikan tambahan di Turbo Fix di samping keramahan yang sentiasa ditunjukkan oleh staf ketika memberi khidmat kepada pelanggan.

Selain menggunakan platform media sosial, Turbo Fix juga turut menjalankan pemasaran alternatif seperti memasang papan iklan (billboard) di kawasan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa dan mengedor risalah kepada orang ramai.

Muiz mengakui, teknik promosi secara konvensional masih berpengaruh kepada golongan tertentu di samping menaikkan imej perniagaan pada mata pelanggan dan pesaling. Persalingan adalah antara cabaran sengit yang sentiasa datang dalam pelbagai bentuk dan cara. Cabaran dan dugaan yang dihadapi membuatkan mereka lebih matang dan berani.

"Turbo Fix mencapai tahap kematangan untuk terus berkembang maju dengan wujudnya persalingan baharu yang menawarkan servis dan perkhidmatan menggunakan konsep menyerupai Turbo Fix", tegasnya.

"Usahawan yang bijak sentiasa berfikir lebih terbuka dan mencari jalan penyelesaan bagi mengatasi setiap halangan yang menimpa. Kaedah kami ambil dalam mengatasi masalah tersebut ialah dengan sentiasa menawarkan servis sepantas kilat dan berkualiti kepada pelanggan dengan harga yang berpatutan, sejajar dengan namanya iaitu turbo", ujarnya bersemangat.



Turbo Fix Pengkalan Chepa, Kelantan.

## Turbo Fix Kok Lanas

Sehingga Mac 2018, cawangan terakhir Turbo Fix di negeri Kelantan dibuka di Kompleks Perniagaan Saldina Ali, Kok Lanas. Premis ini beroperasi dari pukul 10.00 pagi hingga 9.00 malam dengan layanan mesra. Lima pekerjaannya tanpa jemu menyantuni para pelanggan yang berhajat membeli pelbagai jenis jenama telefon android, iphone, aksesori, kabel dan lain-lain lagi.

Menurut pengurusnya, Mohd Hafizuddin Ab Halim, 32, maklum balas daripada pelanggan menyatakan mereka sangat berpuas hati dengan servis dan layanan staf. Komen positif pelanggan dikutip melalui platform media sosial antaranya; kerja membaik pulih yang dilakukan begitu pantas dan tidak perlu menunggu lama. Ada juga pelanggan mencatat, harga berpatutan dan peralatan ganti yang dicadangkan hanya yang berkualiti supaya tahan lama.

"Sesiapa yang ingin mendapatkan perkhidmatan yang berkualiti dan pantas di Turbo Fix Kok Lanas boleh menghubungi terus kedai atau lawati laman Facebook Turbofix Mobile Kok Lanas", ujar Mohd Hafizuddin mesra.



## Penutup

Rumusannya, memandangkan dalam masa lima tahun sahaja Turbo Fix berjaya membuka tujuh cawangan, terbukti usahawan anak Kelantan ini berimpian tinggi untuk mengembangkan lagi rangkalan perusahaan pembaikkan peranti ini ke seluruh Malaysia. Sekali gus melahirkan lebih ramal golongan bumiputera yang memiliki kepakaran dalam servis baik pulih telefon bimbit serta peranti lain.

Selain itu, Turbo Fix juga berpotensi besar bergelar pusat rujukan utama rakyat Malaysia yang mempunyai masalah berkaitan segala jenis peranti dengan tanda pagar #Peranti rosak? Ingat Turbo Fix dan #Turbo Fix, klinik peranti anda. ■



Oleh: Norzana Razaly | Foto: Koleksi peribadi

# Sr. Haji Mohd Apandi Mohamad


## Hijrah ibarat azimat, cekal berbakti kepada masyarakat

Tanah Kelantan Darul Naim memiliki aura dan semangatnya tersendiri. Anak Kelantan yang meninggalkan negeri ini ibarat seluang melaut. Ada yang berkata, infrastruktur di dalam negeri menjadi penyebab utama golongan profesional di Kelantan berhijrah ke luar negeri ini. Bagi YB Sr Hj Apandi Mohamad, keberanian merantau dan semangat mahu mencuba nasib di negeri orang adalah ciri tradisi yang diwarisi anak Kelantan. Inilah punca utama profesional Kelantan berhijrah ke negeri orang untuk mendidik jiwa bermandiri bak azimat untuk cekal berbakti kepada masyarakat.

Ikuti wawancara Qiadah bersama profesional Kelantan yang baharu dilantik menjadi Ahli Dewan Negara lalu YB Senator Sr. Haji Apandi Mohamad (Haji Apandi), juruukur bertaullah yang lahir di Kampung Repek, Pasir Mas, Kelantan pada 23 Mei 1960. Ahli teknokrat ini menguasai ilmu ukur tanah dan bawah tanah serta dalam laut. Beliau mengakui kekuatan Kelantan ialah dari segi sumber alam dan sumber manusia itu sendiri. Justeru, selaku anak jati Kelantan, kasih terhadap negeri, budaya dan masyarakat tanah tumpah darah membuat beliau mensyukuri nikmat rezeki kurniaan Pencipta.

**Qiadah: Bolehkah YB berkongsi latar keluarga dan alam pendidikan yang dilalui?**

**Haji Apandi:** Saya anak sulung daripada lapan adik beradik; dua lelaki dan enam perempuan. Sejak kecil saya dilatih melihat kegigihan bapa menyara keluarga melalui sifat tekun dan rajin ayah, usahawan balak yang memiliki kedai serbaneka sebelum tahun 1967 dan pembeli getah berlesen dari tahun 1967 hingga 1978.



Menarima sijil Sarjana Pentadbiran Penilaian (MBA) daripada Pro-Canselor UKM pada tahun 1995.

Walaupun berasal dari Ulu Kelantan, ayah pernah mengikuti kursus di bawah Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (LPKP) atau Rural & Industrial Development Authority akronimnya RIDA (sekarang Majlis Amanah Rakyat atau singkatannya MARA, pada awal 60-an) untuk kursus usahawan Melayu sebelum ditawarkan kursus Perakaunan empat tahun di Australia tetapi malangnya ditentang oleh nenek saya pada ketika itu.

Ayah pernah bercerita, pada awal tahun 60-an, beliau ditawarkan oleh Loh Boon Siew untuk menjadi ejen motosikal Honda bagi seluruh negeri Kelantan. Allahyarham ayah dan emak sangat menitikberatkan pendidikan anak-anak sehingga sanggup berkorban berpisah dengan tiga anak mereka yang diantar belajar di Kota Bharu semenjak saya berusia tujuh tahun lagi dan tinggal bersama Allahyarham emak saudara saya (meninggal pada Julai 2020) yang juga masih belajar di Sekolah Menengah Agama Naim Lilbenat dari tahun 1967 hingga 1971.

**Cuti penggal amat ditunggu-tunggu. Menariknya, setiap malam ayah mengajar al-Quran dan kami dipaksa membaca dan menghafal beberapa falsafah kehidupan pada dinding rumah. Terus terang, saya bangga sungguh dengan kaedah ayah dan emak mendidik anak sehingga enam daripada lapan beradik berjaya memasuki universiti.**

Itu adalah pencapaian terbaik ketua keluarga dari kampung Kuala Balah dan kampung-kampung sekitarnya. Sengat saya, pada usia lima tahun saya sudah mula berceramah di hadapan kedai serba guna ayah dan dikelilingi oleh murid darjah empat hingga enam pada ketika itu.

Pengalaman tersebut membantu saya mewakili pertandingan syarahan sejak darjah tiga lagi (1969) sehingga darjah enam (1972).

Sekolah Rendah Inggeris Jenis Kebangsaan (SRIJK) Ismail Petra Wakaf Mek Zainab (1967-1972) adalah kenangan terindah di dalam hidup saya. Pertama kali saya berjauhan dengan orang tua apabila ayah dan emak bertekad menghantar saya belajar di Kota Bharu dari darjah satu hingga darjah enam walaupun mereka menetap di Kampung Kuala Balah, Ulu Kelantan. Lebih 100 batu anak berusia tujuh tahun sudah mula merantau mencari ilmu dan belajar hidup berdikari.

Saya hanya pulang ke kampung Kuala Balah (sekarang dikenali sebagai kampung Tengku Abdul Rahman Petra), setiap cuti penggal sekolah. Kemudian saya masuk Maktab Rendah Sains Mara, Pengkalan Chepa (1973-1977) sebagai pelajar perintis sekolah tersebut dan memperolehi Gred Satu (Malaysian Certificate of Education). Kemudian terus ditawarkan ke Program Ijazah Ukur Tanah, Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1978 tanpa melalui program Pusat Asasi atau Matrikulasi.

Saya tamat pengajian Ijazah Ukur Tanah dengan kepu-

jian pada Mac 1983. Hanya 10 orang termasuk saya dalam batch itu yang tamat pengajian selama lima tahun tanpa tersekat atau mengulang daripada 33 mahasiswa ukur tanah pada Tahun Satu (1978).

**Qiadah: Boleh YB ceritakan juga tentang isteri dan anak-anak?**

**Haji Apandi:** Saya memperisterikan Salehah Mohamood pada 4 Ogos 1983. Beliau yang berasal dari Pokok Sena, Kedah merupakan mantan guru matematik dan kaunselor. Keluarga saya diserikan dengan enam cahaya mata; Muhammad Faiz, 32, berpendidikan peringkat Master dalam bidang kewangan dari Universiti Teknologi Queensland, Australia. Anak kedua bernama Husna, 24, kini berada di semester akhir ijazah kedoktoran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hannan, 22, pula siswi tahun akhir ijazah undang-undang Universiti Teknologi MARA (UiTM). Anak keempat diberi nama Huda, 19, sedang mengikuti Asasi Perubatan Kolej Universiti Widad, Kuantan dan adiknya Hanis, 18, di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Manakala yang bongsu ialah Harith, 15, pelajar Tingkatan 3 Sekolah Al-Amin, Gombak.



Haji Apandi dan isteri, hajah Salehah Mohamood.

**Qiadah: Bagaimana pula kerjaya YB bermula?**

**Haji Apandi:** Pada penghujung Mac 1983, pengajian Ijazah Ukur Tanah pun tamat dan pada 2 Mei 1983 saya ditawarkan kerja oleh Juruukur Perunding Services Sdn. Bhd. (JPSSB) yang merupakan Syarikat Ukur Tanah terbesar di Malaysia.

Alhamdulillah, rezeki anak perantau luas. Pada November 1983, saya dinilai pangkat sebagai Pengurus Pantai Timur, JPSSB untuk mengurus pejabat-pejabatnya di Kota Bharu dan Kuala Terengganu (ditubuhkan oleh saya) dan mengawal semua projek JPSSB di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Pada tahun yang sama, saya juga dilantik sebagai salah seorang Lembaga Pengarah Jurukur Esa Sdn. Bhd. bersama Sr. Tung Kok Kwan. Setahun kemudian

**Qiadah: Apakah cabaran bergelar pakar bidang ukur dalam usia belia?**

**Haji Apandi:** Syarikat saya bermula dengan 30 orang kakitangan pada November 1984 sehingga mempunyai 200 orang kakitangan pada tahun 1995. Saya memperolehi lesen Praktis Ukur pada tahun 1990 ketika berusia 30 tahun (antara yang termuda ketika itu memperolehi lesen profesional tersebut). Bidang ini memang mencabar kerana terpaksa bersaing dengan senior yang majoriti bukan bumiputera.

Berprinsipkan tidak mudah berpuas hati dengan kebolehan sedia ada, maka cabaran seterusnya saya undang sendiri dengan mendaftar sebagai Mahasiswa Sarjana Pentadbiran Perniagaan di Universiti Kebangsaan Malaysia secara sepenuh masa pada tahun 1993 dan tamat pengajian pada tahun 1995.



Menerima sijil tauliah Juruukur Tanah Berlesen daripada Ketua Pengarah Ukur & Permebasan Malaysia, Dato' Abdul Majid Mohamed pada tahun 1990.

**Qiadah: Bagaimana pula keterlibatan YB dalam bidang perniagaan dan hubung kaitnya dengan politik?**

**Haji Apandi:** Pada tahun 1998, saya bergerak secara aktif dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) setelah menubuhkan syarikat import eksport komoditi yang beribu pejabat di Kuala Lumpur, Singapura, Tehran, Iran; dan Lahore, Pakistan pada tahun 1987 dengan modal RM1,000,000.

Saya membuka kilang sarung tangan getah dengan rakan kongsi Jawi Swlcyn (Al-Rajhi Group dan Al-Baraqah Group – syarikat bertaraf Fortune 500 dari Arab Saudi) di Senawang di atas nama Nathrub. Kemudian, saya menubuhkan syarikat Teguh Precision (terlibat dalam Integrated Plastic Product bermula dari reka bentuk acuan (mould) plastic injection, assembly precision plastic product) pada tahun 1991. Bahkan cakera parabola pertama oleh Maxis direka bentuk acuan, Injeksi dan dipasang oleh syarikat saya dengan bantuan jurutera mekanikal dan elektrikal berpengalaman dari Jepun, Korea Selatan dan India.

Pengalaman berinteraksi secara profesional dengan pakar tempatan dan antarabangsa mungkin menjadi asbab rezeki menyebelahi saya memenangi PRU ke-10. Selaku ahli parliment termuda dari Kelantan pada ketika itu (39 tahun) dan mengalahkan Dato' Mustapha Mohamad (Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II pada ketika sebelum PRU tahun 1999) amatlah mencabar.

Namun saya bersyukur, sepanjang menjadi ahli Parliment, saya aktif dalam perbahasan bagi sesi parliment (1999-2004). Buat julung kali ahli Parliment bercakap mengenai bioteknologi dan mencadangkan satu formula "menang-menang" kepada doktor-doktor pakar agar dibenarkan membuat latihan praktikal di syarikat-syarikat berorientasikan keuntungan.

Saya juga berpeluang mencadangkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk tempoh enam bulan bukannya tiga bulan bagi lepasan SPM dan STPM. Bahkan, saya berkesempatan menasihati pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melabur tidak melebihi 30 peratus di bursa luar negara.



Bersama Allahyarham Tok Guru di Winter Camp, Birmingham pada tahun 1995 selepas lawatan pilhan raya di Turki.



Membuat trial/penerbangan kapal terbang kecil untuk penggambaran bagi tujuan pameran di Pusat Dron, Barcelona, Sepanyol.



**Bergambar di Pusat Dron di Barcelona, Spanyol pada tahun 2016 setelah berlangsung sejurus seminggu.**

**Qladah: Tahniah atas pelantikan sebagai Ahli Dewan Negara pada 10 Ogos 2020. Apakah misi YB setelah sekali lagi direzekikan menjadi pemimpin rakyat?**

**Haji Apandi:** Insya-Allah saya akan perjuangkan bersungguh-sungguh di Dewan Negara agar pembangunan Kelantan diangkat sejajar dengan negeri-negeri maju di Malaysia. Kelantan wajar ditarus perdanakan kerana pembangunan di Kelantan dipinggirkan bermula tahun 1990 sehingga Mac 2020.

Insya-Allah saya akan bercakap dengan fakta tentang perlu pembangunan yang lebih mantap dan agresif dilaksanakan di Kelantan agar sejajar dengan negeri-negeri maju lain. Ini adalah untuk keselamatan dan faedah negara secara umumnya. Insya-Allah saya akan menjadi jurubicara Kelantan yang aktif dan berkesan di Dewan Negara.

**Qiadah: Bagaimana strategi jangka pendek YB untuk memajukan Kelantan?**

**Haji Apandi:** Saya merangka satu pelan jangka pendek untuk menggembangkan kepakaran profesional Kelantan untuk menjadikan Kelantan hub hasil negeri dalam masa tiga tahun. Saya percaya amalan bekerja bersungguh-sungguh dapat menjadikan Kelantan menjadi pintu masuk utama melalui jalan laut bagi negara jiran seperti Thailand, Kemboja, Vietnam kerana pemukaan laut Kelantan paling hampir dengan negara tersebut.

**Qiadah: Bagaimana YB melihat era digital melancarkan tadbir urus negeri dan negara?**

**Haji Apandi:** Saya melihat lima perkara utama tentang era digital yang memberi impak besar kepada pentadbiran negeri atau negara. Pertama, rekod dan dokumen dapat diarkibkan dengan lebih sistematik. Kedua, penemuan data dan keterangan dari dokumen dapat diakses melalui ketikan nama fail daripada aplikasi komputer tanpa perlu membuat carian fail secara fizikal. Ketiga, bayaran cukai kepada pihak kerajaan dapat dibuat secara dalam talian tanpa perlu hadir ke pejabat kerajaan. Keempat, penjimatan masa kepada semua pihak terlibat sama ada pihak kerajaan negeri atau negara mahupun pengguna. Terakhir, penyimpanan dokumen tidak memerlukan ruang yang besar.

# ASYURA MAHABBAH NORMA BAHARU



Oleh: Yusri Yaakub | Foto: Ahmad Natime Muhammad

Buat pertama kalinya bermula 18 Mac 2020, semua pergerakan penduduk Malaysia dihadkan dan dikawal oleh pihak berkuasa ekoran pandemik Covid-19. Pelbagai pendekatan dilambil oleh kerajaan untuk mengekang penularan pandemik ini termasuk pembudayaan norma baharu dalam kehidupan rakyat seperti amalan pemakaian pelitup muka, penjagaan kebersihan serta penjarakan sosial.

Biarpun berada dalam suasana yang baharu, namun ianya tidak melunturkan semangat ahli Kelab Mahabbah untuk meraikan Hari Asyura pada 22 Muharam 1442 bersamaan 10 September 2020 yang merupakan program tahunan Kelab. Persetujuan dicapai dengan Jawatankuasa Masjid Kota Darul Naim (JaMiL) untuk menganjurkan program ini dengan norma baharu yakni kerja-kerja dibuat secara berperingkat dengan kapasiti tenaga kerja yang dibenarkan (tanpa bergotong-royong seperti biasa).

Program pada kali ini agak berbeza kerana ia mengambil masa dua hari yang mana penyediaan bahan mentah dibuat lebih awal sebelum hari memasak bubur asyura tanpa menga-

baikan waktu bekerja yang sedia ada. Ternyata program pada kali ini dapat merapatkan lagi ikatan ukhuwah sesama ahli dengan kesungguhan penglibatan keseluruhan kakitangan PMBK. Program yang bermakna ini menjadi lebih sempurna dengan kepuasan para ahli Kelab dalam merasai keenakan bubur asyura hasil air tangan sendiri. ■





كلب محبة  
KELAB MAHABBAH  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN



# DISINFEKSI PEJABAT PMBK



Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan tatacara pembersihan dan disinfeksi di tempat awam sebagai garis panduan dalam membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pembekal perkhidmatan persendirian untuk menjalankan aktiviti pembersihan dan disinfeksi di persekitaran yang terdedah kepada kes positif COVID-19.

Pembersihan adalah proses membuang segala kotoran yang terdapat pada permukaan yang hendak dilakukan disinfeksi, manakala disinfeksi adalah proses membasmi kuman daripada permukaan yang berpotensi tercemar. Biasanya tempat yang dikunjungi oleh orang ramai lebih berisiko dan kerja-kerja disinfeksi perlu dilakukan dengan lebih kerap.

Sehubungan dengan itu, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) mengambil inisiatif menyahut seruan kerajaan dalam memastikan kebersihan dijaga dengan melakukan aktiviti pembersihan dan disinfeksi pada setiap petang Khamis (hujung minggu bekerja) bagi memastikan persekitaran tempat kerja selamat dan terhindar daripada wabak COVID-19 yang mengancam nyawa.



Kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi dilakukan oleh kakitangan Jabatan Pentadbiran yang mana sebelum kerja-kerja tersebut dilakukan, pemakaian personal protective equipment (PPE) yang bersesuaian, pelitup muka, sarung tangan dan kasut boot getah sangat ditekankan.

Permukaan yang sering disentuh seperti butang lift, rel pemegang tangan, tombol pintu, kerusi, meja, suis lampu dan kipas serta papan kekunci komputer akan dilap menggunakan bahan disinfeksi. Manakala lantai karpet pula disembur larutan disinfeksi.

Pelbagai saranan dan pesanan telah diberikan oleh pihak Pengurusan PMBK bagi membendung wabak ini bersama-sama. Jadi, marilah kita berusaha agar rantaian penularan COVID-19 ini berakhir dengan segera, dan pada masa yang sama marilah kita jaga kita. ■





Pengerusi Yayasan Anti Rasuah Malaysia Negeri Kelantan.

# Bicara Integriti PMBK

Oleh: Razmi Yaacob | Foto: Mustaqim Isa

**"Sematkan di hati untuk tidak memberi; jika tiada pemberi, maka tiada penerima"**

Itulah antara perkara yang ditekankan oleh Pengerusi Yayasan Anti Rasuah Malaysia Negeri Kelantan, Muhammad Nizam Ismail yang merupakan penceramah program Bicara Integriti PMBK.

Program ini dihadiri seramai 50 orang warga kerja PMBK termasuk pihak pengurusan dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman berhubung integriti setiap warga kerja yang terdiri daripada kumpulan sokongan, kumpulan pelaksana dan pengurusan PMBK selain menggalakkan amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Semoga usaha untuk meningkatkan kesedaran integriti akan tercapai berdasarkan objektif yang telah disasarkan. ■






ڤرداڠن منتهي بسراي گلنتن  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN  
[www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)

# NORMA BAHARU DI TEMPAT KERJA TANGGUNGJAWAB PEKERJA


Semasa bersempang dan bekerja.  
Kekalkan penjarakan fizikal  
sekurang-kurangnya 1 meter  
dengan individu lain.



Amalkan etika batuk  
dan bersin yang betul.



Pastikan aliran udara  
yang baik seperti  
membuka tingkap.



Sentiasa disinfeksi  
permukaan yang  
kerap disentuh.



Dapatkan segera  
rawatan & duduk  
di rumah jika sakit /  
mengalami gejala.



Kerap cuci tangan  
dengan air dan sabun /  
pensanitasi tangan.



Sumber  
daripada:



Jangan berkongsi  
makanan / barang  
peribadi.



Nasihatkan pekerja  
untuk mengamalkan  
cara pencegahan.



✓ Daftar masuk  
MySejahtera.

✓ Saringan kesihatan  
sebelum masuk ke  
premis.


✓ Pakai pelitup  
muka.



# **PELAN RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR DATO' BENTARA 2035 GUA MUSANG**

WILSON BATU TAPAK

**DAERAH GALAS  
JALAJAHN GUA MUJUNG  
SKALA 1:25000  
SERI B 208, E20-D & F20-A, F20-C**



Kerajaan negeri Kelantan melalui Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) akan membangunkan sebuah kawasan khas di Panggong Lalat, Gua Musang, Kelantan berdasarkan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandar Dato' Bentara 2035. Matlamat perancangan adalah untuk mewujudkan bandar-bandar baharu yang bercirikan Islam dengan mengekalkan identiti Kelantan.

Olahan: Siti Norazami Mohd Anuar

Apa itu RKK Bandar Dato' Bentara 2035?

RKK disediakan untuk menghasilkan satu Pelan Tindakan Pembangunan dalam bentuk pelan susun atau mahupun pelan pengurusan yang disokong oleh spesifikasi pembangunan terperinci dan jadual tindakan pembangunan. Ia merupakan rancangan permaianan yang disediakan berdasarkan peruntukan undang-undang Malaysia di bawah Subseksyen 16B (1), (2) dan (3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172) dan Kaedah-Kaedah Rancangan Kawasan Khas Negeri Kelantan 2010.

#### Latar belakang kawasan

- Terletak sejauh 8 km dari bandar Gua Musang, 75 km dari Lojing dan 110 km dari Cameron Highlands.
  - Berkeluasan 166.59 hektar (4,123.16 ekar) yang terletak di bahagian barat Gua Musang laitu dalam daerah Galas merangkumi Mukim Batu Papan.
  - Kedudukan yang strategik kerana berada di tengah laluan antara Kuala Betis-Gua Musang-Lojing menjadikan Bandar Dato' Bentara sebagai Bandar Agro Pelancongan yang mempunyai daya tarikan semula jadi dan tumpuan penduduk sekitar dari Lojing dan Cameron Highlands.

## Pelan Perancangan Pembangunan Pembahagian Kawasan (Mahallah)

### Konsep pembangunan

- Bandar Dato' Bentara sebagai pusat pertumbuhan Agro Pelancongan.
- Kepelbagaiannya produk agropelancongan.
- Pengelalan alam semula jadi melalui kawalan pembangunan tepi sungai.
- Mewujudkan pusat penempatan yang mampan.
- Sistem perhubungan jalan raya yang efisien.

### Objektif Pembangunan

- Membentuk Bandar Dato' Bentara sebagai sebuah pusat pertumbuhan agropelancongan dengan pembangunan perbandaran yang menepati dasar Kelantan Melangkah ke Hadapan.
- Menyediakan garis panduan khas dan terperinci kepada Pihak Berkuasa Tempatan, agensi pelaksana, pemaju dan pelabur untuk membangunkan Bandar Dato' Bentara sebagai sebuah bandar baharu.
- Menyediakan satu garis panduan khusus bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan di Bandar Dato' Bentara.

### Dasar/Rancangan Pembangunan

- Dasar Membangun Bersama Islam yang berteraskan Ubudiyah, Masuliyyah dan Itqan.
- Dasar Kelantan Melangkah ke Hadapan yang berpaksikan tiga tonggak utama iaitu Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.
- Rancangan fizikal negara (RFN) ke-3 telah menggariskan Gua Musang sebagai salah sebuah pusat katalis iaitu bandar sederhana dan kecil untuk pertumbuhan perbandaran.
- Rancangan struktur negeri (RSN) Kelantan 2040 telah merangka Gua Musang sebagai sebuah bandar transit disebabkan oleh kesan daripada rangkaian jalan Central Spine Road (CSR) yang menghubungkan jalan antara negeri yang bersempadan.
- Rancangan tempatan jajahan (RTJ) Gua Musang 2020 yang menyatakan bandar Gua Musang sebagai paksi pertumbuhan wilayah Kelantan Selatan dan Jajahan Gua Musang amnya sebagai pusat pembangunan Pertanian Komersial secara agropolitik dan Industri Berasaskan Sumber Asli dan Mineral dengan sokongan aktiviti perdagangan dan perkhidmatan pelancongan, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti di samping mengekalkan kawasan sensitif alam sekitar.

Pembahagian kawasan atau mahallah terbahagi kepada 3 sebagai berikut:

#### MAHALLAH PEMBANGUNAN

##### MAHALLAH DATO' BENTARA 1

- Agropelancongan

##### MAHALLAH DATO' BENTARA 2

- Perumahan
- Komersial
- Institusi kemudahan masyarakat
- Agropelancongan
- Kemudahan dan utiliti

##### MAHALLAH DATO' BENTARA 3

- Perindustrian
- Komersial
- Kemudahan dan utiliti

Jika anda mempunyai sebarang cadangan pembangunan untuk Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandar Dato' Bentara 2035, anda boleh mengunjungi ruang pameran program publisiti tersebut yang bertempat di tiga lokasi:

1. Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan.
2. Pejabat Perbadanan Menteri Besar Kelantan.
3. Pejabat Majlis Daerah Gua Musang. ■



TEROWONG MASA

# TEROWONG MASA TIME TUNNEL

Sumber dan foto ehans Perbadanan Perumahan Kewajiran.

## PADANG BAS 1990an

Suasana pemandangan Padang Bas sekitar awal tahun 1990-an di Jalan Tok Hakim.

The Padang Bas at Jalan Tok Hakim in 1990s.



## KOTA BHARU TRADE CENTRE

Tapak asal Padang Bas ini, telah menjadi Kota Bharu Trade Centre.

This site (Padang Bas), has now become Kota Bharu Trade Centre.

KELANTANESE DIALECT



Mari kita kenali sayur-sayuran dan buah-buahan di Kelantan.



## UBI STELO

UBI KELEDEK (SWEET POTATO)

## LADA BENA LADA HITAM (BLACK PEPPER)





**KACE CAMBOH**  
**TAUGE (BEAN SPROUT)**

**KACE MIYO**  
**BENDI (LADY'S FINGER)**




**WOH TTENNEY**  
**PETOLA (LOOFAH)**

**LOBAK**  
**SAWI (MUSTARD)**





**LADA CENGEK**  
*CILI API (CHILLI)*



**TIMUN BATE**  
*MENTIMUN (CUCUMBER)*

**TERO MASE**  
*TOMATO (TOMATO)*




**KERROT**  
*LOBAK MERAH (CARROT)*





**MOKTE**  
RAMBUTAN (RAMBUTAN)



**TIMUN CINO**  
TEMBIKAI (WATERMELON)



**JABIT**  
ANGGUR (GRAPE)



**PAUH**  
MANGGA (MANGO)



**SETTO**  
*MANGSIS (MANGOSTEEN)*

**SAWO NILO**  
*CIKU (SAPODILLA)*



**NYOR**  
*KELAPA (COCONUT)*

**WOH TOPOH**  
*EPAL (APPLE)*





**KATOK PURU**  
**NAM-NAM**  
(*GYNOMETRA CAULIFLORA*)

**DURIAN SAYUR/SELAT**  
DURIAN BELANDA (SOURSOUP)



**TTEREY**  
**GAJUS (CASHEW)**



**TAMAR**  
KURMA (DATE)



# كانتن KelantanKini



## BICARAWARA

Membicarakan  
isu-isu belia, dunia remaja  
dan generasi milenial.

Juga topik sukan dan rekreasi,  
selain bicara bersama tetamu  
badan-badan bukan kerajaan.



## Siaran Langsung

Setiap Ahad, Selasa & Khamis

Jam 10:00 Pagi



Urus Setia Belia dan Sukan Kelantan

like & share



@ubesklate

follow us!

# JOM! PROMOSIKAN PRODUK ANDA MELALUI QIADAH

## KEUNTUNGAN ANDA



- 10,000 CAPAIAN PELANGGAN SECARA CETAKAN
- 100,000 CAPAIAN PELANGGAN SECARA MASA
- PERCUMA REKA BENTUK IKLAN
- PERCUMA MAJALAH QIADAH (MINIMA 50 UNIT)
- JIMAT DAN BERPATUTAN
- PENERBITAN DISAHAKAN OLEH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (MEMPUNYAI KOD ISSN)



PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN  
Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai,  
15050 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-747 4082 Faks: 09-747 7815

MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGKU  
**014-538 2083 (Adib)**





# MAGHI BELI!

BARE MMROH, RAMA SUKO, PAKAT DUNGOKH, ADD BELAKO  
#bazarviralkelate



بازار توكو جورو  
BAZAR TOK GURU

PUSAT JUALAN RUNCIT & BORONG TEKSTIL

MEDAN SELERA (TINGKAT 3)

GALERI SENI (TINGKAT 3)

GALERI SWAFOTO & GRAFITI (TINGKAT 3)

PUSAT JAHITAN PAKAIAN KOTA BHARU (TINGKAT 2 & 3)

PUSAT SEHENTI OKU NEGERI KELANTAN (TINGKAT 3)

PUSAT USAHAWAN ONLINE KELANTAN (TINGKAT 3)

HUBUNGI

014-538 2083 (ADIB)

WAKTU OPERASI:  
9.00 PAGI-6.30 PETANG  
(SABTU-KHAMIS)

SEWA BELI  
**RM350**  
SEBULAN

SEWAAN  
**RM90**  
SEBULAN

# SEWA KEDAI MURAH

Kempen Pemilikan Lot Niaga  
Usahawan Kelantan



#BAZARVIRALKELATE

HUBUNGI

019-932 2295 (GEE)  
011-25469440 (YUS)

Bazar Tok Guru

bazarviralkelate

www.pmbk.gov.my/pemasaran

**BAUCAR**

15% LOT BIASA

10% LOT PENJURU

DISKAUN BAGI 50 PEMBELI  
#BAZARVIRALKELATE

www.pmbk.gov.my

Bazar Tok Guru

bazarviralkelate

NAMA:  
ALAMAT:

NO. IC:

Baucar ini sah untuk pembelian di lot tingkat 2 & 3 Bazar Tok Guru



فَرِدَانْ مِنْتَرِي بَسَرِ كَلَنْتَنْ  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN  
[www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)



# KEKAL DI RUMAH KEKAL SELAMAT

HANYA KELUAR JIKA ADA URUSAN PENTING

**"Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak,  
gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk."**

(Riwayat Abu Daud: 1554)

